


Samudera



TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA • ROYAL MALAYSIAN NAVY

BIL03 2004 • ISSN 0127-6700



• ***Evolusi Peperangan
Maritim***

• ***DYMM Sultan Selangor
Penganugerahan Beret Kehormat PASKAL***

ISSN 0127-6700



9 770127 670004



Complete solutions to take you to the skies



CTRM is a leading aerospace company in Asia and a known industry player in the world.

The company was also established to develop resources and capabilities to lead Malaysia's composites industry into advanced leading edge manufacturing technology.

CTRM has successfully developed turnkey capabilities covering design development, manufacturing and aircraft production.

The dedication to maintaining a high level of quality and standard has brought recognition to CTRM from international players such as BAE SYSTEMS, Airbus and Alvis Bridging.

CTRM aims to take Malaysia to greater heights.

Composites Technology

Research Malaysia Sdn Bhd 208125-X

T02 3rd Floor 2310 Century Square

Jalan Usahawan 63000 Cyberjaya

Selangor Darul Ehsan Malaysia

T • +603 8313 5100

F • +603 8313 5111 / 5122

www.ctrm.com.my

Kandungan

Samudera

FOKUS	6
LAWATAN DI RAJA	10
PERBARISAN	12
DARI PENA	13
SUKAN	14
SEL BARU	15
KUALITI	18
ASET BARU	20
NAVAL TERMS	22
PROFIL TENTERA LAUT ANTARABANGSA	25
JOIN NAVY SEE THE WORLD	26
PROFIL UNIT	28
KAUNSELING	30
SUKAN	32
ILMU KELAUTAN	34
GALLEY SAMUDERA	36
GELAGAT	37
NOSTALGIA	38
BALANCE SCORE CARD (BSC)	40
BAKAT LAUT	41
ARMADA	42
KAUNSELING	44
ISU MARITIM	46
PROFIL UNIT	48
INFORMATION TECHNOLOGY (IT)	50
SENI	51
SIHAT	52
PERSONALITI	54
BERITA BERGAMBAR	56
KRITIS	60
TINTA ROHANI	61
SAJAK	62



Dari Meja Ketua Pengarang



Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera.

Bersyukur kita ke hadrat Illahi kerana dengan izin-Nya maka dapat sekali lagi kita bersua dalam keluaran **SAMUDERA** siri 3/2004. Di kesempatan ini, izinkan saya mengucapkan selamat berpuasa kepada seluruh warga ATM, muslimin dan muslimat sekalian. Mudah-mudahan kita semua tabah menghadapi segala ujian dan cubaan di samping terus mempertingkatkan iman di sepanjang bulan Ramadhan yang mulia ini. Isu **SAMUDERA** pada kali ini bakal mengetengahkan pelbagai perspektif menarik untuk dikongsi bersama para pembaca.

Para pembaca sekalian,
Sejajar dengan era kemodenan masa kini, kemajuan TLDM dalam bidang sains dan teknologi tidak dinafikan dan telah dapat mewujudkan pelbagai jenis senjata serta peralatan perang yang terkini. Ruangan fokus pada kali ini akan memaparkan **Evolusi Peperangan Maritim** yang akan menceritakan sejarah permulaan serta perkembangan peperangan maritim secara menyeluruh. Ia juga turut menyentuh pelbagai teknik dan perubahan corak peperangan maritim semenjak tahun 1,210 sebelum Masehi lagi.

Bagi pembaca yang inginkan maklumat menarik mengenai pengalaman belayar di luar negara pula, ruangan *Join The Navy* telah menyediakan beberapa slot pengalaman sepanjang pelayaran ke beberapa buah negara iaitu China, Vietnam dan Korea Selatan. Ruangan "Isu Maritim" pada kali ini pula akan menyentuh aspek keselamatan Selat Melaka dalam menghadapi pencerobohan pendatang asing. Selain itu, **SAMUDERA** juga turut menyajikan pelbagai ruangan menarik untuk diketengahkan sebagai bahan bacaan kepada para pembaca.

Semoga dengan terhasilnya **SAMUDERA** siri 3/2004 ini, lebih banyak maklumat yang berguna kepada pembaca akan dapat disampaikan. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua para pembaca yang memberi sokongan semenjak majalah ini diterbitkan. Akhir kata, saya bagi pihak sidang editor **SAMUDERA** ingin mengucapkan Selamat Hari Deepavali dan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua pembaca yang menyambut kedua-dua perayaan ini. Semoga ia akan menceriakan lagi hidup kita, insya-allah. Sekian.

Sedia Berkorban.

Samudera

SIDANG REDAKSI

PENAUNG/PENASIHAT

Laksamana Madya Datuk Ilyas bin Hj Din

KETUA PENGARANG

Laksamana Pertama Ahmad Kamarulzaman bin Hj Ahmad Badaruddin

PENGARANG

Kdr Mohd Reza bin Mohd Sany TLDM
Lt Rabayah bt Rahmat TLDM
Lt Rosdi bin Mohamad TLDM

WARTAWAN

BK PBS (I) Sabarudin bin Abas
LK 1 KNA Iswardi bin Rashidi
LK 1 KNA Che Alang Che Latif

WAKIL LUMUT

Lt Karimah bt Awi TLDM
Lt Masliza bt Maaris TLDM
LK 1 RGR Normahaily bt Mohd Nor

WAKIL MAWILLA 1

Lt Kamaruzaman bin Ahmad TLDM

WAKIL MAWILLA 2

Lt Che Hanifa Suriani bt Che Jaafar TLDM

WAKIL PULAREK

Lt Nurkahayu @ Nurfatihah bt Khalid TLDM

GAMBAR EHSAN

PR KEMENTAH
PR Markas Tentera Laut
PR Markas Armada
Warisan Advertising

REKABENTUK

Warisan Advertising Sdn Bhd
No. 25-2, Wisma Warisan
Jelatek Business Park, Jalan Jelatek
54200 KUALA LUMPUR
Tel: 03-42527279
Faks: 03-42527281

Samudera diterbitkan sebanyak empat kali setahun oleh Markas Tentera Laut Diraja Malaysia dan diedarkan secara percuma. Samudera mengalu-alukan sumbangan rencana, berita, gambar, cerpen, puisi dan seumpamanya daripada seluruh warga TLDM dan para pembaca yang budiman. Sila hantarkan sumbangan anda sama ada secara pos atau E-mel kepada:

**Pengarang Samudera,
Markas Tentera Laut,
Kementerian Pertahanan,
Jalan Padang Tembak,
50634 KUALA LUMPUR.
Tel: 03-20713165/3218
Faks: 03-26927677**

**E-mel: editorsamudera@yahoo.com
samuderaaduan@yahoo.com**

WITH IZAR,
THERE ARE
NO LIMITS



Frigate "Álvaro de Bazán" fires a Standard missile during trials.

IN NEWBUILDINGS

There is no place for second best when specifying warships. That's why the world's navies look to **IZAR** for the very latest technology, the most advanced designs. **IZAR** is still the only shipbuilder in the world to have built an aircraft carrier for another country's navy. And this was no one-off: currently under construction are two series of new-generation frigates for European navies. We've achieved our unique position by consistently challenging our preconceptions and those of our customers. **IZAR: no limits.**



IZAR
www.izar.es

build

repair

power

systems



EVOLUSI PEPERANGAN MARITIM

Oleh : LT KDR BAHARUDIN BIN WAN MD NOR TLDM

Peperangan pada dasarnya bermula dengan pergaduhan menggunakan tangan kosong, kayu dan batu. Sejarah dengan perkembangan teknologi, pergaduhan ini seterusnya berkembang menjadi pertempuran. Dengan terciptanya senjata seperti pedang, tombak dan panah, kumpulan kecil ini mula memikirkan cara yang lebih berkesan untuk mengatur gerak kumpulan masing-masing. Susun atur yang bertujuan untuk mengoptimumkan keupayaan peralatan atau persenjataan yang mereka ada ini menjadi asas kepada taktik dan strategi. Sungguhpun keupayaan sistem persenjataan dan taktik telah jauh berbeza dengan apa yang digunakan pada zaman dahulu, tujuannya masih sama iaitu memaksa pihak musuh untuk memenuhi kemahuan kita. Teknologi khasnya telah mengubah cara peperangan dilaksanakan dengan drastik. Pada hari ini satelit yang berlegar-legar beribu-ribu meter di angkasa lepas berupaya untuk membaca papan tanda jalan jika berada di sudut yang betul. Satelit juga berupaya untuk mencuri dengar perbualan seseorang dan seterusnya menyalurkan maklumat tersebut kepada pusat penganalisis suara di bumi. Ini bukan sahaja membolehkan pihak yang mengoperasikan satelit itu mengetahui apa yang dibualkan malah turut mengenalpasti siapakah yang menggunakan telefon tersebut. Peluru berpandu krus seperti TOMAHAWK yang digunakan oleh Amerika Syarikat (AS) mampu untuk mengenai sasaran sebesar sebuah kereta dengan tepat dari jarak 1,500 kilometer. Peluru berpandu balistik yang dilengkapi peledak nuklear pula mampu dilancarkan oleh kapal selam dari jarak melebihi 20,000 kilometer.



Pertempuran di Laut - Sejarah Awal

Pertempuran di laut yang pertama pernah direkodkan berlaku lebih 3,200 tahun yang lalu iaitu pada 1210 SM. Dalam pertempuran ini, puak Hettites telah mengalahkan angkatan perang dari Cyprus dan seterusnya membakar kapal-kapal Cypriot tersebut di laut. Ukiran batu dari tamadun purba Assyria sekitar tahun 700 SM pula menunjukkan sejenis kapal perang yang mempunyai 2 tingkat pendayung dengan sekumpulan askar bersedia untuk bertempur di geladak atas kapal tersebut. Terdapat juga rekod yang menceritakan tentang pertempuran di laut Mediterranean di antara penduduk bandar Corinth dengan Corcyra. Pada masa ini, kebanyakan kapal perang digunakan untuk mengangkut tentera dari satu medan pertempuran ke medan pertempuran yang lain.

Peperangan untuk mendominasi empayar Parsi dikatakan sebagai titik permulaan kepada pertempuran secara besar-besaran di laut. Dalam pertempuran ini, kebanyakan kapal adalah dari jenis "Triremes" iaitu kapal perang yang

dilengkapi layar tetapi turut menggunakan hamba sebagai pendayung. Bahagian haluan kapal pula biasanya dipasang dengan sejenis struktur kukuh yang menonjol ke hadapan. Taktik yang biasa digunakan ialah dengan merempuh bahagian tepi kapal musuh sebelum ianya diserang oleh kumpulan tentera yang sedia menunggu. Taktik ini terus digunakan selama beberapa ratus tahun berikutnya termasuklah semasa peperangan "Peloponessian" di antara sekutu bandar demokrasi Athens dan sekutu pihak Sparta. Peperangan di laut juga memainkan peranan yang besar semasa konflik merebut kuasa selepas kematian Iskandar Zulkarnaen.

Secara umumnya, tidak banyak perubahan dari segi taktik dan teknologi yang berlaku pada zaman ini. Sebagai contoh, sewaktu pertempuran di Actium (salah satu dari pertempuran dalam perang saudara empayar Rom) pada tahun 31 SM, pihak yang bertelagah masih menggunakan jenis kapal dan taktik yang hampir sama, cuma bezanya kapal-kapal perang tersebut bersaiz lebih besar dan membawa *manjanik* (sejenis pelontar batu besar yang digunakan untuk menggempur kota-kota zaman dahulu) yang telah diubahsuai.

Zaman Pertengahan

Pada abad ke-4 Masihi, terdapat rekod yang menceritakan tentang pertempuran di laut antara angkatan laut puak Vandal yang berjuang menentang penjajahan empayar Rom. Angkatan laut Arab mula muncul pada abad ke-7. Catatan awal mengenainya ialah berhubung kejayaan mereka menyerang Sicily pada tahun 652. Kejayaan terbesar mereka pada ketika itu ialah menewaskan empayar Bizantium melalui operasi bersepadu di laut dan darat pada 655. Bandar Constantinople pula telah diselamatkan pada tahun 678 melalui ciptaan sejenis alat penyembur api yang dikenali sebagai "Greek Fire". Teknologi ini mempunyai pengaruh yang begitu besar terhadap pertempuran di laut pada ketika itu. Ia menyebabkan taktik merempuh kapal lawan dengan tujuan melumpukannya sebelum diserang yang telah digunakan sejak sekian lama menjadi ketinggalan zaman.

Di Eropah pula, konflik antara England dan Perancis juga banyak melibatkan pertempuran di laut. Kebanyakan pertempuran ini lebih cenderung kepada melancarkan serangan ke atas kapal-kapal



pengangkut tentera musuh sebelum ia tiba ke kawasan pertempuran di darat. Taktik ini turut berubah sedikit demi sedikit apabila kedua-dua pihak mula sedar bahawa lebih mudah dan berfaedah untuk menyerang kapal-kapal pengangkut tentera berbanding dengan usaha untuk menyerang kapal perang mereka. Pada zaman ini, teknologi dan ilmu pelayaran juga semakin maju. Selain daripada itu, senapang dan meriam telah mula dicipta dan digunakan oleh kapal-kapal perang. Pertempuran Dover pada tahun 1217 antara angkatan laut Perancis yang terdiri daripada 80 buah kapal perang dan angkatan laut England yang terdiri dari 40 buah kapal perang diiktiraf sebagai pertempuran pertama yang menggunakan taktik kapal layar sepenuhnya.

Dari sudut teknologi pula, penghujung zaman pertengahan dianggap penting kerana banyak ciptaan berkaitan teknologi perkapalan yang berlaku. Di masa ini, saiz kapal semakin meningkat dan ia mula berupaya untuk menghadapi cabaran gelombang lebih besar di laut lepas. Ilmu pelayaran dan pemetaan yang semakin baik telah membolehkan kapal-kapal belayar dengan lebih jauh. Kebanyakan kapal pada permulaan zaman pertengahan mempunyai berat di antara 100 hingga 300 tan. Pada penghujung zaman ini, ia telah bertambah dan mampu membawa lebih banyak meriam, bekalan serta anak kapal. Salah sebuah daripada kapal terbesar pada era tersebut, "The Great Harry" dianggarkan seberat 1,500 tan.

Zaman Kegemilangan Kapal Layar dan Perluasan Empayar

Implikasi langsung daripada peningkatan keupayaan kapal-kapal perang dan komersial pada lewat zaman pertengahan ialah negara-negara kuasa utama dunia pada ketika itu seperti England, Sepanyol dan Portugis yang mana mula memikirkan cara untuk mengumpul lebih banyak kekayaan dan memperluaskan pengaruh masing-

masing. Persaingan ini antara lain mengakibatkan berlakunya penaklukan, rampasan dan perniagaan hamba di serata ceruk dunia. Pelayaran kapal Portugis "Flor Di La Mar" adalah satu contoh yang baik. Kapal tersebut dan kapal-kapal pengiringnya telah ditugaskan untuk mengumpul seberapa banyak harta kekayaan dari timur sebelum dibawa balik ke Portugal. Mengikut rekod, apabila kapal tersebut belayar meninggalkan Melaka, ianya amat sarat dengan harta kekayaan sehingga ruang untuk anak kapalnya bergerak menjadi terlalu sempit. "Flor Di La Mar" juga dikatakan telah mengosongkan perbendaharaan Melaka dari segala benda yang berharga. Walau bagaimanapun, malang bagi kapal tersebut apabila sikap tamak mereka membawa padah. Kapal tersebut tenggelam di Selat Melaka bersama-sama dengan harta yang dibawanya. Ahli sejarah dan pemburu harta karun menganggarkan harta yang dibawa oleh "Flor Di La Mar" mempunyai nilai semasa setinggi 80 billion Dolar AS - bangkai kapal yang paling berharga di dunia. Dipercayai juga "Flor Di La Mar" masih belum dijumpai sehingga kini.

Pertempuran di laut demi mempertahankan tanah jajahan yang pertama berlangsung pada bulan Mac 1508, apabila gabungan angkatan laut dari Mesir dan India berjaya merampas semula daerah Dabul, India dari Portugis. Bagaimanapun, 2 buah kapal Portugis berjaya melepaskan diri. Pada bulan Febuari tahun 1506, angkatan laut Portugis melancarkan serangan balas dan berjaya memusnahkan angkatan laut musuh mereka di Diu. Kemenangan ini telah menaikkan mertabat Portugal dan seterusnya menjadi simbol kepada kemunculan negara itu sebagai kuasa dominan di lautan Hindi. Insiden ini tentu mengingatkan kita kepada apa yang menimpa kerajaan Melayu Melaka pada tahun 1511.

Di Eropah pula, Raja Sepanyol - Phillip ke-5 telah menghantar sebuah armada perang yang besar untuk menundukkan

permaisuri Elizabeth dari England. Namun, Laksamana Sir Francis Drake bukan sahaja berjaya mematahkan serangan tersebut, malah turut memusnahkan armada Sepanyol yang jauh lebih besar. Kemenangan ini telah menjadikan England sebuah empayar dan kuasa laut utama di Eropah. Persaingan di antara kapal-kapal dagang England dan Belanda pada abad ke-17 akhirnya bertukar menjadi peperangan. Bezanya, kesemua pertempuran dalam peperangan ini berlangsung sepenuhnya di laut. Abad ke-18 pula telah menyaksikan semakin banyak pertempuran yang berlaku di laut terutamanya di antara kuasa-kuasa besar dunia pada masa itu. Hampir setiap pertempuran baru melibatkan lebih banyak kapal perang dari pertempuran yang terdahulu. Kapal-kapal yang musnah pula perlu diganti dan kapal-kapal baru harus dibina. Ini memerlukan perbelanjaan yang besar. Akibatnya, ekspedisi ketenteraan untuk menakluk dan memperluaskan empayar semakin digiatkan.

Pertempuran Trafalgar antara armada laut British di bawah pemerintahan Laksamana Nelson menentang gabungan angkatan laut Perancis dan Sepanyol pada 21 Oktober 1805 akhirnya membawa sedikit keamanan pada dunia. Kemenangan pihak British seterusnya telah mengesahkan status mereka sebagai kuasa laut terkuat di dunia dan membolehkan mereka mempunyai penguasaan hampir mutlak di laut. Era ini juga dikenali sebagai "Pax Brittanica". Zaman ini masih menyaksikan kapal layar yang dilengkapi meriam mendominasi peperangan maritim. Keunggulan Tentera laut British berpunca dari gabungan 3 faktor, iaitu kemajuan teknologi perkapalan, kebijaksanaan pimpinan tentera laut dalam mengatur strategi dan kemahiran para pelautnya.

Penghujung abad ke-19 menyaksikan pembangunan teknologi yang begitu pesat. Meriam yang lebih berkuasa, besar dan tepat dapat dihasilkan dengan lebih cepat dan



Soviet pula lebih mengutamakan pembinaan kapal selam dan kapal-kapal perang yang dilengkapi dengan sistem persenjataan yang bertujuan untuk memusnahkan aset utama musuhnya. Sistem persenjataan ini terdiri dari peluru-peluru berpandu dan torpedo khas serta kapal selam tertentu yang dikenali sebagai "Pemusnah Kapal Pengangkut" atau "Carrier Killer".



dalam jumlah yang banyak. Meriam-meriam ini berupaya untuk memusnahkan kapal yang diperbuat daripada kayu dengan mudah. Ini memaksa angkatan laut terbabit untuk mencari jalan bagi melindungi kapal mereka dengan lebih berkesan. Salah satu ciptaan yang popular pada ketika itu ialah lapisan armor untuk digunakan oleh kapal-kapal. Pada masa yang sama, kapal berkuasa stim juga mula diperkenalkan. Pertempuran di antara CSS VIRGINIA dengan USS MONITOR (juga sering dirujuk dengan nama "Duel Of The Ironclads") dalam Perang Saudara Amerika dianggap sebagai simbol kepada peralihan dari zaman kapal layar ke zaman kapal-kapal besi. Kedua-dua kapal ini dibalut dengan lapisan tebal armor sehingga tidak dapat ditembusi oleh peluru meriam lawannya.

Awal abad ke-20 pula menyaksikan kemunculan kapal-kapal perang yang lebih moden. Bentuk kapal yang hampir sama dengan apa yang biasa kita lihat mula dibina. Kapal-kapal ini menggunakan meriam yang dipasang di geladak atas selain daripada mempunyai enjin yang lebih berkuasa. Ini membolehkannya belayar dengan lebih jauh dan pantas. Pada masa yang sama, lapisan armor yang lebih kukuh turut dipasang. Kemunculan kapal-kapal ini dalam masa yang singkat telah mengakhiri era kegemilangan kapal-kapal perang yang menggunakan layar. Peperangan di antara Russia dan Jepun pada 1905 khususnya pertempuran pertama yang menggunakan strategi baru di mana kuasa tembakan digabungkan dengan strategi dan kepantasan manuvra. Kemenangan yang berpihak kepada Jepun ini ditambah pula dengan keupayaannya menewaskan angkatan laut China selama beberapa tahun kemudiannya telah menaikkan status Jepun sebagai sebuah kuasa besar yang baru dari Asia.

Perang Dunia Pertama yang tercetus menemukan 2 kuasa maritim utama dunia, angkatan laut British dan pencabar yang baru muncul iaitu Jerman. Pertembungan ini mencapai kemuncaknya dalam Pertempuran Jutland pada tahun 1916. Sekali lagi inovasi dalam bidang teknologi yang digabungkan dengan kebijaksanaan mengatur strategi telah menjadi faktor penentu yang menyumbang kepada kemenangan pihak British. Pada masa ini, kapal pemusnah, kruiser dan kapal penggempur berat (Battleship) telah mendominasi medan pertempuran di laut. Kapal selam pula mula muncul dan memainkan peranan sebagai "pemukul curi". Pada masa ini, sasarannya lebih tertumpu kepada kapal-kapal dagang yang membawa bekalan kepada pihak

musuh. Kebanyakan kapal selam pada ketika itu masih menggunakan meriam.

Perang Dunia Kedua pula menyaksikan kemunculan sejenis kapal baru - Kapal Pengangkut Kapal Terbang (Aircraft Carrier). Kapal ini bersama-sama dengan kuasa udaranya menjadi penentu dalam hampir setiap pertempuran utama di serata dunia. Semua kuasa utama dunia pada masa itu termasuk Jepun mempunyai kapal jenis ini. Kapal ini bukan sahaja bertempur di laut, malah dengan kuasa udara yang ada padanya turut campur tangan dan mempengaruhi pertempuran di darat. Dalam peperangan ini juga pada kebanyakan masanya, kapal pemusnah, kruiser dan kapal penggempur berat hanya diberi peranan sebagai pengiring kapal pengangkut kapal terbang atau sebagai kapal pengebom sasaran di darat. Teknologi kapal selam pula semakin maju, membolehkannya menyerang kapal-kapal perang musuh, selain dari sasaran kegemarannya, kapal-kapal dagang. Kapal selam Jerman amat berkesan dalam menyekat bekalan musuh sehinggalah pada satu masa, ia hampir berjaya memutuskan sama sekali bekalan makanan dan peralatan perang dari tiba di England. Sebagai jalan keluar, Pihak Bersekutu telah memperkenalkan taktik baru yang dikenali sebagai sistem konvoi. Taktik ini memerlukan kapal-kapal pengangkut bekalan ini diiringi oleh sejumlah kapal perang. Taktik ini bukan sahaja berkesan dalam mematahkan serangan kapal selam malah turut berjaya dalam menyerang balas dan memusnahkan sejumlah besar kapal selam musuh.

Pasca Perang Dunia Kedua

Tamatnya Perang Dunia Kedua pula sebenarnya menandakan bermulanya era Perang Dingin antara sekutu negara AS dengan sekutu Soviet Union. Ia juga memulakan era perlumbaan senjata nuklear dan merubah sama sekali strategi peperangan. Kapal-kapal kruiser dan penggempur mula dikurangkan jumlahnya. Kuasa-kuasa utama dunia mula menumpukan perhatian mereka kepada pembinaan kapal-kapal pengangkut kapal terbang, kapal selam dan kapal-kapal pengangkut tentera. Pada tahun 1950-an, kedua-dua pihak berlumba-lumba untuk mencipta kapal selam yang berupaya melancarkan peluru berpandu nuklear jarak jauh. Platform ini berfungsi sebagai dataran kepada pihak lawan kerana ia berupaya menyerang balas sebarang serangan nuklear yang dilancarkan terhadap negara asal atau sekutunya. Konsep ini dikenali sebagai "Second Strike Capability" di kalangan perancang pertahanan atau "Memastikan Kemusnahan Bersama" (Mutually Assured

Destruction - MAD) oleh pihak media kerana pada dasarnya walau siapa sekalipun yang memulakan serangan, pihak tersebut tidak akan menang tetapi yang pastinya kedua-dua pihak akan musnah.

Antara fokus utama perancang pertahanan angkatan laut era Perang Dingin ialah pertempuran besar-besaran di antara sekutu negara AS dengan sekutu Soviet Union di laut lepas dan disusuli dengan pendaratan besar-besaran tentera untuk menguasai sesuatu kawasan. Akibatnya, tumpuan terus diberikan kepada pembinaan kapal pengangkut kapal terbang dan pengiringnya, kapal selam dan kapal pengangkut tentera. Namun terdapat perbezaan dari segi pendekatan antara kedua-dua pihak. AS memberikan tumpuan kepada pembinaan kapal pengangkut kapal terbang kerana yakin kuasa udaranya mampu menguasai medan pertempuran dengan lebih menyeluruh dan berkesan. Soviet pula lebih mengutamakan pembinaan kapal selam dan kapal-kapal perang yang dilengkapi dengan sistem persenjataan yang bertujuan untuk memusnahkan aset utama musuhnya. Sistem persenjataan ini terdiri dari peluru-peluru berpandu dan torpedo khas serta kapal selam tertentu yang dikenali sebagai "Pemusnah Kapal Pengangkut" atau "Carrier Killer". Pada masa yang sama, kedua-dua pihak turut memastikan angkatan laut masing-masing terus berupaya untuk melancarkan serangan nuklear ke atas mana-mana sasaran darat di dunia. Namun demikian, dengan runtuhnya kerajaan Soviet Union pada tahun 1990, ancaman tersebut juga turut lenyap.

Selepas Perang Dunia Kedua, hanya 3 pertempuran penting yang berlaku di laut. Pertempuran pertama ialah antara India dan Pakistan pada tahun 1971, di mana hasilnya Bangladesh mencapai kemerdekaan dari Pakistan. Pertempuran kedua pula di kepulauan Falklands yang tercetus apabila Argentina merampas kepulauan itu dari British sebelas tahun kemudian. Peperangan Falklands ini mendedahkan kelemahan kapal perang dari serangan peluru berpandu anti kapal seperti Exocet. Banyak pelajaran yang diperolehi dan seterusnya diaplikasikan kepada teknologi pembuatan kapal perang selepas peperangan tersebut. Ia juga membuktikan keberkesanan penggunaan kapal selam dalam menentukan kejayaan sesuatu operasi. Pertempuran terakhir di laut setakat ini ialah semasa Perang Iran - Iraq antara tahun 1980 hingga 1988. Pertempuran ini tidak melibatkan pertempuran secara khusus antara 2 angkatan laut yang bertentangan sebaliknya yang menjadi mangsa serangan ialah kapal-kapal dagang yang membawa minyak di



perairan Teluk. Ini lebih cenderung kepada percaturan strategi di mana objektifnya adalah untuk menggugat ekonomi lawan.

Peperangan Teluk antara pihak bersekutu dan Iraq pada tahun 1991 dan terbaru pada 2003 tidak menyaksikan banyak pertempuran di laut. Ini kerana pihak bersekutu menguasai hampir sepenuhnya perairan berkaitan hingga tentera laut Iraq tidak mempunyai kesempatan untuk melancarkan sebarang serangan. Peperangan ini juga mendedahkan satu lagi aspek penting dalam strategi peperangan - konsep Peperangan Bersama. Konsep ini menekankan kepada kepentingan menggabungkan keupayaan angkatan laut, darat dan udara untuk mencapai apa yang dinamakan "Kemenangan Mukhtamad dengan Pantas" atau "Quick and Desicive Victory". Satu lagi dimensi yang mempengaruhi arah aliran teknologi dan strategi peperangan di laut ialah undang-undang antarabangsa. Ia menggariskan hak sesebuah negara serta perkara-perkara

kan keberkesanan pelbagai jenis sistem persenjataan, penerima dan maklumat yang berkaitan perkembangan pertempuran ialah konsep "Network Centric Warfare". Dengan mengambil kira ketepatan sistem persenjataan, keupayaan mendapatkan maklumat berhubung sasaran dan keupayaannya untuk bertindak dalam masa sebenar, keperluan untuk meminimumkan kemusnahan ke atas harta benda dan orang awam serta faktor-faktor lain seperti "Pusat Gravitasi" (sumber kepada semua kuasa dan pergerakan) musuh, konsep "Effect Based Operation (EBO)" pula diperkenalkan. Gabungan 2 konsep yang berasaskan teknologi tinggi ini membawa kepada perubahan radikal dalam tren peperangan termasuk di laut.

Pada masa yang sama, ancaman yang telah menjadi "tradisi" seperti serangan peluru berpandu balistik masih tidak diabaikan. Sebagai contoh, AS sedang berusaha untuk menyempurnakan satu sistem pertahanan peluru berpandu yang

balistik yang dilancarkan ke arah tanah besar AS atau negara sekutu rapatnya sebelum ia mengenai sasaran. Ini bermakna fungsi kapal perang tidak lagi terhad kepada pertempuran di laut menentang angkatan laut musuh, sebaliknya ia telah berkembang dan mempunyai impak yang besar terhadap cara dan "outcome" pertempuran di daratan serta udara. Dari sudut taktikal pula, Perang Dunia Kedua dan beberapa dekad berikutnya menyaksikan fokus perancang pertahanan angkatan laut ialah konsep pertempuran di laut atau "combat operation at sea". Namun demikian, sejak kira-kira sedekad yang lalu, fokusnya mula berubah kepada pertempuran dari laut atau "combat operation from the sea". Ini jelas menunjukkan kesungguhan mereka untuk memperluaskan fungsi dan pengaruh angkatan laut.

Perkembangan teknologi kekal sebagai faktor yang paling dominan sepanjang sejarah evolusi peperangan maritim. Faktor taktik dan strategi pula akan mempengaruhi arah aliran pembangunan teknologi tersebut.

Sistem yang dikenali sebagai "Strategic Defence Initiative (SDI)" ini menggunakan satelit yang berfungsi sebagai penerima dan senjata untuk memusnahkan peluru berpandu musuh sebaik sahaja ia dilancarkan. Ini akan menyebabkan peluru berpandu itu musnah sebelum ia sempat menghampiri sasarannya. Pihak media menggelarkan sistem ini dengan nama "Star Wars" kerana ia berasaskan teknologi angkasa lepas, atau "space based technology".



tertentu yang boleh atau tidak boleh dilakukan oleh pihak bertelagah dalam keadaan dan kawasan yang berbeza. Pengaruhnya mula ketara sejak perang Falklands.

Abad Ke-21

Perancang pertahanan tidak menjangkakan akan berlakunya pertempuran besar di laut untuk beberapa ketika. Serangan pengganas ke atas AS pada 11 September 2001 juga turut mengubah perspektif mereka. Perubahan bentuk ancaman secara mendadak ini memaksa mereka mencari jalan terbaik untuk menangani masalah tersebut dengan menggunakan aset sedia ada. Satu-satunya opsyen yang ada ialah mengkaji dan mengubahsuai taktik yang sedang digunakan. Salah satu konsep baru yang semakin popular bagi mengoptimum-

amat bergantung kepada teknologi satelit. Sistem yang dikenali sebagai "Strategic Defence Initiative (SDI)" ini menggunakan satelit yang berfungsi sebagai penerima dan senjata untuk memusnahkan peluru berpandu musuh sebaik sahaja ia dilancarkan. Ini akan menyebabkan peluru berpandu itu musnah sebelum ia sempat menghampiri sasarannya. Pihak media menggelarkan sistem ini dengan nama "Star Wars" kerana ia berasaskan teknologi angkasa lepas, atau "space based technology".

Sementara menunggu SDI beroperasi, sistem sementara yang dinamakan "Theater Missiles Defense" pula dibangunkan. Sistem ini menggunakan gabungan pelbagai jenis penerima (termasuk satelit dan radar kapal) serta kapal-kapal tertentu sebagai platform untuk menembak jatuh peluru berpandu

Interaksi kedua-dua faktor ini di samping pengaruh undang-undang antarabangsa berkaitan dijangka akan terus mencorakkan tren peperangan maritim. Satu perkara yang ketara akibat dari evolusi ini ialah kuasa angkatan laut semakin fleksibel dan berpengaruh dalam sebahagian besar konflik. Tidak ada siapa pun yang tahu bagaimana perang akan dilangsungkan pada masa hadapan. Kita hanya dapat menjangkakan bahawa ia akan berbeza dari apa yang kita lihat pada hari ini. Namun yang pastinya ialah peperangan akan terus berlaku dan angkatan laut akan terus terlibat dalam kebanyakan konflik, itu kerana fungsinya yang semakin berkembang. **S**

Keluaran akan datang...

Peperangan Anti Kapal Selam (ASW)

DYMM SULTAN SELANGOR PENGANUGERAHAN BERET KEHORMAT PASKAL

Oleh: LK I KNA ISWARDI BIN RASHIDI



Pemakaian beret dan lencana kehormat PASKAL oleh Panglima Tentera Laut.

Pada 6 Okt 04, DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj telah dianugerahkan Beret Kehormat PASKAL sempena keberangkatan baginda ke beberapa penempatan TLDM di Sabah. Baginda juga telah berkenan mencemar duli untuk menerima "Beret Ungu" melalui upacara penuh adat istiadat ketenteraan yang menjadi kebanggaan Pasukan Khas Laut (PASKAL) khasnya dan TLDM amnya. Upacara tersebut telah disempurnakan di Pangkalan Hadapan TLDM Semporna, Sabah. Majlis bersejarah ini turut diserikan dengan beberapa pertunjukan aksi dan persembahan menarik dari anggota PASKAL. Turut mengiringi di sepanjang keberangkatan baginda ke Sabah ialah Panglima Tentera Laut, Laksamana Dato' Sri Mohd Anwar bin Hj Mohd Nor dan Panglima Wilayah Laut 2, Laksamana Pertama Datuk Abd Aziz bin Hj Jaafar.



Pendaratan Super Lynx di KD LEKIU.



Taklimat Panglima Tentera Laut kepada Tuanku Sultan Selangor sebelum penerbangan meninjau perairan Sabah Timur.



"Ini belum full speed, Tuanku".

Sewaktu lawatan ke Semporna, baginda tidak melepaskan peluang untuk meninjau keselamatan dan keindahan pulau-pulau yang terdapat di sekitar Sabah Timur seperti Pulau Mabul, Pulau Sipadan dan Pulau Kapalai. Baginda bersama rombongan telah perkenan untuk menaiki Combat Boat (CB) 90HEX ke Pulau Mabul dan seterusnya bermalam selama 2 hari di Pulau Sipadan Water Village. Baginda dan rombongan telah berjalan kaki mengelilingi Pulau Sipadan sebelum diberi taklimat berkenaan keselamatan pulau-pulau sekitar Sabah oleh pihak BKN Sabah. Selesai taklimat, baginda seterusnya telah singgah di Pulau Kapalai sebelum ke KD LEKIU untuk santapan tengah hari. Pada keesokan harinya, baginda telah sekali lagi dibawa melawat ke pulau-pulau sekitar Pulau Sipadan dengan menaiki helikopter Super Lynx dari KD LEKIU.

Acara kemuncak lawatan berakhir pada 8 Oktober di mana baginda dan rombongan telah berangkat pulang ke Kuala Lumpur dan seterusnya menamatkan siri lawatan ke Sabah yang julung-julung kali diadakan itu. Kami menjunjung kasih atas perkenan Tuanku dalam mengikuti perkembangan TLDM secara dekat serta keperihatinan Tuanku dalam hal ehwal serta peranan TLDM dalam mempertahankan kedaulatan negara tercinta. Dirgahayu tuanku.

Di Pangkalan Hadapan TLDM Semporna, baginda telah berangkat ke sekitar pangkalan tersebut yang baru siap pembinaannya dan secara rasmi diserahkan kepada TLDM pada 1 Mac yang lalu. Selain itu, baginda juga telah mengadakan lawatan ke tapak projek Pangkalan TLDM yang baru di Teluk Sepangar, Kota Kinabalu Sabah. Lawatan ini dilakukan sehari sebelum baginda ke Semporna.

Tujuan baginda mengadakan lawatan ke Sabah adalah bagi meninjau perkembangan pembangunan aset dan infrastruktur baru TLDM. Ini, jelas menunjukkan keperihatinan baginda yang berjiwa rakyat dan sentiasa mengambil berat tentang pembangunan TLDM.



Bergambar kenangan...

PERBARISAN ULUNG TIMBALAN PANGlima TENTERA LAUT

Oleh : BK PBS (I) SABARUDIN BIN ABAS

Perbarisan Timbalan Panglima Tentera Laut (TPTL) telah diadakan buat julung kalinya di Padang Kawad Kementerian Pertahanan pada 25 Sep 2004 bagi memeriksa kesempurnaan dan kesegakan pakaian istiadat setiap anggota TLDM.

Perbarisan yang disertai oleh warga Markas Tentera Laut (MTL) yang terdiri daripada 8 buah platoon ini melibatkan Pegawai dan anggota lain-lain pangkat (LLP) seramai 256 orang. YBhg TPTL sendiri telah turut sama memeriksa platoon bersama pegawai-pegawai kanan yang dipilih, dengan menekankan rupa-rasa dan keterampilan diri setiap anggota. Detik yang bersejarah itu telah diserikan lagi dengan acara berjalan lalu setiap platoon. Anggota yang terlibat telah menjalani raptai selama empat hari dengan penekanan pada acara berjalan lalu yang mana telah dilatih oleh beberapa orang jurulatih persenjataan berwibawa yang diketuai oleh Pegawai Waren TLDM GI Ibrahim bin Zaini. Turut diadakan dalam majlis itu ialah upacara penyampaian sijil khidmat cemerlang kepada pegawai dan anggota LLP bagi tahun 2003. Seramai 8 pegawai dan 10 anggota yang diketuai oleh Laksamana Pertama Ir Hj Ahmad Murad, telah menerima sijil dan cenderahati masing-masing yang disampaikan oleh TPTL.

Dalam ucapan TPTL, beliau menegaskan betapa perlunya perbarisan sebegini dilakukan dari semasa ke semasa kerana ia mencerminkan kekuatan sebenar satu-satu pasukan dalam menanam semangat jati diri yang tinggi bagi menghadapi segala cabaran dalam era globalisasi. Di samping itu, usaha seumpama ini juga mampu menerapkan semangat berpasukan dan setiakawan di antara setiap warga TLDM khususnya dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) amnya. Beliau mengharapkan agar setiap lapisan anggota memperkasakan minda dan melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dalam setiap bidang yang diceburi agar pelaksanaan tugas dapat dilakukan dengan berkesan.

Dari segi lain, beliau menyeru agar semua anggota menitikberatkan kesihatan



TPTL semasa menerima tabik hormat

Foto: BM KNA Amir

diri agar keterampilan diri dapat diserikan dan seterusnya berupaya menjalankan tugas sebaik mungkin. Dalam masa yang sama, TPTL melahirkan rasa kecewa dengan sikap segelintir anggota yang tidak berdisiplin dengan terlibat dalam pelbagai gejala sosial seperti Tidak Hadir Tanpa Cuti (THTC), penggunaan dadah dan lain-lain lagi. Perkara ini secara tidak langsung telah memudahkan peluang TLDM untuk memenangi Anugerah Kualiti Perdana Menteri yang boleh diibaratkan seperti **nila setitik, rosak susu sebelanga**. Sejak kebelakangan ini, penglibatan anggota dalam aktiviti kurang sihat didapati semakin meningkat. Bagi memastikan agar situasi ini tidak berterusan, beliau menyarankan agar semua anggota menanamkan kesedaran dengan melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti yang sihat dan berfaedah.

Dalam perbarisan ini, TPTL turut menekankan agar semua anggota warga MTL khususnya dan warga TLDM amnya

sedar tentang pengorbanan kerajaan memperuntukkan berbillion ringgit kepada TLDM dan ATM dalam menyediakan pelbagai kemudahan termasuk kelengkapan pakaian anggota. Beliau mengingatkan anggota agar jangan mengambil sikap mudah dan cepat berpuashati dengan apa yang telah diberi dan dilakukan, malahan berusaha dengan lebih gigih lagi untuk meningkatkan kualiti kehidupan diri dan keluarga.

Di akhir ucapan, beliau mengharapkan agar perbarisan seumpama ini dapat diteruskan pada masa-masa akan datang. Secara tidak langsung, tahap kesiapsiagaan warga dapat dinilai, untuk dijadikan titik-tolak dan kayu pengukur terhadap kekuatan sebenar pasukan TLDM memikul tugas yang telah diamanahkan oleh kerajaan sebagai benteng pertahanan Negara. Beliau tidak mahu TLDM hanya "Gah" pada nama sahaja.



TIMBALAN PANGLIMA TENTERA LAUT

(Laksamana Madya Datuk Ilyas bin Hj Din)

“Saya amat tertarik dengan pandangan YAB Timbalan Perdana Menteri tentang integriti intelektual yang beliau rungkai semasa Hari Kualiti Kementerian Pertahanan 5 Nov 2004”

Sebagai anggota tentera amnya dan tentera laut khususnya, mengendali aset yang disediakan seperti kapal dan pesawat terbang memerlukan pengetahuan dan kemahiran yang tinggi. Dilihat dari sudut pembangunan insan, intelektual menjadi keperluan utama selain daripada aspek kerohanian dan fizikal. Hanya dengan tahap intelektual yang tinggi lagi subur dapat dibangunkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi serta trampil. Justeru, integriti intelektual menjadi satu perawis penting dalam penyediaan tenaga kerja yang mahir, berkualiti serta trampil supaya segala aset tentera laut yang moden lagi sofistikated dapat dikendali dengan baik lagi berkesan. Integriti intelektual perlu dijadikan agenda penting oleh setiap anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) untuk peningkatan diri sendiri. Pihak kepimpinan TLDM sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap intelektual anggotanya namun tanpa sokongan dan komitmen semua, segala usaha tidak akan berjaya.

Usaha kita untuk memenangi Anugerah Kualiti Perdana Menteri (AKPM) pada tahun ini tidak akan berjaya. Pada hemat saya kebantutan usaha ini adalah berkaitan dengan kes yang masih disiasat oleh pihak Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan juga laporan yang telah dibuat ke pihak Biro Aduan Awam. Dua isu ini tidak kita jangka akan diambil kira oleh pihak penganjur. Walau bagaimanapun, saya akur tentang kedudukan tersebut kerana sesebuah organisasi yang hendak mencapai tahap kualiti bertaraf nasional perlu mempunyai tenaga kerja yang berkualiti. Kita semua perlu bertanggungjawab di atas isu moral yang melanda TLDM kerana ianya membabit integriti keseluruhan TLDM. Saya mengingat diri saya sendiri dan rakan yang lain supaya peka di dalam hal ini dan jangan kita jatuh ke dalam golongan orang yang lalai. Amberuknya sesebuah organisasi berpunca dari cabaran dalaman dan bukannya ancaman luar.

Kerajaan telahpun meluluskan Pindaan Skim Perkhidmatan Pegawai dan Anggota Angkatan Tentera berkuatkuasa 1 Oktober 2004 sekaligus menghasilkan skim gaji baru. Kita berterima kasih kepada kerajaan yang sentiasa prihatin ke atas rakyat amnya dan kebajikan anggota Angkatan Tentera khususnya. Secara amnya semua anggota dan juga pegawai sehingga pegawai berpangkat Brig Jen setaraf akan menikmati kenaikan gaji. Peratus kenaikan ialah di antara 19.66% hingga 28.72% untuk anggota pangkat lain dan untuk gaji pegawai di antara 2.78% hingga 8.4%. Marilah kita menguatkan iltizam dan tingkatkan semangat untuk menentukan produktiviti kerja yang lebih tinggi lagi berkualiti selaras dengan pengiktirafan kerajaan khususnya dan sokongan rakyat jelata amnya. Rezeki yang halal amat dituntut oleh Allah Azza Wa Jalla.





PENEMBAK TLDM JUARA LAGI !

Oleh: LT ROSLI BIN JAMALUDIN TLDM
Foto: PW II KMR Sapiah bt Pilus



Upacara perasmian lapang sasaran menembak TLDM

“TLDM Juara Lagi!”. Itulah kata-kata yang diucapkan oleh Laksamana Pertama Ahmad Kamarulzaman, Pengerusi Persatuan Menembak TLDM selesai sahaja keputusan keseluruhan diumumkan sewaktu berlangsungnya pertandingan menembak antara perkhidmatan ATM dalam pertandingan kejohanan “International Sport Shooting Federation” (ISSF) di Pusat Kecemerlangan Sukan Menembak ATM, Pangkalan TLDM Lumut baru-baru ini. Pertandingan tahunan ini disertai oleh ketiga-tiga perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia iaitu TDM, TLDM dan TUDM.

Kejohanan tersebut menawarkan sebanyak 24 pingat emas bagi 12 acara yang dipertandingkan. Acara tersebut ialah “Air Rifle” bagi lelaki dan wanita, “Sport Pistol” bagi wanita, “Free Pistol” bagi lelaki, “Small Bore Sport Rifle Prone” bagi wanita, “Small Bore Free Rifle 3 Positions” bagi lelaki dan wanita, “Small Bore Free Rifle Prone” bagi lelaki, “Standard Pistol” bagi lelaki dan “Side Arms” terbuka. Secara keseluruhannya, pasukan TLDM telah membidik sebanyak 20 buah pingat emas daripada 24 buah pingat emas yang dipertandingkan. Kejayaan TLDM dalam mengekalkan kejuaraan buat kali ke-7 berturut-turut diserikan lagi dengan pujian serta rasa puas pasukan TDM dan TUDM atas kecemerlangan Persatuan Menembak TLDM menganjurkan temasya ini di Pangkalan TLDM Lumut. Secara keseluruhannya, pasukan TLDM telah berjaya mengumpul sebanyak 20 emas, 8 perak dan 7 gangsa. Ini diikuti dengan TDM di tempat ke-2 dengan 4 emas, 9 perak dan 4 perak manakala TUDM dengan 7 perak dan 1 gangsa di tempat ke-3.

Dalam kejohanan tersebut, TLDM telah membariskan penembak-penembak berpengalaman seperti BM HDI Mohd Emran bin Zakaria, LK PPP Mohd Sabki bin Hj Mohd Din, PW II KMR Sapiah binti Pilus, BK KMK Alais bin Neek Sulung, PW II TMS Mohd Raihimi bin Mat Yasin, BK KNA Sumiah binti Suratman, BK KNG Zulkefli bin Ismail, LK PPP Fauzi bin Hashim, LK I PPP (PKL) Khalel bin Abdullah,

BM KMR Zaleha binti Ahmad, BM TLR Zulkifli bin Daud, BK TMK Mohd Nazri bin Abdullah, BK TMS Norazhar bin Mat Naw, BK PPP (GI) Mohd Fuad bin Abd Rahman, LK PPP Sazali bin Dzahuri, LK I PKM Md Sani bin Mohd Ghazali, LK I KMR Zulkifli bin Abu Bakar serta LK I KMR Shamila binti Sabil.

Di samping itu juga, penembak-penembak junior turut diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam kejohanan tersebut sebagai pendedahan awal untuk mereka menimba pengalaman. Peluang ini bertujuan untuk membentuk pasukan pelapis TLDM. Malah percaturan TLDM dalam membariskan penembak-penembak junior telah berjaya menambah jumlah pungutan pingat untuk TLDM. Para penembak junior yang berpotensi itu ialah LM STN (L) Rozihanim binti Khairuddin, LM STN (S) Andik Jamaliah binti Andik Burhanuddin, LM STN (L) Elizawati binti Ismail, dan LM STN (L) Norzaritha binti Khancil. Bagi TLDM, kepada mereka inilah bakal disandarkan harapan untuk mewarisi kecemerlangan para penembak senior kelak.

Kejayaan ini sekaligus telah membuktikan bahawa organisasi TLDM bukan sahaja cemerlang dalam tugas-tugas teras malah turut bersinar dalam acara-acara lain seperti sukan misalnya. **Syabas dan tahniah kepada penembak TLDM yang menyertai kejohanan tersebut.**

Sokongan kepimpinan TLDM khasnya iaitu Laksamana Dato' Seri Mohd Anwar bin Hj Mohd Nor selaku Panglima Tentera Laut serta Laksamana Madya Datuk Ilyas bin Hj Din selaku Timbalan Panglima Tentera Laut dalam menyediakan peralatan serta infrastruktur bagi sukan menembak untuk TLDM kini ternyata telah membuahkan hasilnya. Dalam pada itu, pembinaan kompleks menembak di Pangkalan TLDM Teluk Sepang, Sabah kelak akan lengkap dengan sistem simulator yang tercanggih di Malaysia. Semoga usaha dari segenap pihak ini akan terus menyemarakkan semangat semua penembak dan bakal-bakal penembak TLDM untuk memberikan yang terbaik - **Syabas Navy!**



Gaya penembak tepat oleh peserta wanita



PERHUBUNGAN STRATEGIK TLDM – PELAKSANAAN MSM DAN PENUBUHAN TIM BANTUAN MTU

Oleh Lt Kdr Rozaide bin Megat Othman TLDM

Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) memiliki populasi besar terhadap jumlah jentera MTU (Motoren Turbinen Union) yang digunakan di atas kapal-kapal TLDM berpangkalan di seluruh negara. Kapal-kapal ini diselenggara sendiri oleh TLDM dan disokong oleh industri tempatan di pangkalan terlibat. Beberapa kelemahan dikenalpasti bagi memastikan status dan kualiti senggaraan jentera MTU berada di tahap yang terbaik. Ianya termasuklah penurunan prestasi jentera MTU akibat kurang pemahaman dan kepakaran ke atas enjin MTU, yang mana telah menjejaskan tempoh operasi kapal dan meningkatkan kos senggaraan serta pembekalan alat ganti tambahan. Penyataan masalah serta perbincangan senggaraan jentera MTU telah dirumuskan melalui Persidangan Tahunan TLDM dan MSM (MTU Service Malaysia) di Ayer Keroh, Melaka pada 7 dan 8 Julai 2003. Pendekatan "smart partnership" juga telah diketengahkan. Hasilnya, satu rumusan utama yang dicernakan dari persidangan tersebut ialah penubuhan Tim Bantuan MTU. Tujuan utama penubuhan Tim Bantuan MTU ialah bagi meningkatkan lagi pengurusan logistik jentera MTU demi mencapai tahap kesiagaan Armada TLDM seperti yang dikehendaki.

Beberapa sebab utama dikenalpasti menjadi penyumbang kepada kemerosotan kesiagaan dan status keupayaan jentera MTU seperti berikut:

- Kurang pengetahuan terhadap senggaraan yang diperlukan mengikut spesifikasi jentera Original Equipment Manufacturer (OEM) oleh anggota-anggota TLDM.
- Kelemahan dalam merancang pembekalan dan penyimpanan stok alat ganti mandatori, rutin atau lazim bagi jentera MTU.

- Pembaikan kerosakan dilakukan oleh kontraktor-kontraktor termasuklah limbungan yang tidak memiliki kelayakan dan pelantikan yang diperakui dari OEM. Bahkan beberapa kajian yang dijalankan telah mendapati sebilangan jentera MTU milik TLDM tidak diselenggara mengikut piawaian OEM.
- Kerosakan tidak dikesan dengan sempurna atau dibaiki dengan segera serta tidak menjalani rutin senggaraan mengikut tempoh yang dikehendaki. Sesetengah jentera MTU dibaiki tanpa mengikut spesifikasi sebenar rekabentuk.

Keanggotaan Tim ini telah diper Jawatkan pada 20 Apr 04 dan Upacara Pelantikan Tim dan perasmian Kursus Bantuan Kepakaran MTU telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah Cawangan Kejuruteraan, Laksamana Pertama Ir. Hj Ahmad Murad bin Hj Omar TLDM pada 17 Mei 2004.

ORGANISASI

Organisasi Tim Bantuan MTU diper Jawatkan di Bengkel Kejuruteraan Mekanikal Depoh Senggaraan Armada (DSA), Pangkalan TLDM Lumut, Perak dan diletakkan bawah pemerintahan Pegawai Memerintah DSA. Fungsi Tim ini dikenalpasti tidak bertindih dengan tugas dan tanggungjawab yang dilakukan oleh Penguasa Ujian Armada atau Penguasa Senggaraan Armada di Markas Sistem Armada, sebaliknya bekerjasama antara satu sama lain terhadap keperluan yang dikehendaki. Tim Bantuan MTU berfungsi untuk mengawasi, menyelia, mengawal jaminan kualiti, mengkordinasi latihan dan senggaraan untuk anggota TLDM dan Kontraktor.

Tim ini selaku Tim Ujian akan mewakili TLDM untuk berurusan secara terus dengan pihak Pusat Senggaraan MSM yang terletak di Bandar Baru Manjung, Perak bagi semua aktiviti senggaraan, pembaikan dan latihan terhadap semua jentera MTU TLDM. Tim ini juga akan bekerjasama rapat dalam pengurusan kontrak senggaraan MTU dengan Seksyen Pengawasan Pembaikan Luar (NOOR) – DSA.

Organisasi Tim Bantuan MTU adalah seperti berikut:

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Peranan yang akan dilaksanakan oleh Tim ini seperti berikut:

- Merupakan pusat penyeliaan TLDM bagi semua jentera dan elektronik (kawalan dan pengawasan) MTU.
- Menguruskan Tim Bergerak (Mobile Team) yang ditugaskan dan melawat kapal-kapal TLDM bagi tujuan pembaikan, penyeliaan





dan pengumpulan data.

- c. Merupakan pusat sumber rujukan dokumentasi jentera MTU.
- d. Merupakan pusat sumber rujukan dan dokumentasi alat ganti MTU.
- e. Mengemaskini dan menguruskan semua data senggaraan berjadual, pembaikan, modifikasi, condition monitoring dan ujian prestasi.
- f. Mengkoordinasi dan mengemaskini rekod latihan dan kursus MTU bagi anggota TLDM.
- g. Mengemaskini status perkakas khas (special tools) MTU oleh kapal-kapal TLDM.
- h. Mengemaskini status alat ganti dan komponen dalam stok MTU di Depot Bekalan Armada dan kapal-kapal TLDM.
- i. Menyediakan khidmat nasihat dan senggaraan kepada armada-armada TLDM.
- j. Mengawal dan mengawasi senggaraan oleh pihak MTU dan Sub-Kontraktor yang berkecualan.

Pihak MSM selaku OEM peralatan MTU yang sah telah berusaha memberi sokongan logistik yang terbaik. Ia dapat dilihat dengan pelbagai kerjasama dan perkhidmatan yang diberikan. Peranan dan penglibatan MSM telah dipersetujui dalam penubuhan dan pelaksanaan Tim Bantuan MTU bagi memantapkan lagi keupayaan tim. Pihak MSM akan terlibat dalam usaha-usaha berikut:

- a. Menyediakan khidmat nasihat dan bantuan terhadap piawaian MTU, tanda aras dan dokumentasi terkini kepada Tim Bantuan.
- b. Menyedia dan melaksanakan penglibatan staf Tim Bantuan dalam kajian projek pilot Routine Kit MTU 16V 538 TB 90/91.
- c. Mengkoordinasi latihan rombak pulih rutin W5 dan W6 kepada Tim Bantuan di MSM.
- d. Membantu Tim Bantuan TLDM menjalankan ujian-ujian jentera yang diperlukan ke atas kapal TLDM.
- e. Membantu meningkatkan taraf kelayakan senggaraan Tim Bantuan dan sub-kontraktor.

KEPAKARAN DAN LATIHAN

Latihan kepakaran akan diberi dan dikoordinasi bersama MSM bagi melengkapkan kemahiran dan kelayakan yang diiktiraf oleh MTU. Aspek senggaraan dan kualiti ditekankan terhadap semua topik di mana objektif kursus yang disediakan adalah bagi mencapai sasaran yang ditetapkan. Semua anggota Tim akan



Persidangan Tahunan Logistik TLDM dan MSM 2004 telah diadakan pada 15 dan 16 Julai 2004 sebagai platform bagi kerjasama yang dijalinan dalam mengatasi masalah logistik secara strategik dan menghasilkan pengurusan yang lebih efisien sejajar dengan pendekatan 'smart partnership'.

berupaya untuk melaksanakan tahap-tahap senggaraan tertentu dan menganalisis kerosakan yang berlaku.

Kursus Bantuan Kepakaran MTU telah dirancang pada 17 Mei hingga 30 Jul 04 sebagai pendedahan awal dan motivasi yang diperlukan oleh Tim. Kursus ini melibatkan lawatan ke limbungan dan firma, kelas teori dan latihan amali. Perancangan latihan berterusan akan dikendalikan dari masa ke masa mengikut keperluan dan sasaran tahun 2005 seperti berikut.

- a. Kajian semula pencapaian Rancangan Tahun 2004 dan pelaksanaannya.
- b. Melaksanakan audit status jentera dan peralatan MTU dalam pegangan TLDM.
- c. Memperkenalkan bantuan diagnosis status dan prestasi peralatan berdasarkan kajian audit dan ujian.
- d. Merangka rancangan latihan kepada staf kapal dan pangkalan secara berterusan oleh Tim Bantuan dan mengenalpasti pengganti Tim Bantuan yang seterusnya.

PENUTUP

Pendekatan bagi merealisasikan penubuhan Tim Bantuan MTU telah digariskan bagi memenuhi matlamat dan objektif penubuhan organisasi yang ingin dicapai. Tindakan ini dirumuskan bagi mengatasi pemasalahan semasa dan penurunan kesiagaan jentera MTU dengan pendekatan Class Management yang lebih berkesan. Persidangan Tahunan Logistik TLDM dan MSM 2004 telah diadakan pada 15 dan 16 Julai 2004 sebagai platform bagi kerjasama yang dijalinan dalam mengatasi masalah logistik secara strategik dan menghasilkan pengurusan yang lebih efisien sejajar dengan pendekatan 'smart partnership'. Persidangan kali ini melangkah lebih jauh bagi membincang dan merumuskan beberapa isu strategik dan pemasalahan yang telah dikenalpasti melibatkan sesi taklimat, dialog dan bengkel disusuli perbincangan panel bagi merumuskan pelan tindak.

Keperluan bagi memastikan kesiagaan Armada TLDM sentiasa terpelihara adalah fungsi utama sesebuah organisasi logistik yang bertanggungjawab. Bagaimanapun, kelemahan dan kekurangan dalam sokongan senggaraan dan alat ganti memerlukan kajian dan penilaian yang menyeluruh terhadap pengurusan senggaraan, proses, data dan sumber manusia. Bagi mendapatkan keberkesanan yang maksimum terhadap kesiagaan operasi jentera-jentera MTU dalam perkhidmatan TLDM, inisiatif penubuhan Tim Bantuan MTU ini telah dihasilkan bagi menuju ke arah penambahbaikan berterusan.



Engineering solutions that shape the future

MTU Services (Malaysia) Sdn Bhd (MSM) is the successful offspring of MTU (Motoren- und Turbinen-Union, a DaimlerChrysler company with more than 100 years expertise in building engines. MSM shares the same commitment to excellence and vision of its global family. With a zeal for only the best, we have made industrial headway in developing specialised expertise and invested in the infrastructure which enables us to provide complete services with regards to diesel engines, the only entity capable of doing so in the country.

MSM's extensive activities encompass distribution, after-sales services, training, product support and total maintenance packages, comprising maintenance, repairs and overhaul works (MRO) on full range of Detroit Diesel and MTU engines. MSM continues to set standards others can measure by. Its aspiration is consistent with the country's vision of achieving status of a developed nation and by continuing our pursuit of offering synergistic services we're well on our way to further successes.



fascination of power



MTU Services (M) Sdn. Bhd.

No. 9-11 Block C1, Jalan PJJU 1/41 Dataran Prima,
47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.
Tel: 603-7804 4766 • Fax: 603-7805 2192
E-mail: mtu@tm.net.my

MSM Service Centre

Lot 3708, Kawasan Perindustrian Sri Manjung,
32040 Bandar Baru Sri Manjung,
Perak Darul Ridzuan, Malaysia.
Tel: 605-688 1152 • Fax: 605-688 1404
E-mail: mtuwshop@tm.net.my

MTU Services (Malaysia) Sdn Bhd is the sole distributor and provides complete and exclusive service of MTU and DDC engines in Malaysia.

A DaimlerChrysler Product

PENGIKTIRAFAN ISO Menjana Kecemerlangan TLDM

Oleh : BK PBS (I) Sabarudin Bin Abas

Adalah menjadi satu kebanggaan bagi satu organisasi bila mendapat pengiktirafan MS ISO 9001: 2000. Agensi kerajaan telah diarahkan melaksanakan MS ISO 9000 disemua agensi selepas tahun 2000 melalui arahan surat pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam bil 2 tahun 1996 dan surat pekeliling perbendaharaan bil 4 tahun 1997. Selaras menyahut seruan kerajaan, Tentera Laut Diraja Malaysia tak terkecuali mengambil peluang untuk mencapai tahap pengiktirafan ini. Bermula dengan Markas Pendidikan dan Latihan, Cawangan Latihan Penyesuaian Laut Markas Armada dan hinggalah kehari ini, TLDM tidak menoleh kebelakang kerana satu demi satu unit mengikut jejak langkah untuk mendapat pengiktirafan sedemikian



Terbaru, 3 Formasi telah diiktiraf serentak. Tarikh 9 Ogos merupakan tarikh bersejarah bagi 3 unit iaitu Cawangan Hidrografi Markas Tentera Laut, Pusat Taktik Maritim TLDM dan Pusat Selam TLDM yang berpangkalan di Lumut. Majlis Penganugerahan berlangsung dengan penuh gemilang bertempat di Auditorium Kolej Tentera Laut Diraja Pangkalan TLDM Lumut. Majlis itu telah disempurnakan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak yang juga merangkap sebagai Menteri Pertahanan Malaysia. Turut hadir dalam majlis yang bersejarah itu ialah Panglima Tentera Laut Laksamana Dato' Seri Mohd Anwar Bin Hj Mohd Nor.

Cawangan Hidrografi ditubuhkan pada tahun 1969 telah diberi tanggungjawab dalam menangani segala hal ehwal hidrografi negara. Objektif penubuhan cawangan adalah untuk menyediakan perkhidmatan hidrografi perairan Malaysia serta menerbitkan carta dan publikasi nautika untuk kegunaan Angkatan tentera Malaysia dan komuniti maritime kearah mengekalkan pertahanan negara, sempadan maritime, keselamatan pelayaran dan memenuhi kehendak pelanggan. Dengan Visi dan Misi untuk menjadi sebuah organisasi yang berkualiti dalam memberikan produk hidrografi, oseanografi dan perkhidmatan berterusan menyumbang kepada

keselamatan negara dan pembangunan maritime serta dapat memenuhi tanggungjawab dalam pengurusan data hidrografi & oseanografi dengan lebih efisien, sewajarnya cawangan ini menjana usaha kearah pengiktirafan itu.

ISO telah diperkenalkan di cawangan ini pada tahun 2003. Bermula dari fasa 1 yang mana kesedaran diwujudkan pada semua anggota tentang kepentingan pengiktirafan ISO dan didedahkan secara berperingkat. Perbincangan dengan pakar perunding dilakukan dan disertai dengan latihan serta penubuhan jawatankuasa pemandu dan jawatankuasa penyelar. Pada 23 Sep 2003, Fasa kedua bermula dimana satu bengkel penyediaan dokumentasi diadakan di Port Dickson. Dalam fasa ini, beberapa perbincangan dan persembahan dokumentasi dilakukan sehinggalah proses berjalan lancar dan satu perjumpaan dengan Timbalan PTL oleh pengarah pusat diadakan. Seterusnya permohonan Adequacy Audit dihantar kepada SIRIM. Fasa berikutnya, pelaksanaan berdasarkan dokumentasi dibuat dimana Internal Quality Auditing dilaksanakan diikuti Adequacy Audit findings pada 16 Feb 2004. Diperingkat fasa 4, Internal Quality Audit dilakukan sebanyak 2 hari diikuti dengan mesyuarat Management Review. Di fasa 5, Cawangan Hidrografi telah menjalani proses Audit

Pematuhan oleh pihak SIRIM pada 28 dan 29 April 2004 dan telah berjaya dengan cemerlang seterusnya telah dipersijilkan pada bulan Mei 2004.

Pusat Taktik Maritim atau PUSTAKMAR pula adalah satu pusat peperangan terulung Tentera Laut, ianya berperanan penting dalam mengimplimentasi dan merealisasikan dasar dan doktrin pertahanan maritim TLDM khasnya dan ATM amnya. Bisnes teras pusat ini mengutamakan pembangunan kemahiran peperangan maritim khususnya dalam aspek prosedur peperangan dan proses membuat keputusan. Untuk mencapai sasarannya, PUSTAKMAR telah melaksanakan langkah berterusan berlandaskan visi dan misi. Visi untuk menjadi pusat latihan perang terunggul manakala misi memberi latihan yang berkesan dalam peperangan maritim serta melaksanakan penyelidikan dalam latihan olah perang demi mempertingkatkan tahap profesionalisma peperangan maritim armada.

Perlantikan Jawatankuasa Penyelar MS ISO 9001 : 2000 telah ditubuh pada 26 Mei 2003 untuk memastikan Sistem pengurusan berjalan lancar pada setiap bahagian. Perlantikan AJK diketuai oleh Kdr Ganesh a/l Navaratnam TLDM sebagai ketua Projek. Seterusnya Audit Kecukupan telah dilaksanakan oleh En Mani Maaran K dari SIRIM QAS International Sdn Bhd dan hasil



Pusat Taktik Maritim (PUSTAKMAR)



Pusat Hidrografi

audit menunjukkan dokumen Prosedur Kualiti menepati Piawaian. Majlis Perlancaran MS ISO 9001 : 2000 pula telah berlangsung di Auditorium Dato Zain pada 13 okt 2003 disempurnakan oleh Yang Berbahagia Laksdya Datuk Ramlan Mohamed Ali. Majlis pelancaran itu telah memberi perangsang dan dorongan yang positif kepada warganya untuk lebih komited dalam pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti di PUSTAKMAR. Audit Pematuhan pula telah dilaksanakan pada 28 dan 29 Apr 2004 dimana hasil audit menunjukkan Unit ini telah mematuhi standard piawaian dengan tiada sebarang ketidakakuratan. Kejayaan ini telah direalisasikan atas kepimpinan jitu Komandan PUSTAKMAR iaitu Kept Dr Md Hassan bin Omar TLDM PhD.

Bagi Pusat Selam TLDM, telah mengorak langkah awal dalam usaha mencapai matlamat untuk menjadi sebuah formasi yang disegani dan tersohor. Selaras dengan hasrat itu, Unit ini telah mengambil pendekatan khusus dalam memastikan perkhidmatan, keanggotaan, peralatan, kemahiran dan pengetahuan ditingkatkan bagi menangani segala permasalahan di era globalisasi ini dengan lebih teratur dan

efisien. Dengan Misi dan Visi untuk menjadi sebuah organisasi yang mapan, cekap dan berkesan dalam membangunkan keupayaan dan kemahiran dalam arena penyelaman, Pemusnahan Ordnan Letupan dan Penyelamam Perik Api, Pusat Selam sebenarnya telah lama maju dan mantap setanding dengan unit lain yang telah diiktiraf. Sejak ditubuhkan dari sebuah unit yang kecil dengan peralatan yang minimum sehinggalah terbinanya di satu lokasi yang strategik dengan mempunyai berbagai kemudahan infrastruktur dan peralatan canggih, permodenanya begitu ketara dan pengiktirafan MS ISO 9001 : 2000 adalah titik noktah yang tak dapat disangkal.

Kronologi bermula dengan memajukan permohonan ke pihak MAMPU pada awal Feb 2003. Skop pelaksanaan dan persijilan Sistem Pengurusan Kualiti bermula yang mana satu Jawatankuasa Penyelaras dibentuk diketuai oleh Lt Kdr Abdul Rahman Bin Mukri TLDM telah memulakan proses penyediaan dokumen pada awal jun 2003, dibantu dengan khidmat pakar perunding yang dilantik oleh Markas Tentera Laut. Sebanyak 25 prosedur termasuk Manual Kualiti yang telah didokumenkan

digunapakai dan dipatuhi oleh pusat ini dapat disiapkan mengikut jadual yang dirancang dengan komitmen yang tidak berbelah bagi dari Ahli Jawatankuasa yang dilantik. Segala proses ini memerlukan kerjasama dan kesungguhan yang jitu bukan saja dari AJK bahkan dari semua lapisan warga Pusat Selam. Dalam usaha untuk mengekalkan tahap profesionalisma selari dengan piawaian ISO, beberapa pegawai dan anggota telah dihantar menghadiri kursus berkaitan MS ISO 9000 demi meningkatkan penghasilan kerja berkualiti. Akhirnya kejayaan yang dicitakan oleh semua warga Pusat telah dapat dicapai dan tarikh 9 Ogos 2004 adalah satu tarikh keramat bagi ketiga formasi TLDM ini.

Pengiktirafan MS ISO 9001 : 2000 telah menjadi pemangkin ke arah kecemerlangan TLDM diharapkan ianya dapat mencetus semangat baru bagi unit yang lain mengikuti jejak langkah untuk mencapai kegemilangan serta menghasilkan budaya kerja yang sistematik selaras dengan slogan Cemerlang, Gemilang dan Terbilang.

Syabas TLDM

Pusat Selam TLDM





SIMULATOR DCFF TLDM

Situasi Cemas Melawan Kebakaran/ Kebanjiran di Kapal

Oleh : BK TLS SEKARAN A/L GOVINDASAMY (NETC)

*Dalam era pemodenan TLDM, Markas Pendidikan dan Latihan (MPL) telah maju selangkah lagi sejajar dengan perkembangan teknologi terkini apabila memperolehi Penyelaku **Damage Control And Fire Fighting Training Unit (DCFFTU)***

Aset yang dianggap penting dari segi pengendalian latihan untuk anggota bagi mengawal banjir dan melawan api dalam sesebuah kapal.

Teknik mengawal banjir dan kebakaran di kapal memerlukan kemahiran tinggi serta mempunyai tahap pengendalian peralatan yang baik supaya tugas dapat dilaksanakan dengan berkesan dalam menjaga harta benda daripada musnah. Kemahiran dan taktik dalam bidang ini hanya akan diperolehi melalui latihan, pengalaman sebenar serta penambahan ilmu pengetahuan yang berkaitan.

Justeru, MPL sebagai pusat latihan tunggal TLDM telah dipertanggungjawab

untuk melahirkan warga TLDM yang profesional terhadap bidang yang diceburi selaras dengan visi '**MPL Sebagai Pusat Kecemerlangan Dalam Pendidikan dan Latihan.**' MPL telah menyediakan pelbagai kemudahan dan infrastruktur dalam usaha mempertingkatkan tahap kemahiran dan profesionalisme melalui pembelian peralatan yang lebih canggih mengikut perkembangan era globalisasi yang semakin maju.

Dalam usaha pembaharuan, MPL telah memperolehi satu sistem DCFFTU bagi menggantikan DC Training Unit (DCTU) yang telah digunakan sejak tahun 1983 sebagai unit latihan asas dalam mengawal

kerusakan dan melawan api. Markas ini telah memajukan cadangan keperluan modul DCFFTU pada 29 Ogos 1994 di bawah Rancangan Malaysia Ke-7. Usaha yang berterusan serta komitmen pihak atasan telah mewujudkan DCFFTU yang terbaru pada 8 Ogos 2004 dengan kos sebanyak RM14.91 juta.

Penyelaku DCFFTU ini, terdiri daripada dua modul berasingan, iaitu; 'Damage Control Training Unit' dan 'Fire Fighting Training Unit'.

Damage Control Training Unit(DCTU)

DCTU dibina bercirikan satu seksyen reka bentuk kapal jenis Frigate yang berukuran 15.5m x 7.45m x 11.4m. Ia beroperasi dengan menggunakan sistem hidraulik bagi menggerakkan modul ini agar mampu berada dalam kedudukan condong sehingga 20° ke arah *Port* dan *Starboard* semasa latihan.

Ini bagi membiasakan anggota mengalami situasi sebenar di atas kapal terutamanya ketika menghadapi cuaca buruk atau sesuatu bencana. Dalam modul ini, peserta kursus akan didedahkan kepada perkara berikut:

- Pengawasan banjir.
- Pengawasan kerosakan kapal semasa Stesen Bertindak.
- Pengawasan kerosakan ketika berlaku pelanggaran kapal.
- Teknik mengepam banjir dengan menggunakan *Fixed and Portable Educto* dan pam-pam



Pelatih mengawal situasi banjir semasa latihan

- e. mudalahih.
- f. Pembaikan kerosakan dan kebocoran paip.
- g. Pemasangan kabel kecemasan elektrik.
- h. Pengawasan asap daripada merebak.
- i. Pemindahan dan menyelamatkan mangsa cedera.
- j. *Fire and Helicopter Crash on Deck.*
- k. Simulasi *Ship Roll And Motion.*

Semua latihan tersebut akan dikendalikan sebagai simulasi dan diawasi dari Bilik Kawalan Utama (MCR). Selain daripada itu, terdapat juga sistem komunikasi yang lengkap untuk perhubungan serta stesen-stesen asas dalam organisasi NBCD.

FIRE FIGHTING TRAINING UNIT (FFTU)

Modul FFTU pula diperbuat daripada keluli berbentuk 'T' berukuran 5.87m x 12m x 5.2m dan dilengkapi dengan 2 buah geladak beserta bilik. Dalam modul ini, terdapat Stesen Kawalan, Stesen Minyak, Sistem Paip Bomba dan Sistem Pembakaran Minyak dan Gas (LPG).

Melalui FFTU ini, latihan yang menyerupai situasi yang sebenar di atas kapal dapat dijalankan. Antara latihan yang



Simulator dinamik yang menyamai situasi kebanjiran kapal

dikendalikan dalam modul ini adalah seperti berikut:

- a. Teknik melawan api melalui pintu dan peraka.
- b. Teknik memasuki semula bilik (re-entry procedure).
- c. Penggunaan *Thermal Imaging Camera*.
- d. Memindahkan mangsa dari bilik yang terbakar.

- e. Memakai alat pernafasan (Breathing Apparatus).
- f. Latihan pengendalian *BA Controller*.
- g. Penggunaan *ELSA* di dalam bilik yang dipenuhi asap.
- h. Mengawal asap daripada merebak.

Bagi mencapai objektif yang diharapkan, MPL telah menyelaraskan latihan DCFFTU dalam program RALA selama 2 minggu kepada semua cawangan. Latihan tersebut dikhaskan bagi kelas lanjutan BM Q dan pertengahan LK Q. Kursus DCFFTU diajar secara teori di bilik kuliah dan amali (Simulasi) dalam modul DCFFTU. Latihan simulasi ini akan dapat mempertingkatkan lagi tahap pengendalian teknik-teknik secara sistematik untuk berfungsi dalam keadaan persekitaran yang serupa terutama apabila berlaku bencana sebenar.

Pengwujudan DCFFTU ini telah membuka satu lembaran baru dalam perkhidmatan TLDM amnya dan MPL khususnya, sebagai langkah yang berterusan untuk meningkatkan sistem latihan di MPL. DCFFTU akan memantapkan lagi keupayaan dalam pengendalian latihan secara efisien dan efektif di samping meningkatkan lagi prestasi serta ketrampilan anggota dalam bidang DCFF kepada tahap yang optimum.



Proses penyejukan penting dalam melawan kebakaran



Devil To Pay..., Feeling Blue..., Gun Salute....

Oleh: LT RABAYAH BT RAHMAT TLDM

Naval Terms adalah istilah yang diguna dan dipertuturkan dalam tentera laut. Dalam bidang penulisan pula, penggunaan istilah-istilah ini begitu meluas. Ia bertujuan untuk memudahkan lagi pemahaman seseorang tanpa menggunakan perkataan sebenar yang mungkin lebih susah untuk diperjelaskan erti katanya.

Istilah-istilah ini tidak wajar dipinggirkan apatah lagi untuk dijadikan panduan dan dalam masa yang sama, sebagai pengetahuan kepada warga muda TLDM terutamanya.

Bagi siri ini, seiring dengan usaha TLDM untuk memupuk budaya maritim, kami ingin berkongsi 10 lagi istilah dalam *Naval Terms* untuk dikongsi bersama para pembaca:



DEVIL TO PAY

Pada masa ini, ungkapan *Devil To Pay* diguna untuk menerangkan tentang hasil yang kurang memuaskan daripada sesuatu tindakan yang diambil. Keadaan ini sama seperti seseorang yang menyesali perbuatan yang tidak patut dilakukannya. Akibatnya, ***There will be the devil to pay.***

Pada asalnya, ungkapan ini menggambarkan tentang tugas yang tidak menyenangkan kepada warga kapal kayu. *Devil* adalah pelipit papan terpanjang yang terdapat di kapal kayu. Kerja menampal papan pelipit dilakukan dengan *pay* atau sejenis tar.

Selain itu, tugas *paying the devil* (mengetar pelipit) di kapal dalam keadaan bercangkung di perut kapal adalah satu perbuatan yang dianggap "pantang" oleh semua pelaut.



FEELING BLUE

Apabila anda bersedih dah m e n y a t a k a n bahawa anda *Feeling Blue*, anda sebenarnya sedang menggunakan frasa yang dceduk

daripada adat resam silam bagi kapal-kapal layar laut dalam. Keadaan ini berlaku apabila sesebuah kapal kehilangan Nakhodanya atau salah seorang pegawai semasa pelayaran. Kapal tersebut akan mengibarkan bendera biru dan melukiskan garisan biru di sepanjang badan kapal sekembali kapal itu ke pelabuhan asalnya.

GUN SALUTE

Tindakan melepaskan/menembak kesemua jumlah meriam dalam sesebuah kapal pada zaman dahulu sebelum memasuki mana-mana pelabuhan asing, dianggap sebagai satu penghormatan kepada pelabuhan tersebut (ia melambangkan niat baik kapal kepada pelabuhan yang ingin dimasuki).

Ini kerana kerja-kerja pengisian semula meriam akan mengambil masa yang panjang untuk dilaksanakan. Justeru, jika kapal tersebut berniat jahat kepada pelabuhan asing yang disinggahi, niat itu tidak akan dapat dilakukan dalam jangka masa yang singkat.



HEAD

Head di kapal tentera Laut bermaksud **Bilik Air**. Istilah ini dicipta oleh krew kapal layar pada zaman dahulu. Istilah ini akan digunakan ketika krew kapal hendak membuang air besar terutamanya. Tempatnya adalah sama ada di kiri atau kanan haluan kapal dan ia terletak berhampiran dengan ukiran bahagian depan kapal.

HE KNOWS THE ROPES


Pada zaman kapal layar silam, istilah ini dicipta dan dicatatkan apabila seseorang kelasi diberhentikan perkhidmatannya kerana kurang pengalaman. Kelasi ini didapati hanya mengetahui tentang nama-nama dan kegunaan tali-tali utama sahaja. Pada masa kini, istilah ini membawa maksud yang bertentangan iaitu bagi orang yang sangat berpengalaman dalam sesebuah organisasi.



LOG BOOK

Pada zaman kapal layar silam, rekod-rekod kapal ditulis di atas kepingan kayu. Kepingan-kepingan ini akan dicantumkan agar menampakkannya seperti sebuah buku. Hasil cantuman kepingan-kepingan kayu ini dikenali sebagai **Buku Log** (Log Book). Namun demikian, setelah penggunaan kertas diperkenalkan, istilah *Log Book* tetap dikekalkan.





MAYDAY

Mayday adalah isyarat antarabangsa melalui radio yang diperakui di seluruh dunia. Isyarat ini digunakan oleh seseorang atau mana-mana kapal apabila mengalami keadaan kecemasan di laut. Perkataan ini berasal dari negara Perancis iaitu *m'aidez* yang telah diolah semula. Ia bermaksud "**Tolong Saya**". Penggunaan istilah ini juga telah menerima pengiktirafan antarabangsa dalam konteks *aviation* dan *maritim* pada tahun 1948.

PORT HOLES

Perkataan *Port Holes* mula digunakan semasa pemerintahan Raja Henry VI England (1485). Pada masa itu, Raja Henry memerintahkan supaya dipasang meriam yang besar di lambung kiri kapalnya. Cara ini adalah bertentangan dengan tradisi lama yang menempatkan meriam di geladak haluan dan di belakang.



Seorang pembuat kapal berbangsa Perancis bernama James Baker telah ditugaskan untuk melaksanakannya. Beliau telah membuat pintu-pintu kecil di bahagian dalam kapal dan seterusnya meletakkan meriam di bahagian yang dikehendaki. Pintu-pintu kecil yang dibuat adalah untuk melindungi meriam daripada panas cuaca dan ia hanya akan dibuka apabila meriam hendak digunakan. Perkataan pintu dalam bahasa Perancis adalah *porte* yang kemudiannya telah diolah sebagai *port*. Seterusnya, penggunaan istilah ini telah diperluaskan kepada sebarang lubang yang ada di bahagian tepi kapal sama ada pada meriam atau lain-lain peralatan.

S.O.S

Berbeza dengan tanggapan umum mengenainya, huruf-huruf S.O.S sebenarnya bukanlah bermakna *Save Our Ship* atau *Save Our Souls*. Huruf-huruf ini dipilih bagi menunjukkan keadaan kecemasan sedang berlaku. Ini berikutan dalam penggunaan sistem "Kod Morse", perkataan dan gabungan bunyi bagi sebutan huruf-huruf ini didapati agak mengelirukan.



SPLICE THE MAIN BRACE

Sewaktu perang, perkakasan layar sering menjadi sasaran utama oleh pihak lawan untuk dimusnahkan kerana ia boleh menjejaskan keupayaan seseorang kapal untuk manuvra atau bergerak. Jika tindakan ini berjaya dilakukan, ia akan memberi kelebihan kepada musuh/pihak lawan untuk menyerang.

Oleh yang demikian, sebaik sahaja perang berakhir, kerja-kerja utama yang akan diberi lebih perhatian adalah untuk membaik pulih peralatan dan tali-temali kapal yang rosak (tali-temali ini digunakan untuk menampun angin bagi mengubah sudut kembangan layar) serta tali braser (tali yang melalui takal semasa mengembangkan layar).

Walaupun tali braser tiada spesifikasi khas, ia dianggap sebagai penyokong utama kepada ketegapan tiang kapal untuk bergerak ke arah hadapan dan belakang. Selain itu, tugas menganyam tali-temali ini juga merupakan antara kerja-kerja rutin yang sangat rumit kerana ia bakal menentukan tahap keselamatan kapal.

menemui sahabatku, AZIAN

ape khabar geng? Lama tak dengar cerita?

Harap-harap sihat selalu

Kini saya bekerja di sebuah **AGensi PENGiklanan**

saya suke sangat keje kat sini!!!

Kita orang buat kerja-kerja **Reka Bentuk, Percetakan, Periklanan Radio dan TV, Bill Board,**

acara-acara khas, pameran dan Ekspo

dan macam-macam lagi

(ape-ape yang berkaitan dengan pengiklanan).


Nampaknya sampai sini saja dapat saya coretkan.

Ikutkan hati banyak lagi yang saya nak coretkan!!!

Saya kene siapkan persembahan **Multimedia** untuk klien saya

Jangan lupa saya kat sini Rajin-rajin lah tulis surat

Dari sahabatmu


NURUL AINI

P/s : saya ada kIRIMKAN gambar terbaru saya.

Kalau ada klien, jangan lupa saya ye!

Call 03-4252 7279



Hubungan erat terjalin tidak semudah disangkakan...

Kami hargai keakraban yang terjalin di antara agensi-klien kerana ia membolehkan kita mencapai matlamat yang hakiki. Pengalaman yang dikongsi, aspirasi serta kejayaan bersama menghasilkan persefahaman yang lebih bermakna. Segala cita-cita, segala tujuan lebih mudah dicapai apabila kita bersefahaman.



Warisan Advertising Sdn Bhd

(258090/T)

25, Wisma Warisan, Jalan Jelatek 2
Jelatek Business Park, 54200 Kuala Lumpur
Tel: 603-4252 7279, 4252 7280. Faks: 603-4252 7281
Email: warsb@tm.net.my

FORMIDABLE CLASS FRIGATES NEW STEALTH FRIGATES FOR REPUBLIC OF SINGAPORE NAVY

By : Lt Cdr Hariza Hashim RMN

In March 2002, the Ministry of Defence (MINDEF), Singapore, signed a contract with Direction des Constructions Navales (DCN) of France for the construction of six Formidable Class multi-mission frigates for the Singapore Navy. The first of class, RSS Formidable, was launched on 7 January 2004 at the Lorient Dockyard in Brittany, France. The contract includes a technology transfer program under which the construction of the first frigate is to be carried out in France and then five further frigates will be built in Singapore by Singapore Technology Marine (STM) at the Benoi shipyard. The frigate programme is named Project Delta and is being managed by Singapore's state-owned Defence Science and Technology Agency (DSTA). Following the launch of the RSS Formidable in January 2004, work started on fitting the combat and platform systems. The frigate will arrive in Singapore in the second quarter of 2005 and will enter service in 2007. All six will be in service by 2009.

The six Formidable Class frigates will comprise of RSS Formidable (68), RSS Intrepid (69), RSS Steadfast (70), RSS Tenacious (71), RSS Stalwart (72) and RSS Supreme (73). RSS Intrepid, constructed by STM, was launched in July 2004. The frigates will replace six Sea Wolf Class missile gunboats that entered service in 1972 and have been in service for more than 30 years.

DESIGN

The Project Delta design is a smaller version of the French La Fayette class stealth frigate, which has low radar, acoustic, infrared and electromagnetic signatures. A high level of automation and closely integrated combat and ship management systems has been selected to allow the frigate to be operated with a crew of just 70. The overall length is 114.8m with a beam of 16.3m and draught of 6.0m. The full load displacement is 3,200t.

COMMAND AND CONTROL

The Combat Management System was developed by the state owned DSTA with ST Electronics to meet the operational requirements of the Republic of Singapore Navy. DSTA also has

responsibility for the combat systems integration. The Standard Operating Common Consoles, with 20in LCD displays, are supplied by Singapore Technologies Electronics, a subsidiary of ST Engineering. It was also reported that the combat system is based on Thales TAVITAV 2000 design. The Integrated Communications System is also supplied by Singapore Technologies Electronics.

MISSILES

The frigates are armed with the Boeing Harpoon surface-to-surface anti-ship missile. The Harpoon missile has a range of 130 km and uses active radar guidance. The missile is armed with a 227 kg warhead.

The frigates are also fitted with the DCN Sylver vertical launch system with MBDA Aster 15 surface-to-air missiles. There are four eight-cell SYLVER A43 launch modules with 32 missiles. The two-stage Aster missile is a very high agility and high manoeuvrability defensive missile for deployment against incoming sea skimming anti-ship missiles, which uses evasive terminal manoeuvres and re-attack modes. In the anti-missile mode, the Aster 15 has a range of 15km. Aster also provides protection against manned and unmanned aircraft up to a range of 30km.

GUN

The main gun for the frigates is the Oto Melara 76mm/62 Super Rapid gun, which fires 6kg shells up to a range of 16km. It has a firing rate of up to 120 rounds per minute.

ANTI-SUBMARINE WARFARE

The EDO Model 980 ALOFTS active low frequency towed sonar provide the frigates with long-range detection and classification capability against submarines. ALOFTS comprises a variable depth sonar (VDS) towed body with a towed array.

The frigates are also equipped with two triple-barrelled lightweight torpedo launchers and armed with the Eurotorp A244S torpedo.

AIRCRAFT CAPACITIES

The frigates have the capacity to operate a single medium sized helicopter in the 10t class. The helicopter deck at the stern, approximately 22m x 16m (360ms), has a single landing spot. The hangar is fully equipped with helicopter support and maintenance systems. The frigates can carry an additional 15 aircrew for helicopter flight operations.

It is also reported that Republic of Singapore Air Force (RSAF) will fly the ship borne helicopter



and helicopter mission crew will be from the Republic of Singapore Navy. RSN is considering selection and procurement of the Eurocopter Cougar, NH Industries NH-90 or the Sikorsky S-70.

SENSORS

The Herakles multi-function radar, supplied by Thales, is the frigate's primary surveillance radar. This phased array radar is a three-dimensional, search and fire control radar operating over E- and F-bands. The radar, installed in a radome on top of the main mast, carries out long-range air and surface surveillance and weapon control. The Herakles radar is integrated with the Aster air defence missile system. The frigates surface search and navigation radar is the Terma Scanter 2001, operating at I-band. Countermeasure systems are yet to be announced.

PROPULSION

The frigates are powered by four MTU 20V 8000 diesel engines in a combined diesel and diesel (CODAD) configuration. Each engine is rated at 8,200kW. The engines drive two shafts with constant pitch propellers. The cruise and maximum speeds are 18 and 27 knots and the range is 7,200km (4,000 nautical miles). S

Frigate Delta - Medium Class 1980-1990



KD SRI INDERA SAKTI & KD JEBAT

**HARUNGI LAUTAN KE CHINHAE, KOREA SELATAN, SHANGHAI,
REPUBLIK RAKYAT CHINA DAN HO CHI MINH CITY, VIETNAM**

Oleh: LT Noorlida TLDM

Foto: LT Noorlida TLDM

Dengan iringan bacaan doa memohon keselamatan dan kesejahteraan sepanjang pelayaran serta perlindungan untuk keluarga yang ditinggalkan, kedua-dua kapal melepaskan tali memulakan pelayaran lawatan operasi ke luar negara. Tepat jam 1430, tanggal 21 Jun 2004, dengan megah KD SRI INDERA SAKTI dan KD JEBAT berangkat meninggalkan tambatan Pangkalan Lumut, Perak.



Penukaran cenderahati Malaysia-Korea

Pelayaran lawatan operasi yang mengambil masa selama sebulan ini menuju ke ChinHae, Korea Selatan, Shanghai, Republik Rakyat China dan Ho Chi Minh City, Vietnam. KD SRI INDERA SAKTI di ketuai oleh Pegawai Memerintah Kept Jamil bin Osman TLDM merangkap Pegawai Rentah Taktis penugasan ini manakala KD JEBAT dibawah Pegawai Memerintah P/Kept Zulkifli bin Abu Bakar TLDM masing-masing membawa 243 dan 219 anak kapal termasuk pegawai dan anggota tumpangan sementara .

ChinHae, Korea Selatan **(1 – 3 Jul 2004)**

1 Julai 2004, jam 0930, KD SRI INDERA SAKTI berlabuh di Pelabuhan ChinHae, Korea Selatan. Kedatangan kedua-dua kapal TLDM ini disambut dengan penuh kemesraan. Pengaluan pegawai dan anggota ROKN dapat dirasai dengan lambaian Jalur Gemilang dengan iringan muzik oleh pasukan

pancaragam ROKN. Hadir menunggu ketibaan ialah Rear Admiral Choi Yun Hee, Commander Component Flotilla Five, Kol Ho Wah Juan, Penasihat Pertahanan (DA) Malaysia di Korea Selatan beserta isteri, Puan Peggy dan pegawai-pegawai serta anggota ROKN yang lain. Kalungan bunga kepada kedua-dua Pegawai Memerintah dan kain rentang 'Welcome RMN Ships' di tengah Bandar ChinHae adalah petanda kehadiran kapal TLDM dan warganya sememangnya amat dinanti dan dialu-alukan.

Pelabuhan ChinHae terletak di antara Bandar Masan (sejauh 8.5nm) dan Bandar Metropolitan Busan (sejauh 35nm) melalui jalan laut. Ia mengambil masa kira-kira 20 minit ke Masan dan 1 jam ke Busan melalui jalan darat. Sebagaimana sinonimnya Pekan Lumut bagi warga Pangkalan TLDM Lumut, begitulah Bandar ChinHae bagi warga ROKN. Ia merupakan bandar Tentera Laut bagi Korea Selatan .

Bandar ChinHae dan Bandar Metropolitan Busan adalah dua bandar yang berbeza dari segi kepadatan penduduknya, namun mempunyai tahap pembangunan, kebersihan, susun atur bangunan dan sistem jalanraya yang sempurna yang sama. Kehadiran kereta jenama tempatan seperti KIA dan HYUNDAI di jalanraya, papan tanda jenama besar seperti SAMSUNG dan DAEWOO di merata-rata menunjukkan kebanggaan rakyat Korea terhadap kepesatan perindustrian milik mereka. Selain perindustrian, Korea juga boleh berbangga dengan tempat-tempat menarik yang boleh dilawati khususnya di Busan. Keadaan cuaca musim panas yang sentiasa diiringi hujan sewaktu kehadiran warga kapal TLDM tidak sedikit membataskan ruang untuk menikmati kepesatan dan keindahan Kota Metropolitan ini. Namun begitu, Korea bukanlah syurga bagi mereka yang gemar membeli





belah. Kos sara hidup yang tinggi , menawarkan harga barangan dan perkhidmatan yang berganda berbanding negara kita. Justeru, untuk menikmati makanan di kedai atau membeli buah-buahan di sini, terpaksa mengeluarkan wang saku sebanyak 3 kali ganda berbanding Malaysia.

Shanghai, Republik Rakyat China (6 – 9 Julai 2004)

Setelah mengharungi pelayaran yang agak sukar dengan keadaan cuaca yang menggusarkan hati selama 3 hari, pada 6 Jul 2004, kapal memasuki Sungai Yangtze menuju ke lokasi. Sepanjang sungai, dari jauh kelihatan kapal-kapal dagang berderetan seakan berbaris menunggu untuk masuk ke pelabuhan yang dikenali sebagai salah satu pelabuhan yang tersibuk di dunia. Mengharungi Sungai Yangtze bukanlah tugas mudah apatah lagi apabila memasuki Sungai Huangpu yang agak sempit dan cetek. Kedalaman sungai yang cetek dan berkeladak agak membataskan kelajuan kapal. Di kiri kanan sungai yang sempit ini, kelihatan deretan tongkang-tongkang dan bot-bot kecil berhimpitan. Tidak kurang juga yang berderetan di celah-celah kapal dagang yang bertali arus berurusan keluar dan masuk ke pelabuhan. Kesukaran mengharungi kesibukan Sungai Huangpu yang mencabar kewibawaan ini, sesungguhnya memerlukan kematangan pertimbangan nakhoda kapal yang berpengalaman dan berpengetahuan luas dalam ilmu kelautan, sememangnya dimiliki oleh kedua-dua Nakhoda kapal TLDM ini.

Ketibaan kapal TLDM disambut meriah oleh pegawai dan anggota dari People Liberation Army-Navy (PLAN). Turut hadir ialah Kept Noh bin Abdul TLDM, Penasihat Pertahanan (DA) Malaysia ke Beijing dan isteri, pegawai dari Kementerian Pelancongan Malaysia dan beberapa orang wakil dari pejabat Kedutaan Malaysia ke China. Kehadiran kapal KD SRI INDERA SAKTI dan KD JEBAT turut mendapat liputan dari stesen televisyen *Shanghai Bureau* dan akhbar-akhbar tempatan. Liputan yang meluas ini adalah bersempena dengan sambutan ulangtahun ke 30 perhubungan diplomatik di antara Republik Rakyat China dan Negara Malaysia. Kept Jamil bin Osman



Selamat Datang TLDM

TLDM sewaktu ditemuramah, mewakili rakyat Malaysia khususnya warga kapal KD SRI INDERA SAKTI dan KD JEBAT melahirkan rasa kegembiraan dan amat berbesar hati serta berterima kasih di atas sambutan kunjungan ini dan berharap agar lawatan seperti ini akan dapat mengeratkan lagi perhubungan dua hala di antara kedua-dua negara khususnya kerjasama dalam aspek kepentingan maritim.

Selain daripada menyertai dan menghadiri acara dan aktiviti rasmi yang telah disusun, kesempatan kelepasan diambil untuk membeli belah dan menikmati panorama indah Bandar Metropolitan Shanghai khususnya di tebing Sungai Huangpu yang menyusur di tengah-tengah Kota Shanghai. Berdiri di tengah-tengah dataran di tebing Sungai Huangpu yang sentiasa sibuk aliran trafiknya, kita dapat menyaksikan dua sudut aliran bangunan yang berbeza senibinanya, iaitu bangunan yang moden dan indah mencakar langit dan bangunan lama yang kaya dengan keindahan senibinanya yang sentiasa terjaga. Dari segi kepesatan pembangunan, Shanghai jauh lebih hadapan berbanding negara kita. Jika sebelumnya ada diantara kita yang mengenali Shanghai melalui paparan filem tentang kehidupan ditepi sungai dengan himpitan bot dan tongkang, Shanghai sebenarnya adalah amat berbeza.



Panorama malam di Bandar Shanghai

Bersambung



PAB

ANJAKAN PARADIGMA KEPADA KONSEP BERSAMA

Oleh: Kdr Chan Peng Cheong TLDM MBA (UM) BBA Hons (UKM)
Foto: LK PWP Fauzi/ LKPL Tony

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) diperkasakan lagi dengan penubuhan Pemerintahan Angkatan Bersama (PAB) yang menggabungkan ketiga-tiga perkhidmatan di bawah sebuah markas peperangan untuk meningkatkan kekuatan dalam menghadapi perubahan semasa yang melibatkan ancaman dari berbagai dimensi.

Pelancarannya telah disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang pada 6 September 2004.

Fungsi PAB ialah memerintah, merancang, mengkoordinasi, menyelenggara serta melaksanakan semua jenis operasi dan latihan bersama supaya tidak berlaku pertindihan atau pembaziran sumber. Ia berkebolehan untuk beroperasi di dua teater berasingan iaitu di Semenanjung dan di Sabah/Sarawak bagi menangani situasi dengan sewajarnya.

Amalan penubuhan angkatan petugas secara *ad hoc* sewaktu operasi bersama tidak dapat memenuhi keperluan konsep peperangan masa kini. Justeru, PAB sebagai sebuah pemerintahan tetap dengan struktur yang formal akan meningkatkan lagi kesiapsiagaan dan kekentalan ATM yang sudah tentu akan memainkan peranan yang amat penting dalam konteks pertahanan negara.

Penubuhan PAB merupakan satu pendekatan ATM untuk mengharungi pelbagai cabaran peperangan di masa hadapan dengan membentuk corak pemerintahan operasi yang lebih efisien dan mencerminkan penugasan operasi yang lebih teratur serta kebolehan untuk melancar dan mengekalkan kekuatan ketenteraan di jarak yang jauh. Ia turut memantapkan proses pemodenan sistem pertahanan negara dari segi kesepaduan usaha hasil daripada pengembelangan kekuatan yang menyeluruh dari ketiga-tiga perkhidmatan.

Pada hakikatnya peperangan sekarang lebih menjurus kepada konsep peperangan bersama seperti yang berlaku di Falklands, Iraq, Afghanistan dan konflik-konflik seperti di Bosnia-Herzegovina dan Macedonia. Ia juga terbukti berkesan dan berjaya di dalam Peperangan Teluk.

Pengalaman dan pengajaran yang diperolehi melalui operasi-operasi tersebut terbukti bahawa ATM tidak harus ketinggalan dalam pembangunannya serta mesti dilengkapi

dengan aset-aset strategik yang boleh meningkat keupayaannya untuk bertindak.

Proses pemodenan ATM tidak hanya boleh dilihat dari aspek kecanggihan teknologi peralatan dan latihan tetapi dimensi perancangan dan pemerintahan adalah faktor penting untuk menentukan kejayaan dalam sebarang konflik.

Pada peringkat awal, PAB akan memberi tumpuan untuk mempertingkatkan kecekapan latihan bersama disamping mengambilalih semua operasi bersama secara berperingkat-peringkat dan dijangka mampu beroperasi sepenuhnya dalam tempoh setahun.

PAB, di bawah pimpinan Laksamana Madya Datuk Ramlan Mohamed Ali sebagai Panglima PAB yang pertama akan dibangunkan sebagai sebuah ketumbukan perang yang cekap, tangkas dan digeruni oleh pihak lawan serta sentiasa bersedia dan mampu untuk diaturgerak bagi menangani sebarang ancaman selaras dengan tanggungjawab yang termaktub dalam Dasar Pertahanan Negara.

“Penubuhan PAB sememangnya signifikan kepada ATM dalam arus pembangunannya dan kepada negara kerana ia menepati keperluan Dasar Pertahanan Negara dalam mempertahankan kawasan-kawasan dan kepentingan strategiknya”

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak
Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan

“Sebagai sebuah ketumbukan perang elit ATM, PAB perlu melahirkan warga contoh yang bukan sahaja menggerunkan, bahkan turut digeruni oleh pihak lawan”

Jeneral Tan Seri Dato' Sri Mohd Zahidi bin Hj. Zainuddin
Panglima Angkatan Tentera

“Semangat dan budaya bersama penting dalam membentuk sebuah pusat pemerintahan cekap, tangkas dan berani”

Laksamana Madya Datuk Ramlan Mohamed Ali
Panglima Pemerintahan Angkatan Bersama

“Separate ground, sea and air warfare is gone forever. If ever again we should be involved in war, we will fight it in all elements, with all services, as one single concerted effort”

Jeneral Dwight Eisenhower

“With limited forces, nearly everything that happens nowadays is a joint operation. No one service plays a paramount role”

Lord Mountbatten

Penyerahan keris kuasa Panglima PAB oleh PAT



LAGU RASMI

PEMERINTAHAN ANGKATAN BERSAMAPERWIRA PERKASA

Tiga Khidmat Satu Bendera
Tiga Jalur Lambang Perkasa
Darat, Laut Juga Udara
Seia Sekata

Tiga Angkatan Gerak Bersama
Teguh Di Dalam Barisan
Sedia Membela Nusa dan Bangsa
Pertahankan Negara Tercinta

Berbekal Darah Satria
Maruah Ini Jangan Dicabar
Semangat Gempur Wira
Membara di Dada

Kita Angkatan Tentera Malaysia
Menjunjung Titah Seri Paduka
Biar Putih Tulang Terkorban Jiwa
Inilah Sumpah Satria

Gubahan lagu oleh:

LK I RGR Normahally bt Mohd Noor (Abov PR FOC RMN)



Teraju hadapan PAB



ANDA TERTEKAN? : KENAL PASTI TANDA-TANDANYA MENERUSI PERUBAHAN TINGKAHLAKU

OLEH: Lt Abu Yazid bin Haji Abu Bakar TLDM MEd Counseling (UKM) BA Psychology (Michigan)

PS Psikologi & Kaunseling MTL

Foto: Majalah Samudera

Dalam topik perbincangan berkaitan pengurusan tekanan beberapa keluaran yang lalu, dinyatakan bahawa unsur tekanan atau *stress* terdiri daripada elemen-elemen positif (*eustress*) dan negatif (*distress*). Elemen *eustress* merupakan keperluan yang lazimnya memotivasikan kehidupan harian seseorang individu, manakala elemen *distress* pula halangan serta rintangan yang dihadapi dalam kehidupan sehari-hari. Dalam artikel yang sama juga dinyatakan bahawa kewujudan unsur-unsur tekanan, sama ada *eustress* ataupun *distress*, boleh dikesan melalui perubahan-perubahan biologiikal dan fisiologiikal pada diri seseorang individu tersebut seperti peningkatan kadar denyutan jantung, penambahan tekanan darah, pengaliran peluh yang berlebihan dan pelbagai simptom lain.

Secara umum, unsur tekanan negatif (*distress*) merupakan 'akar tunjang' kepada kewujudan pelbagai fenomena kesihatan psikologi seperti ketidakstabilan mental, pendorong kepada terjejasnya emosi dan sebagainya. Kegagalan seseorang individu menangani *distress* dengan baik sama ada hanya memendam tanpa berusaha meluapkannya kepada orang lain ataupun gagal setelah berusaha bersungguh-sungguh mengatasinya, sering kali menghasilkan kesan negatif bukan sahaja kepada diri individu terbabit, malah turut melibatkan orang-orang di sekeliling. Insiden-insiden yang sering kita dengar berlaku pada hari ini seperti pembunuhan kejam, dera, bunuh diri, rogol dan sebagainya merupakan interpretasi kepada kegagalan individu-individu terlibat menangani *distress* dengan berkesan. Selain daripada tindakan agresif dan perlakuan anti-

sosial, kecenderungan melanggar peraturan dan undang-undang juga merupakan refleksi diri individu yang tidak berupaya menyerap tekanan negatif yang dihadapi dalam kehidupan. Apabila *distress* yang dihadapi semakin bertambah, seseorang individu itu akan 'meledak' dan melakukan perkara-perkara di luar batasan akal manusia normal. Apabila tingkahlaku *abnormal* ini berlaku, bolehlah dianggap sudah terlambat untuk menyelamatkan individu terbabit kerana usaha-usaha pencegahan seharusnya diambil pada peringkat yang lebih awal.

Selain daripada pengesanan simptom-simptom tekanan negatif (*distress*) melalui pemerhatian biologiikal dan fisiologiikal, pengamal-pengamal psikologi pendidikan dan kaunseling lebih memberikan perhatian kepada

kewujudan perubahan tingkahlaku seseorang individu. Pendekatan *behavioural* ini menegaskan bahawa seseorang individu yang sedang berhadapan dengan tekanan serta masalah kehidupan yang negatif akan memperlihatkan tanda-tanda dalam bentuk tingkahlaku-tingkahlaku yang kebiasaannya tidak dialami. Kelebihan pendekatan ini adalah tanda-tanda atau simptom-simptom yang bukan sahaja boleh dilihat oleh orang lain, tetapi apa yang lebih penting boleh dirasakan sendiri oleh individu terbabit (sekiranya mempunyai pengetahuan). Justeru, anda mampu mengenalpasti bahawa anda sedang berhadapan dengan situasi yang tertekan sekiranya anda mengalami salah satu, beberapa atau kesemua simptom-simptom perubahan tingkahlaku seperti berikut:



Kecergasan fizikal penting untuk mengatasi tekanan

- a. Berlaku peningkatan darah gemuruh di mana anda menjadi lebih mudah terkejut atau terperanjat berbanding hari-hari biasa.
- b. Anda berasa terganggu dengan perkara-perkara remeh/kecil yang pada kebiasaannya tidak langsung anda endahkan.
- c. Anda menghadapi kesukaran untuk relaks/bertenang dan seringkali panik tanpa sebab yang munasabah.
- d. Anda menilai perkara-perkara yang orang di sekeliling anda lakukan sebagai hanya bertujuan menaikkan kemarahan anda.
- e. Anda cenderung untuk memberi reaksi melampau (*overreact*) terhadap sesuatu perkara/situasi.
- f. Kadar pergantungan diri anda kepada perkara-perkara yang merangsang (sebagai contoh, minum kopi atau menghisap rokok) menjadi lebih tinggi berbanding hari-hari biasa.
- g. Anda menjadi tidak selesa dengan perkara-perkara (sebagai contoh, mendengar radio atau menonton TV) yang pada kebiasaannya menceriaikan anda.
- h. Anda menjadi terlalu risau (*too concern*) dengan penampilan diri anda.
- i. Menjadi satu kesukaran (sebagai contoh, anda berasa malas, kurang teruja dan tidak bermotivasi) bagi anda untuk menghadapi kedatangan hari baru pada setiap pagi.
- j. Anda berkecenderungan untuk berfikir dan bertindak mengikut naluri yang bercanggah dengan peraturan dan undang-undang semasa.

Sebagai tambahan, dalam konteks organisasi ketenteraan, pengesanan anggota-anggota yang tertekan berkemungkinan juga diperolehi daripada pemerhatian-pemerhatian tingkahlaku seperti penurunan mutu kerja, kekerapan melanggar disiplin dan undang-undang, kemerosotan penampilan rupacara diri dan sebagainya. Dewasa ini, peningkatan dalam kes-kes pelanggaran disiplin tentera dan kesalahan awam serta kes-kes anggota dirujuk kepada pakar psikiatri membuktikan bahawa golongan tentera yang dilatih untuk menjadi tahan lasak turut tidak terlepas daripada kegagalan menyerap tekanan negatif (*distress*).

Oleh itu, berhati-hati sekiranya anda mengesan simptom-simptom perubahan tingkahlaku seperti dinyatakan sama ada pada diri individu-individu di sekeliling anda ataupun diri anda sendiri, kerana dalam pendekatan kaunseling, perubahan-perubahan ini menandakan individu-individu terbabit sedang berhadapan dengan tekanan negatif dan perlu dibantu untuk meredakannya, agar kesihatan mental mereka tidak terjejas dan kecenderungan melakukan tingkahlaku 'memusnahkan' (*devastating behaviours*) dapat dibendung. Sebagai langkah pencegahan, galakkan individu-individu yang dikenalpasti (termasuk diri anda sendiri) berkongsi masalah dengan pihak-pihak lain yang boleh dipercayai agar tekanan-tekanan yang dihadapi tidak kekal menjadi bebanan yang ditanggung seorang diri.



Kekuatan mental juga perlu untuk menangani stress

TLDM makin menyerlah!

Menang dalam dua kejohanan sukan ATM

Oleh: Aboy PR FOC RMN

Stadium TLDM gamat seketika dengan pekik sorak para penyokong pasukan Bola Sepak TLDM apabila pasukan itu berjaya menundukkan pasukan Tentera Darat dengan kemenangan bergaya 3-2.

Kejohanan Liga Tentera Angkatan Tentera Malaysia yang berlangsung baru-baru ini menyaksikan ketiga-tiga pasukan, darat, laut dan udara mengasak bertubi-tubi pasukan lawan masing-masing.

Kejohanan kali ke-6 ini berlangsung di Pangkalan TLDM Lumut mulai 16 Ogos hingga 27 Ogos lalu melibatkan 8 pasukan terbaik daripada Tentera Darat, 4 pasukan daripada TUDM manakala 4 pasukan lagi daripada TLDM.

Pasukan TLDM A yang merangkul kejuaraan dalam perlawanan berprestij itu dibimbing oleh jurulatih berpengalaman, BK TNS (L) Rosli bin Madzhar dan dibantu oleh BM TNS (L) Zulkifli bin Mohamad. Sebulan sebelum perlawanan berlangsung, pasukan tersebut



menjalani latihan intensif bagi memantapkan lagi stamina dan teknik permainan mereka. Di samping latihan, pasukan itu juga didedahkan dengan perlawanan sebenar dengan mengadakan perlawanan persahabatan serta sering mengikuti perlawanan liga tempatan. Dengan penglibatan tersebut, sebarang kesilapan dan kelemahan serta penyesuaian posisi pemain dapat diperbaiki.

Menurut Pengurus Pasukan TLDM A, Lt Mohamad Rozali bin Mat PSSTLDM, kemenangan ke atas Kor Jurutera Letrik dan Jentera Diraja (KJLJD) itu merupakan satu pengalaman cukup manis setelah menunggu selama 5 tahun.

Lt Rozali turut memberitahu, beliau merasa cukup puas dengan kemenangan tersebut walaupun pada awalnya pasukan TLDM dan Tentera Darat boleh dikatakan hampir seimbang. Katanya, dengan semangat dan pencapaian yang baik itu, Pasukan TLDM akan menyertai Kejohanan Bolasepak Piala Raja Nazrin Shah anjuran Persatuan Bola sepak Perak buat kali kedua yang akan berlangsung awal Disember depan.

Manakala bertempat di Komplek Sukan TLDM Lumut pula, TLDM semakin bertaring apabila berjaya menewaskan pasukan Tentera Darat dengan mata 2-0. Kemenangan ini telah menyapu bersih kesemua kategori yang dipertandingkan dalam Kejohanan Sepak Takraw Antara Perkhidmatan baru-baru ini membuktikan Pasukan Sepak Takraw TLDM semakin garang!

Kalau tahun sebelumnya, pasukan ini hanya mampu meraih kemenangan dalam kategori Remaja dan Veteran sahaja, tahun ini pula telah mencatat kenangan cukup bermakna buat pasukan yang dibarisi 35 anggota yang dipilih dari pelbagai kategori: veteran, senior dan remaja.

Di bawah pengurusan Lt Md Zain bin Hj Zakaria TLDM yang dibantu 2 orang jurulatih berpengalaman seperti BK TLS Zainol Abidin bin Ismail dan BM PTI Ahmad bin Sennan, Pasukan Sepak Takraw TLDM telah diberi latihan intensif dari segi mental dan fizikal bagi mengatur corak permainan yang lebih mantap. Persediaan awal menjalani latihan selain semangat setiakawan di kalangan pemain turut menjadi faktor kejayaan pasukan ini.

Bermain di gelanggang sendiri sebenarnya banyak memberi kelebihan kepada pasukan TLDM. Namun, menjadi tuan rumah tidak bermakna mereka hanya berpeluk tubuh. Sebaliknya peluang itu digunakan sebaik-baiknya untuk menyesuaikan diri dengan keadaan sebenar seperti hari pertandingan.

Walaupun pada awalnya pasukan ini agak 'gerun' berhadapan pasukan Tentera Darat yang kebanyakannya cukup berpengalaman, namun dengan semangat jitu dan persediaan rapi, telah menjadi perisai pasukan kepada pasukan ini malah penantian selama 7 tahun untuk menjulang gelaran juara benar-benar berbaloi.

Kejohanan yang berlangsung selama 3 hari bermula dari 6 hingga 9 Sep 2004 ini telah menyaksikan pertarungan sengit di antara ketiga-tiga cabang perkhidmatan ATM. Upacara Penutup telah disempurnakan Asisten Ketua Staf Sumber Manusia, Laksamana Pertama Mohd Rashid bin Harun yang turut menyampaikan hadiah kepada pemenang.





Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA)

ditubuhkan untuk memberi khidmat sebaik mungkin kepada

warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM)

bekas anggota ATM dan anggota sukarelawan ATM

dengan penyediaan rangkaian khidmat runcit di seluruh negara

pada kadar harga yang berpatutan lagi terkawal berlandaskan

pengurusan yang cemerlang dan berwibawa

dan sentiasa prihatin akan kehendak sekitar.



Setia bersama anda

Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA)
6, Solok Waja 1, Bukit Raja, 41050 Klang, Selangor Darul Ehsan



PELAYARAN SECARA CLOSE HAUL

Oleh: LT MOHAMAD HAMDAN BIN MOHD SHAMSUDDIN TLDM
Foto: Majalah Samudera


(Bahagian keempat: Sambungan dari sesi yang lepas)

*Pada edisi yang lepas, kita telah mempelajari cara belayar dengan cara menukar haluan. Pada kali ini pula, pelayaran seterusnya adalah secara Close Haul. Kaedah ini merupakan salah satu pelayaran yang telah dipelajari. Kedudukan bot dari arah angin dapat ditentukan dari gambarajah **Point of Sailing** pada sesi yang ke-2 iaitu 45 dari arah angin.*

Belayar secara Close Haul ke arah Windward

Ini merupakan satu pelayaran yang memerlukan kekuatan mental dan fizikal. Mengkoordinasikan tumpuan mata dan pergerakan anggota badan terutamanya kaki, tangan dan mata bagi pelayar baru merupakan sesuatu yang agak sukar. Pada asasnya, *sailing* ke arah *windward* merupakan pelayaran yang memerlukan konsentrasi yang mantap. Walau bagaimanapun, setiap pelayar baru sudah pasti akan melakukan kesalahan dan merasakan sukar untuk belayar secara *Close Haul* ke arah *windward*. Ini adalah kerana tekanan angin pada layar akan menyebabkan bot layar menjadi senget (*heeling*). Justeru, bagi memahirkan diri untuk belayar dengan baik dan professional, para pelayar dikehendaki mengimbangi bot tersebut di mana pada ketika ini kekuatan pelayar dan bot bergantung pada kekuatan kaki yang disangkutkan pada *toe strap* dan badan pelayar hendaklah berada di luar bot.

Pelayar harus belayar sedekat yang mungkin ke arah angin tetapi dengan syarat tidak memasuki **No Go Area** (iaitu 45 dari arah angin sama ada dari kedudukan *Port* atau *Stbd*). Latihan yang konsisten akan dapat membantu pelayar belayar secara *Close Haul*. Pelayaran ke arah *Windward* secara *Close Haul* memerlukan para pelayar menarik **Main Sheet** sehingga **Boom End Block** bertemu dengan **Traveller Block** dan menarik **Kicker** ataupun **Vang** berpatutan.



Perubahan Arah Angin

Para pelayar harus peka dan ingat bahawa angin yang bertiup tidak datang dari arah satu hala dan tetap. Perubahan arah angin (**Wind Shift**) merupakan sesuatu yang harus diingat di mana ianya akan mengubah haluan pelayaran berikutan arah angina yang akan berubah secara tiba-tiba. Justeru, teruskan dan kekalkan kedudukan pelayaran sama ada semakin ke arah *Port* ataupun *Stbd*, bergantung kepada perubahan angin semasa. Untuk memastikannya, mata memainkan peranan yang penting di mana **Tell-tale** yang dipasang di sebelah **Leeward** seolah-olah terbang ditiup angin. Sekiranya hujung **Tell-tale** jatuh, ini menandakan bot telah terkeluar dari arah angin dan apabila terangkat ke atas, ianya memberitahu pelayar bahawa kedudukan bot telah masuk ke arah angin melebihi dari sudut yang sepatutnya iaitu **45** dan mula memasuki **No Go Area**. Namun demikian, kawalan **Rudder** yang cekap dan lembut akan membantu dalam memastikan kedudukan bot berada pada kedudukan yang dikehendaki.



Belayar secara **Close Haul** tidak hanya tertumpu pada angin semata-mata. Pelayar juga harus peka dengan pergerakan arus dan gelombang laut untuk menentukan kelajuan bot berada di tahap maksima termasuk memastikan masa pelayaran yang lebih singkat dapat dicapai ke arah yang dituju.


*“Pelayar harus ingat, sebelum menukar haluan keluar dari arah angin ataupun **Bear Down**....”*

Kegunaan Centre Board

Semasa belayar secara **Close Haul**, **Centre Board** ataupun **Dagger Board** hendaklah diturunkan sepenuhnya ke dalam air. Ini bertujuan untuk mengurangkan **Sailing Sideways** atau **Sailing Leeways** dan untuk memastikan bot boleh dihalakan pada arah pelayaran yang betul. Menurut ahli pelayaran Bob Fisher, daya pada **Sideways** adalah 4 kali ganda daya yang digunakan untuk membawa bot meluncur ke hadapan semasa belayar secara **Close Haul**. Sekiranya belayar tanpa **Center Board**, sudut pelayaran ke arah **windward** akan menjadi lebih besar dan ini akan melambatkan pelayaran.

Pelayar harus ingat, sebelum menukar haluan keluar dari arah angin ataupun **Bear Down**, **Kicker** yang diketatkan tadi hendaklah dilonggarkan sedikit terlebih dahulu. Ianya bertujuan untuk mendapatkan kelajuan yang maksima pada kedudukan pelayaran semasa **Reaching** dan **Running** yang akan diterangkan pada edisi yang akan datang.

Bersambung.....



Attar Sardin Kepala Ikan

Oleh: LT. KAMARULZAMAN TLDM

Personaliti SAMUDERA di ruangan Galley Samudera pada kali ini ialah LK BDI AZHA BIN ABDULLAH yang kini sedang berkhidmat di Markas Wilayah Laut 1 (MAWILLA 1) Tanjung Gelang, Kuantan, Pahang. Personaliti kita ini ingin berkongsi pengalaman memasaknya dengan semua golongan pembaca dengan menu terbarunya iaitu ATTAR SARDIN KEPALA IKAN.

LK BDI Azha bin Abdullah dilahirkan pada 24 Sep 1971 dan berasal dari Kampong Alor Relang, Alor Setar, Kedah. Beliau telah berumah tangga dan dikurniakan dengan sepasang cahayamata lelaki dan perempuan. Bagi beliau, kerjaya ini tidak janggal kepadanya biarpun bidang ini sering dimonopoli oleh kaum wanita. Beliau dengan berbesar hati telah memilih



kepakaran ini sebagai kariernya kerana bagi beliau, kerjaya ini menjanjikan seribu satu kepuasan kepada dirinya.

Mengimbau kembali kenangan silam, cita-cita beliau untuk menjadi seorang tukang masak sebenarnya telah bercambah sejak kecil lagi. Sebelum memasuki perkhidmatan TLDM, minat beliau pada aktiviti memasak telah mula terserlah di mana beliau lebih banyak menghabiskan masa di rumah seperti menyediakan segala makanan termasuk membantu ibu di dapur. Ketika mula menyertai TLDM, LK BDI Azha amat berminat untuk diserapkan ke cawangan tukang masak tetapi nasib tidak menyebelahnya kerana beliau telah ditugaskan ke cawangan kelasi. Namun begitu, setelah hampir 2 tahun berusaha, akhirnya permohonan beliau untuk bertukar ke cawangan tukang masak

secara rasminya telah diterima.

Selama hampir 12 tahun dalam perkhidmatan, LK BDI Azha telah menimba pelbagai pengalaman pahit dan manis sepanjang kerjayanya. Beliau telah ditugaskan di KD KASTURI, KD INDERA SAKTI, KD PELANDOK dan kini di KD SRI KUANTAN. Walaupun menempuh pelbagai cabaran dengan masanya lebih banyak ditugaskan di kapal berbanding di darat, semua itu tidak mematahkan semangat dan minat mendalam beliau pada kerjaya ini. Ketika berkhidmat di kapal, beliau telah melaksanakan tugasnya dengan penuh hemat dan setia biarpun dalam situasi yang tidak menyenangkan terutamanya ketika mengalami mabuk laut. Pernah suatu ketika sewaktu beliau sedang memasak di kapal, periuk belanga telah bergelimpangan jatuh akibat gelombang laut yang kuat.

Bagi LK BDI Azha sendiri, makanan kegemarannya adalah kari kepala ikan. Maka, tidak hairanlah setiap menu baru ciptaannya pasti diselitkan dengan kombinasi kari kepala ikan. Beliau juga mahir dalam menyediakan pelbagai jenis makanan lain seperti masakan melayu Kedah, Johor, Kelantan dan Siam. Beliau yang telah menjalani kursus di D Lima Resort Langkawi ini juga berkebolehan menyediakan masakan-masakan etnik lain seperti dari negara India, China dan tidak ketinggalan juga masakan barat dan arab.

Pada suatu hari, LK BDI Azha telah mendapat idea untuk mencipta menu terbarunya ini sewaktu sedang duduk bersantai. Beliau tiba-tiba ingin memberikan kelainan dan mencipta sesuatu yang baru dengan menggabungkan capati bersama sardin yang ditambah dengan kari kepala ikan, pastinya!. Justeru, maka terhasillah

ATTAR SARDIN KEPALA IKAN. Menu ini amat sesuai ketika hidangan minum petang, di majlis-majlis santai dan di majlis-majlis tidak rasmi. Walaupun mungkin dianggap sebagai makanan biasa kaum mamak, tetapi bagi yang ingin mencuba pasti akan terpegun dengan keenakannya.

Kepada penggemar masakan yang ingin mencuba sesuatu yang baru, resipi ini adalah pilihan yang sangat tepat!.

Selamat mencuba.....

Resepi Attar Sardin Kepala Ikan

Bahan-bahannya:

- Tepung Attar - 1/2 kg
- Minyak Sapi - satu sudu teh
- Air - 250 ml
- Garam - satu sudu teh

Cara Pelaksanaannya:

1. Adunkan tepung attar bersama minyaksapi dan gaulkan sehingga sebatu.
2. Masukkan air secukupnya dan garam. Gaul adonan sehingga roti rata dan tangan terasa berminyak.
3. Jadikan adonan dalam bentuk bulat dan canaikannya hingga menjadi leper.
4. Bakar adonan yang telah dileperkan diatas kuai yang tidak berminyak (kering). Kemudian balik-balikkannya sehingga gelembung. Tuamkannya dengan menggunakan tuala bersih yang basah.
5. Setelah cukup masak (jangan lama dikuatiri hangit), angkat dan letakkan sardin yang telah dimasak bersama kari kepala ikan diatasnya. Gulungkan dan potong kecil-kecil (bentuknya seakan-akan gulungan popia).





KAWAD.....


FUH...!! DIN SEMALAM KAN...
AKU JUMPA SORANG NYAH...!!
DIA PUNYA GELEK... CAMNI...
HA...!! MALAM NI... KITA JUMPA
NYAH TU... NAK ???

HE... GELI
AKU TENGOK...
TAK KUASA JOU....



HA.... BANYAK LE.. KAU...
PUNYA GELEK....!! KANG
HABIS KELAS AWAK
BERDUA MELAPOR KAT
SAYA FAHAM...!!!

FAHAM G.1....!!



nufo

FIRE FIGHTING.....

API! API! API!!

INI KENA BERTINDAK!!

HA...!!?



WAH!! PANTASNYA
BOMBA WAKITA
KITA NI... HE... HE...

HA!... CIK..KAK!!
MANA ADA...
KEBAKARAN
KAMI SAJA NAK
UJI KESIAPSIAGAAN
AWAK TU... HE!HE!

MENTANG-MENTANG
IS AKU BARU HABIS
LATIHAN CEGAH KEBAKARAN
HAMPA DAH PERENA
KAT AKU.. SABAR AJE LE..!!



nufo

SKIM KESUMA.....

HA... KAK!! PILIH-PILIH
SEMUA BARRANG BOLEH
KESUMA... JANGAN
SEGAN-SEGAN!!..

SATU
TENGOK
TENGOK
JE!!....



DIK...!! IKAN
BILIS NI... PUN
BOLEH KESUMA
JUGA-- KE...??



He... He!!
He...



nufo



Foto ihsan dari Buku 55 tahun TLDM

PULAREK TLDM Woodlands, Singapura.... dalam kenangan.

PULAREK WOODLANDS

Segalanya Bermula Disini...

Oleh : PW 1 KMR ZOHaida BINTI MAT ISA

Sejarah Latihan Asas Tentera Laut bermula semasa perang dunia yang kedua apabila Tentera Laut Diraja British merasa perlunya untuk menambah kekuatan pasukannya bagi menjaga keselamatan Singapura dan Malaysia. Bermula di sini, peluang telah dibuka kepada anak-anak Melayu untuk dilatih menjalani latihan rekrut di bawah bimbingan Jurulatih yang terdiri dari pegawai-pegawai Tentera Laut Diraja British. Latihan Asas Tentera ini merangkumi latihan pelaut, juru komunikasi dan latihan persenjataan. Pusat latihan ini merupakan sebuah Kem Pondok yang dikenali sebagai HMMS PELANDOK di Kem Khatib, Sembawang, Singapura.

Tanggal 24 Dis 1948, 'Malayan Naval Force' (MNF) telah dibentuk. Warganya terdiri dari Bahagian Tentera Laut Malaya yang dibubarkan termasuk anggota rekrut yang baru. Kumpulan ini merupakan Warga Teras kepada pasukan Tentera Laut Malaya pada masa itu.

Pada 29 Ogos 1952, taraf Diraja telah dianugerahkan oleh Her Royal Honesty Queen Elizabeth kepada pasukan tersebut yang dikenali sebagai 'Royal Malayan Navy' (RMN). Setelah diserahkan kepada Persekutuan Tanah Melayu, ianya dikenali sebagai Tentera Laut Diraja Malaya. Sekali lagi pada 16 Sep 1963, pasukan ini dikenali sebagai Tentera Laut Diraja Malaysia dan agronim 'HMMS' (Her Majesty's Malayan Ship) telah ditukar ke 'KD' bermaksud Kapal Diraja.



Jeti Tentera Laut Diraja Malaya di Woodlands, Singapura.

Apabila TLDM diserahkan sepenuhnya kepada Kerajaan Malaysia pada 1 Jul 1958, ia mula berkembang dengan penuh pesat dan cemerlang. Sewaktu pemerintahan Panglima Tentera Laut yang Pertama, salah satu usaha beliau yang boleh dijadikan sejarah ialah perancangan untuk memindahkan Pangkalan TLDM Woodlands ke Lumut. Usaha beliau telah menjadi realiti dan rancangan ini telah mula direalisasikan pada tahun 1979. Walaupun tapuk pemerintahan Tentera Laut bertukar ganti, wawasan yang sedia ada tetap dilaksanakan dengan jayanya oleh Panglima-Panglima seterusnya.

Nostalgia perpindahan Pangkalan TLDM Woodlands ke Pangkalan TLDM Lumut didahului dengan KD PELANDOK dan unit diakhiri dengan KD MALAYA pada akhir tahun 1984. Pengambilan rekrut pertama lelaki di Pangkalan TLDM Lumut ialah Pengambilan 139/79 dan pengambilan rekrutnita pertama di Pangkalan TLDM Lumut ialah Pengambilan 141/80. Namun demikian,



Pangkalan TLDM Woodlands masih lagi beroperasi sebagai pangkalan bantuan logistik kepada kapal-kapal yang beroperasi di bahagian selatan semenanjung. Pangkalan ini dinamakan 'BEREK TLDM WOODLANDS' dan diletakkan bawah organisasi pemerintahan Markas Wilayah Laut 1.

Perjuangan Pusat Latihan Rekrut terus dilaksanakan di KD PELANDOK, Pangkalan TLDM Lumut. Dengan bertambahnya pelatih-pelatih yang mengikuti kursus-kursus kerjaya termasuk pendekatan-pendekatan yang diambil oleh TLDM untuk mengasingkan pelatih-pelatih muda ini, sekali lagi Pusat Latihan Rekrut telah berpindah ke Berek TLDM Woodlands di Singapura dalam tahun 1984, iaitu selepas perpindahan KD MALAYA ke Lumut. Pusat Latihan Rekrut adalah di bawah organisasi KD PELANDOK sementara Berek TLDM Woodlands yang bertindak sebagai unit Bantuan masih di bawah pemerintahan MAWILLA 1. Pada tahun 1996, Pusat Latihan Rekrut telah dikenali dengan nama Fakulti Rekrut (FAREK). Ini adalah sinambungan dari perubahan yang dibuat oleh KD PELANDOK.

Pada pertengahan tahun 1994, berita paling hangat tersebar ke serata tempat. Pangkalan TLDM Woodlands akan diserahkan kepada Kerajaan Singapura. Akhirnya, berita tersebut menjadi realiti apabila Tg Pengelih yang terletak lebih kurang 129 km dari Bandar Johor Baharu

telah terpilih untuk dijadikan pusat latihan yang baru dengan singkatan PULAREK TLDM. Keluasan keseluruhan kawasan ini adalah 200 ekar dan infrastruktur serta prasarana yang didirikan telah menelan belanja sejumlah RM212 juta. Upacara pecah tanah di Pangkalan TLDM Tg Pengelih telah dilakukan pada 15 Dis 1994. Sinambungan daripada itu, upacara pelaksanaan peletakan batu asas telah disempurnakan oleh YAB Menteri Pertahanan ketika itu pada 20 Jun 95.

Perpindahan Berek TLDM Woodlands ke Tg Pengelih, Johor telah bermula pada 6 Okt 1997. Seterusnya, penyerahan Berek TLDM Woodlands kepada Kerajaan Singapura telah dilaksanakan pada 3 Dis 1997. Pada 15 Dis 1997, PULAREK TLDM Tg Pengelih telah mula beroperasi. Namun demikian, berikutan banyak kemudahan-kemudahan latihan yang belum disiapkan pada ketika itu, bermula dari bulan Ogos 1997 hingga Oktober 1998, latihan rekrut telah ditumpangkan di KD SRI KUANTAN, Tg Gelang, Kuantan Pahang.

Pada bulan Jan 1999, latihan rekrut telah dipindahkan ke PULAREK TLDM Tg Pengelih. Berikutan 2 kejadian/insiden iaitu bumbung dewan makan dan bumbung auditorium yang runtuh pada 1 Mac 1999, latihan rekrut telah dipindahkan semula ke KD PELANDOK di Pangkalan TLDM Lumut, Perak. Setelah kerja-kerja baik pulih siap

pada 28 Feb 2000, PULAREK telah dipindahkan semula ke Tg Pengelih dan latihan rekrut bermula sekali lagi di sini sehingga sekarang. Sehingga kini, PULAREK TLDM telah berjaya mengeluarkan Pelaut Muda seramai lebih kurang 6,371 anggota termasuk 313 Pelaut Muda Wanita.

Cabaran-cabaran dan rintangan yang diterima walaupun sebesar badai telah dijadikan tali pengukur kejayaan dan ianya diambil secara positif oleh warga PULAREK TLDM Tg Pengelih. Kejayaan dalam menyediakan kemudahan yang memberi keselesaan warga seperti tempat riadah, tempat permainan kanak-kanak, blok-blok kediaman yang lebih selesa, kolam renang dan sebagainya telah menaikkan taraf kehidupan warga PULAREK TLDM.

Kini, PULAREK TLDM terus meniti buih-buih titian untuk mencapai peringkat tertinggi bagi menjadi sebuah organisasi pembelajaran Pusat Latihan Asas Perajurit Muda yang terunggul di rantau ini. Dengan pemerintahan yang berteraskan kualiti, wawasan PULAREK TLDM untuk melahirkan perajurit-perajurit muda yang berkualiti dipercayai mampu mendukung peranan serta wawasan TLDM sebagai sebuah organisasi yang cemerlang.

Kepada warga PULAREK TLDM, marilah kita terus memperjuangkan tanggungjawab yang diamanahkan oleh negara dalam menuju ke arah Quality Navy. **S**

PULAREK TLDM Tg Pengelih, Johor... terkini.



PELAKSANAAN BALANCED SCORECARD DALAM TLDM


Daripada: LT KDR AS MAYATIM BIN ABDUL TLDM
MBA (Nottingham)

Artikel ini merupakan bahagian ke-2 kepada Pelaksanaan Balance Scorecard (BSC) dalam TLDM, iaitu sambungan dari edisi SAMUDERA 2/2004. Hasrat penulis ialah untuk memberi penerangan yang sejelas-jelasnya bagaimana BSC dilaksanakan dalam TLDM dan proses yang terlibat dalam penyediaan scorecard. Diakui, yang diberikan mungkin agak sukar difahami, namun diharapkan para pembaca sekurang-kurangnya dapat memahami mengenai kaedah pelaksanaan dan proses yang terlibat dalam pelaksanaan BSC dalam TLDM. Sebagai sebuah organisasi yang progresif, adalah perlu kepada setiap warga TLDM sentiasa berfikir terbuka serta mempelajari kaedah-kaedah baru yang dapat memacu TLDM ke tahap yang lebih cemerlang dan seterusnya menuju ke arah mencapai visi TLDM menjadi tentera laut yang berkualiti.

Langkah 3. Penetapan Objektif, Indeks Prestasi Utama dan Sasaran

Fasa ini merupakan fasa yang paling sukar dalam penyediaan scorecard. Ianya memerlukan tumpuan kepada isu-isu utama yang bersifat strategik dan bukannya kepada isu-isu rutin. Penetapan objektif harus selaras dengan matlamat umum, menghasilkan impak yang dikehendaki dan boleh diukur. Penggubalan Indeks Prestasi Utama atau KPI kritikal kerana ia menentukan apakah yang akan diukur dan ini biasanya memberi kesan dalam aspek pelaksanaan sesuai dengan ungkapan, "apa yang diukur, itulah yang akan dilaksanakan". Penetapan sasaran pula perlu mencabar, sama ada dari aspek kuantiti mahupun kualiti atau kedua-duanya supaya prestasi dapat ditingkatkan.

PETA STRATEGI TLDM - BSC



CABARAN BSC

TLDM telah berjaya menghasilkan scorecard bagi ketiga-tiga peringkat organisasi seperti dinyatakan pada 17 Jun 04. Ini menandakan titik akhir fasa 1 pelaksanaan BSC. Perjalanan ke arah melaksanakan BSC dalam TLDM sebenarnya baru bermula dan cabaran yang lebih getir perlu diharungi demi memastikan BSC dapat berfungsi secara berkesan. Antara cabaran-cabaran yang perlu dihadapi ialah:

● **Pengumpulan data dan maklumat.** Data dan maklumat merupakan input yang sangat kritikal kepada kejayaan pelaksanaan BSC. Ianya diperlukan untuk mengukur KPI dan impak sebenar sesuatu objektif. Tanpa data dan maklumat yang betul dan tepat, pelaksanaan BSC tidak akan

mencapai matlamatnya iaitu mencapai tahap prestasi yang benar-benar cemerlang (breakthrough performance). Semua pihak dalam TLDM mempunyai tanggungjawab mengutip, mengolah dan menganalisis data dan maklumat yang ada supaya ianya dapat digunakan dalam pelaksanaan BSC.

● **Automasi.** BSC merupakan satu sistem yang kompleks dan memerlukan automasi untuk melicinkan pelaksanaannya. Automasi BSC yang akan diintegrasikan dalam TLDM-Net juga dapat memudahkan proses pelaksanaan BSC dan scorecard dapat dilihat secara "real-time". Ini akan memudahkan pihak pengurusan membuat penilaian dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

● **Pengetahuan.** BSC tidak akan berjaya dilaksanakan sekiranya pengetahuan mengenai BSC tidak mencukupi. Sekurang-kurangnya 20% dari staf pengurusan perlu mempunyai ilmu pengetahuan yang secukupnya mengenai BSC bagi memastikan ianya dapat dilaksanakan dengan baik. Oleh yang demikian, program latihan BSC yang tersusun perlu dilaksanakan di setiap peringkat dalam organisasi TLDM. Selain itu, warga TLDM secara umumnya perlu mempunyai kesedaran dan kefahaman asas mengenai sistem BSC supaya mereka faham bahawa setiap tindakan dan gerak kerja mereka akan memberi impak kepada pencapaian objektif dan seterusnya ke arah merealisasikan misi dan visi TLDM.

BAKAT (L) LUMUT PENGORBANAN CUKUP BERBALOJ

Oleh: Aboy PR FOC RMN | Foto: PR FOC RMN

Pujian dan penghargaan wajar dikalungkan kepada BAKAT (L) Lumut atas kejayaan mereka menggondol tempat pertama dan membawa gelaran juara buat kali kedua bagi badan itu di dalam pertandingan berkumpulan yang diadakan di Auditorium Sidek Shabudin, Pangkalan TLDM Lumut baru-baru ini.

Kejayaan memperoleh markah tertinggi dalam **Pertandingan Berzanji dan Marhaban Peringkat Angkatan Tentera Malaysia (ATM)** pada 21 Sep 04 yang lalu telah membuktikan bahawa badan ini benar-benar unggul!

Walaupun dihimpit kesibukan menguruskan rumahtangga dan tersepit pula dengan kesuntukan masa untuk ke pertandingan tersebut, namun BAKAT (L) Lumut tidak pernah mengenal putus asa. Dengan mengatur langkah bijak disulami pengorbanan masa emas bersama keluarga, mereka menjalani latihan intensif pagi dan petang di samping mencuri masa santai hujung minggu bagi memastikan kejayaan 2 tahun lalu tidak jatuh ke tangan orang lain. Istimewanya, usaha gigih kumpulan ini turut disokong oleh Yang Berbahagia To' Puan Rohani bte Yahya selaku Pengerusi BAKAT (L) Lumut yang turut sama 'turun padang' pagi dan petang bagi memastikan latihan yang dijalani anak-anak buahnya berjalan lancar. Di samping bertindak sebagai pemerhati dan penasihat kepada kumpulan Berzanji dan Marhaban, YBhg To' Puan turut sibuk bersama ahli jawatankuasa lainnya dalam membuat persiapan sempena pertandingan tersebut. Sebagai tuan rumah, beliau mahu memastikan majlis tersebut berlangsung dengan sempurna. Tidak hairanlah kalau dilihat dari awal, To' Puan Rohani tidak 'menang tangan' turut membantu kerja-kerja persiapan dewan bersama ahli-ahli jawatankuasanya yang bertungkus-lumus hingga ke lewat malam bagi menyiapkan keperluan-keperluan majlis.

Pertandingan Berzanji dan Marhaban Peringkat ATM kali ini disertai 6 kumpulan terdiri dari ahli BAKAT ketiga-tiga cabang khidmat; darat, laut dan udara.

Kumpulan '**Sautun Nasihin**' yang diketuai oleh Puan Hazaini bt Hassan Basri mewakili BAKAT (L) Lumut. Kumpulan kecil berbakat besar ini yang membawakan marhaban dengan penuh kemerduan suara telah berjaya memukau juri dengan gaya persembahan tersendiri. Di bawah bimbingan Puan Poniah bt Samion dan Puan Fadzhah bt Darmawi, kumpulan seramai 9 orang ini telah didedahkan dengan tip-tip dan latihan intensif selama 2 minggu, satu jangka



Juara Berzanji dan Marhaban ATM

masa yang agak kritikal untuk memperoleh mutu persembahan yang benar-benar menepati kehendak juri. Namun, kegigihan serta ketekunan menjalani latihan telah berjaya mengeneipkan tekanan dalam kumpulan tersebut.

Menurut YBhg To' Puan selaku Pengerusi BAKAT (L) Lumut, beliau amat kagum dan berbangga dengan kesungguhan mereka yang terlibat dalam menjalani latihan hari demi hari hingga terpaksa mengorbankan waktu bersama keluarga.

Beliau turut merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada para suami atas sokongan dan dorongan serta kebenaran yang diberikan kepada isteri mereka untuk mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut.

Atas kemenangan tersebut dan bersempena menyambut kedatangan bulan Ramadhan, majlis Tahliil dan bacaan Yasin telah diadakan 7 Oktober lalu bertempat di Rumah Armada, Pangkalan TLDM Lumut. Sejurus selesai majlis, mereka kemudiannya dijamu dengan hidangan minum petang yang turut dihadiri oleh YBhg Laksamana Madya Dato' Mohammad bin Nik, Panglima Armada. Selain itu, majlis sederhana tersebut turut meraikan Ahli BAKAT (L) Lumut yang bakal meninggalkan badan itu bagi mengikut suami mereka yang akan menamatkan perkhidmatan.

SKUADRON KAPAL RONDA KE-13

Oleh: LT CHE HANIFA SURIANI BT CHE JAAFAR TLDM

KD SRI SANDAKAN merupakan salah sebuah unit yang berada bawah pemerintahan Markas Wilayah Laut 2 (MAWILLA 2). Pelabuhan ini terletak di persisiran pantai yang cukup strategik untuk kapal-kapal TLDM berlabuh di perairan Sabah Timur.

Di sinilah juga terdapatnya aset utama TLDM yang diamanahkan untuk mengawasi perairan Sabah Timur terutamanya di kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) dan kawasan operasi utamanya iaitu Op PASIR LAUT. Aset utama tersebut adalah 8 buah kapal dari jenis Patrol Craft (PC) Skuadron Ke-13 iaitu KD SRI SABAH, KD SRI MELAKA, KD RENCHONG, KD LEMBING, KD KERAMBIT, KD RENTAKA, KD SRI PERLIS dan KD SRI JOHOR. Kapal-kapal ini telah dilahirkan sekitar tahun 60-an di Limbungan Vosper Limited Portsmouth, England. KD SRI SABAH merupakan kapal tertua yang hampir mencecah usia 40 tahun manakala KD SRI JOHOR adalah yang paling muda, telah berusia 18 tahun. Walaupun usia kapal-kapal ini telah mencapai hampir suku abad, namun keupayaannya dalam melaksanakan misi yang telah ditetapkan amatlah mengagumkan.

Kapal-kapal kecil ini berukuran 31.4 meter panjang dan 6 meter lebar dengan purata kelajuan 27 knot. Kelajuan seumpama ini sudah memadai kepada kapal-kapal ini untuk melaksanakan tugas yang diamanahkan dari semasa ke semasa. Peranan utama Skuadron Ke-13 ini adalah untuk mempertahankan dan mengawal perairan Sabah Timur terutamanya dari ancaman anasir-anasir yang berkemungkinan sedang terintai-intai untuk mencerooboh ke daerah ini. Dalam masa yang sama, skuadron ini juga turut terlibat dalam operasi Mencari dan Menyelamat (Search and Rescue) apabila terjadi sesuatu insiden di samudera raya.

Dalam melaksanakan tugas-tugas rondaan, kuasa telah diberi kepada skuadron ini untuk memeriksa, menahan dan menangkap bot-bot yang mencurigakan terutamanya yang tidak mempunyai lesen sah. Skuadron ini sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Polis Marin dalam melaksanakan rondaan dan pengawasan keselamatan di sepanjang perairan Sabah Timur. Tugas dan tanggungjawab yang dilaksanakan dengan Jabatan Polis Marin adalah tidak jauh berbeza namun ianya tetap menuju ke satu hala yang sama iaitu demi keamanan dan kedaulatan negara tercinta.

Secara keseluruhannya, kelapan-lapan buah kapal yang terdapat di dalam skuadron ini telah berjaya menjalankan tugas secara giliran di mana hanya 4 buah kapal sahaja yang akan melaksanakan rondaan di kawasan operasi pada setiap masa. Giliran ini dilakukan bertujuan untuk memastikan tahap kesiagaan kapal dan moral anggota sentiasa terpelihara.

Sebagai bukti skuadron ini telah memberi komitmen yang jitu terhadap tugas yang diamanahkan, KD SRI JOHOR telah berjaya memenangi Piala Agong pada tahun 2003. **S**



KD SRI JOHOR



KD LEMBING



KD KERAMBIT

Berikut adalah pengenalan ringkas mengenai skuadron ini:

Bil	Nama Kapal	Tahun dibina	Tarikh Tauliah	No Pennant
1.	KD SRI SABAH	1963	2 Sep 1964	3144
2.	KD SRI MELAKA	1963	2 Nov 1964	3147
3.	KD RENCHONG	1965	17 Jan 1967	38
4.	KD LEMBING	1965	12 Apr 1967	40
5.	KD KERAMBIT	1965	28 Jul 1967	43
6.	KD RENTAKA	1965	22 Sep 1967	46
7.	KD SRI PERLIS	1965	24 Jan 1968	47
8.	KD SRI JOHOR	1966	14 Feb 1986	49



SPESIFIKASI KAPAL:

Jenis	: Patrol Craft (PC)
Panjang	: 31.4 meter
Lebar	: 6 meter
Berat tanpa muatan	: 96 ton
Berat muatan penuh	: 109 ton
Kelajuan Maksima	: 27 knot
Enjin	: MTU MD 655
Radar Navigasi	: Racal Decca
Persenjataan	: 2 Bofors 40mm/70
Perjawatan	: 3 Pegawai 22 LLP



Peraduan menulis artikel

Ceritakan **Pengalaman** anda bersama TLDM atau **Pandangan** anda tentang TLDM dan menangi hadiah-hadiah yang menarik.

3 Hadiah Artikel terbaik



1. Telefon Bimbit Berjenama



2. Pemain Cakera Padat



3. Periuk Nasi Elektrik



SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- Terbuka kepada semua pembaca SAMUDERA kecuali sidang redaksi
- Artikel hendaklah dari 600-1000 patah perkataan
- Besertakan gambar (sekiranya ada)
- Keputusan pengadil adalah muktamad
- Semua artikel menjadi hak milik TLDM
- Tarikh tutup penyertaan pada 31 Disember 2004
- Hantarkan / e-mel penyertaan kepada:

Peraduan SAMUDERA
Cawangan Rancang dan Strategi
Markas Tentera Laut
Kementerian Pertahanan
50634 Kuala Lumpur

E-mel: editorsamudera@yahoo.com



UJIAN KECENDERUNGAN MINAT KERJAYA PERAJURIT MUDA TLDM

OLEH: Lt Abu Yazid bin Haji Abu Bakar TLDM MEd Counseling (UKM) BA Psychology (Michigan)
PS Psikologi & Kaunseling MTL

Pemilihan kerjaya merupakan satu elemen keputusan individu yang kritikal kerana ia melibatkan penentuan masa depan diri seseorang untuk satu tempoh masa yang panjang

Pemilihan kerjaya yang tepat dan bersesuaian dengan minat serta kecenderungan diri seseorang individu berupaya memastikan beliau memperoleh kepuasan kerja (*job satisfaction*) yang tinggi; seterusnya, mendorong beliau menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dalam pekerjaan tersebut.

Sebaliknya, seseorang individu yang 'terperangkap' dalam sesuatu bidang kerjaya yang bercanggah dengan minat dan kecenderungan beliau, berkemungkinan akan merasa kecewa dan tidak selesa di sepanjang tempoh beliau berkhidmat. Berdasarkan kajian, faktor 'ketidakpuasan' individu dalam kerjaya seumpama ini menjadi pemangkin kepada kewujudan fenomena-fenomena seperti kemerosotan prestasi kerja, pelanggaran disiplin dalam persekitaran kerja, kecenderungan bertukar kerjaya (*job turnover*) dan beberapa situasi lain yang mempunyai kesan negatif secara langsung terhadap diri dan kerjaya individu yang terbabit.

Bertitik tolak daripada proses pemilihan kerjaya yang kurang tepat oleh kelompok individu anggotanya, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) turut berhadapan dengan insiden-insiden seperti permohonan bertukar cawangan/kepakaran akibat kurang atau hilang

minat pada pertengahan latihan, penampilan prestasi kerja yang rendah apabila diperjawatkan. Ini termasuklah pelanggaran pelbagai peraturan serta disiplin sebagai jalan singkat untuk menamatkan kerjaya ketenteraan. Dalam usaha menangani serta membendung segala permasalahan ini dari peringkat awal, pihak pengurusan sumber manusia TLDM telah mengambil langkah proaktif untuk memperkenalkan Ujian Kecenderungan Minat Kerjaya Perajurit Muda TLDM, mulai pengambilan ke-192 (tahun 2003). Objektif utama pelaksanaan ujian ini adalah untuk memberi ruang agar pembahagian cawangan/kepakaran dilaksana berdasarkan penyesuaian minat dan kecenderungan diri individu perajurit muda yang baru memasuki perkhidmatan TLDM. Selain daripada usaha mengatasi isu-isu semasa melibatkan keanggotaan seperti yang dinyatakan, tindakan memperkenalkan ujian ini juga adalah selaras dengan hasrat pucuk pimpinan tertinggi TLDM untuk menjana aktiviti pengurusan sumber manusia berteraskan konsep 'The Right Man for the Right Job' yang terbukti telah memberi banyak impak positif terhadap organisasi-organisasi yang telah lama mengamalkannya.

Instrumen yang dibina untuk tujuan menguji kecenderungan dan minat

kerjaya perajurit muda TLDM ini telah dibangun berpandukan Teori Pemilihan Kerjaya (*Theory of Vocational/Career Choice*) yang diasaskan oleh John L. Holland. Secara umumnya, teori ini menyatakan bahawa personaliti diri individu boleh dibahagikan kepada 6 kategori iaitu Realistik, Investigatif, Artistik/Seni, Sosial, *Enterprising* ataupun Konvensional. Ia turut menyatakan bahawa persekitaran pekerjaan turut dibahagikan kepada 6 kategori yang sama. Justeru, dalam proses pemilihan sesuatu kerjaya, seseorang individu itu seboleh mungkin akan mencari persekitaran kerjaya yang sama, serupa, padan dan sesuai dengan personaliti dirinya bagi mencapai kepuasan yang maksimum dalam pelaksanaan kerjanya. Berdasarkan anggapan ini, modifikasi terhadap item-item ujian yang sedia ada telah dilaksanakan agar kategori-kategori personaliti diri seperti yang dicadangkan oleh teori ini berupaya diselaraskan dengan kepelbagaian cawangan/kepakaran yang wujud dalam TLDM. Ringkasan kombinasi kategori-kategori yang telah melalui proses penyelarasan tersebut adalah seperti di Jadual 1:

Jenis Personaliti	Ciri-Ciri Personaliti	Pendekatan Teori Kerjaya Holland	Pilihan Kerjaya (Umum)	Penyesuaian Cawangan TLDM
REALISTIK	Sifat kekelakian (masculine), tidak suka bergaul serta cenderung kepada kerja-kerja praktikal dan menggunakan tenaga	Teras kecekapan/ pencapaian teknikal, manipulasi benda, jentera/mesin dan binatang. Melihat dunia dengan cara yang mudah, nyata dan secara tradisi	Sains kejuruteraan, kerja-kerja manual dan lain-lain	PPP/PKL/PLM/ PBSPBK/PTI/PKM/ RGR PJT/TMS/TMK
INVESTIGATIF	Sifat asli (genuine), tidak suka bergaul kepada kerja-kerja melibatkan aktiviti mental	Teras kecekapan/ pencapaian sains/ penyelidikan secara sistematik dan saintifik. Melihat dunia secara kompleks, abstrak, bebas dan semulajadi	Sains tulen, kerja-kerja penyelidikan dan lain-lain	TLR/TLS/KMR/ KMTRDP/TMM/ TME(P) TME(S)/HDI
ARTISTIK/SENI	Sifat asli (genuine), kreatif, emosional, tidak suka bergaul serta cenderung kepada kerja/ aktiviti berseni	Teras kecekapan/ pencapaian yang bersifat senikabur, bebas atau kerja-kerja yang tidak sistematik dan mempunyai nilai-nilai seni. Melihat dunia secara kompleks, bebas, tidak konvensional dan dengan cara yang fleksibel	Bidang seni kreatif seperti lukisan tarian, penulisan, muzik, masakan dan lain-lain	PGM/BDI
SOSIAL	Bersifat pemurah dan peramah, suka bergaul serta memimpin dan amat cenderung kepada kerja-kerja membantu	Teras kecekapan/ pencapaian interpersonal dengan nilai-nilai sosial atau kemanusiaan melalui tatacara melatih, membimbing, merawat atau memberi petunjuk kepada orang lain. Melihat dunia dengan cara yang fleksibel	Bidang kerja sosial dan kemanusiaan seperti perguruan, perubatan dan lain-lain	PWP
ENTERPRISING	Bersifat pemimpin, petah berhujah dan cenderung ke arah mencari pengikut	Teras kecekapan/ pencapaian keusahawanan, memimpin dan memanipulasi orang lain, wang, kuasa dan kedudukan untuk mencapai matlamat diri dan organisasi. Melihat dunia dalam bentuk yang serupa dan mudah	Bidang pengurusan perniagaan, politik dan lain-lain	KNG/TNS(S)/TNS(L)
KONVENSIONAL	Teliti serta cermat dan amat cenderung kepada kerja yang sistematik, terancang dan berstruktur	Teras kecekapan/ pencapaian perkeranian, pemanipulasian secara eksplisit ke atas data-data, rekod, atau bahan-bahan bertulis. Melihat dunia secara konvensional, serupa, sempit, mudah dan dengan cara terikat	Bidang perkeranian, sains komputer, perpustakaan dan seumpamanya	KNA/KNG/TNS(S) TNS(L)

Analisa yang dihasilkan daripada ujian ini adalah untuk tujuan pembahagian cawangan/kepakaran perajurit muda TLDM. Ia juga bersifat *factor dominance analysis*, dalam erti kata lain, adalah tidak mustahil bagi seseorang perajurit muda yang diuji untuk memiliki kombinasi beberapa kategori personaliti, tetapi fokus penyesuaian cawangan/kepakaran akan hanya ditumpukan kepada kategori personaliti yang dianggap *dominance* (kuat/utama) berbanding kategori-kategori lain yang lebih bersifat *recessive* (lemah).

Setelah ditadbir kepada sejumlah 2,053 orang perajurit muda TLDM (1,806 orang lelaki dan 247 orang wanita) melalui pengambilan-pengambilan siri 192/2003, siri 193/2004 dan siri 194/2004, ujian ini didapati sedikit sebanyak telah banyak membantu dalam sesi-sesi temuduga pembahagian cawangan/kepakaran yang diadakan sebelum mereka menamatkan tempoh latihan asas ketenteraan di Pusat Latihan Rekrut (PULAREK) TLDM Tanjung Pengelih, Johor.

Walaupun pada setiap sesi, tidak semua cawangan/kepakaran dibuka untuk kuota pengambilan baru, maklumat yang diperolehi hasil daripada ujian ini, sebaik mungkin cuba dipadankan antara pilihan cawangan/kepakaran yang dibuat atau diminati oleh seseorang perajurit muda dengan cawangan/kepakaran yang menawarkan pengambilan. Rasional kepada usaha ini adalah agar setiap perajurit muda menyedari tentang ketrampilan personaliti mereka serta bidang kepakaran dalam kerjaya TLDM yang diyakini, bersesuaian dengan kecenderungan dan minat masing-masing. Pendekatan seumpama ini telah meletakkan

TLDM setapak lebih maju ke hadapan berbanding cabang-cabang perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang lain dalam melaksanakan aktiviti pengurusan sumber manusia dengan lebih terancang dan sistematik. Sejajar dengan pandangan pemikir-pemikir ilmu pembangunan organisasi yang menyatakan peri pentingnya sumber manusia selaku tulang belakang sesebuah organisasi, TLDM dilihat telah mengorak langkah ke arah memantapkan keanggotaan sumber tenaga manusianya di peringkat bawahan menerusi pengenalan **Ujian Kecenderungan Minat Kerjaya Perajurit Muda TLDM** ini.



Indonesia and the security in *The Straits of Malacca*

By: SUMANTHY PERMAL (MIMA)

The Security in the Malacca Straits has become a burning issue because of the U.S proposal to intervene in the Straits of Malacca through its Regional Maritime Security Initiative (RMSI). The U.S is concerned over the movement of cargo relating to Weapon of Mass Destruction (WMD) through the straits and the possible threat from terrorist to international shipping in the Straits of Malacca. The RMSI is part of the U.S Proliferation Security Initiative (PSI) in its global war on terrorism.

The littoral states of the Straits of Malacca are Malaysia, Indonesia and Singapore. The straits, situated between the coastline of Thailand, Malaysia and Singapore to the East and the Indonesian island of Sumatra to the West, extends 600 miles (900 km) from its widest point (about 350 km between Northern Sumatra and Thailand) to its narrowest (less than 3 km wide between southern Sumatra and Singapore). At its shallowest, it has a reported depth of just 25 meters. According to the International Maritime Organization, at least 50,000 ships sail through this strait every year. About 30 per cent of the world's trade goods and 80 per cent of Japan's oil needs are being transported through this busy waterway. Thus the Straits of Malacca remain one of the most important shipping lanes in the world.

Admiral Thomas Fargo, head of U.S forces in the Asia-Pacific had suggested that U.S troops might assist in patrolling the straits to deter terrorists who might target shipping in the Malacca Straits. This suggestion has been rejected both by Malaysia and Indonesia. In an international conference on Asia in Singapore in the first week of June 2004, U.S Secretary of Defense Donald Rumsfeld in his speech at the conference stated that "US was very cautious in suggesting on the involvement of U.S troops in securing the straits, while nevertheless making it very clear that the country has strategic interest in the channel". While

Admiral Fargo never really outlined a totally unilateral U.S military initiative, he did say that "we are looking at things like high-speed vessels, putting special operation forces on high speed vessels, putting potentially marines on high speed vessels to conduct effective interdiction".

Malaysia feels there is no need for the presence of an extra regional force for the purpose of securing the straits and that such presence will impinge on the sovereignty of the country. The Malaysian Foreign Minister Dato Syed Hamid Albar had a meeting with his Indonesian counterpart on May 7, in Jakarta to discuss the U.S proposal. Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, minister in the Prime Ministers department announced in the parliament on 14 June, 2004 that Malaysia will have its own version of the U.S coast guard to patrol and safeguard security along the Straits of Malacca. This new enforcement agency will begin operations in March 2005. It will be equipped with vessels and aircraft capable of operation around the clock.

Indonesia has also announced that it will set up a joint special task force to safeguard the Straits of Malacca. Admiral Bernard Kent Sondakh, Chief of Indonesian Navy, said he will hold talks with Malaysian authorities. He is also reported to have said that "Indonesia deems it not necessary to include troops from outside countries including United States – to be involved in safeguarding the strategic waterway" (The Jakarta Post – June 17, 2004). According to the admiral, what was needed from the U.S was exchange of intelligence information, equipment and training assistance. Indonesia regards US intention and presence of foreign forces as a humiliation to Indonesian sovereignty and its equals foreign intervention in domestic affairs. Indonesia has also proposed the formation of an ASEAN maritime security cooperation forum at the conference held in Singapore.

Indonesia's initiative to safe guard The Straits of Malacca can be argued when the question of its capability and credibility arises. Mak Joon Num, Visiting Research Fellow at the Institute of South-East Asian Studies Singapore, said that for Indonesia, the Malacca Straits is only one of several it uses for international navigation. Indeed, the Malacca Straits is relatively unimportant to Indonesia since it serve only the eastern coast of Sumatra, which is relatively undeveloped and has no major port along the waterway.

Indonesia has to have convincing evidence that it is capable of securing the waterway, along with the other two littoral states. Indeed, it is not very pleasant to hear that Indonesia is currently not only unable to combat rampant piracy and robbery in its part of the straits, but that it has also become a source of security threats in the straits and the region as whole. The Indonesian Navy has for years complained that it desperately needs more equipment and money to combat piracy in the Strait of Malacca.

Indonesia's Domestic Dilemma

The Republic of Indonesia, the world's fourth most populous and largest Muslim-majority state, is undergoing a profound political transformation. Governmental instability, a fragile economy, secessionist movements, and ethnic and religious conflicts threaten the country's existing democracy. A successful democratic transition would allow Indonesia to serve as a capable partner in maintaining regional security and stability in Southeast Asia while reducing opportunities for potential Chinese hegemony. Conversely, political deterioration, the rise of Islamic radicalism or, in the worst-case scenario, the country's violent disintegration, would likely contribute to a more chaotic and unstable future for the region. Geoff Forrester in Post Suharto Renewal or Chaos quoted "Kevin Evans of ANZ Securities in Jakarta argues that the crisis in Indonesia is more than krismon (monetary crisis), the usual expression for the crisis on Indonesia. It is kristal (total crisis)"



Indonesia has along history of uncertainty and unsettled domestic problems. In May 1998, the Indonesian regime led by Suharto was shaken by demonstration and riots that began in February 1998 and worsened violence that spread from Jakarta to Yogyakarta, Bandung and Surabaya. Throughout the year students had been demonstrating about ending the regimes corruption, collusion and cronyism, overhauling the political system and lowering prices on basic necessities. The threat was captured in the cries of reformism, which meant to reform the political system by removing the incumbent regime and its leader, Suharto. In the violence, more than five thousand buildings were burned and over one thousand people killed. After it became evident that Suharto had lost the support of the military and following the chairman of Suharto's PDIP party's call for his resignation, Suharto resigned from his office after over thirty years as Indonesia's president.

Political instability in Indonesia is a longstanding issue which over shadows the countries standing in the International arena. The political transition that began with the first parliamentary election of the post-Suharto era in 1999 and the indirect election of Abdurrahman Wahid as president marked a milestone in Indonesia's movement toward a democratic political system. However, this transition has been difficult and uncertain. Wahid's government failed to effectively address the country's pressing problems and emerged from its first year in office with a narrowing political base and under imminent threat of removal. Megawati Sukarnoputri who took over the presidency after Wahid's dismissal has achieved some success in improving political stability. But she has failed to make any lasting progress in the fight against corruption, and has remained largely silent on her efforts to combat terrorism and regional militancy, she was criticized for in the aftermath of the Bali bomb attacks in 2002. Rampant corruption, soaring unemployment and the increasing threat from Islamic militants have done little to endear her to the Indonesian public.

The economic crisis of 1997-1998 devastated Indonesia's then fast-growing economy and exposed its economic vulnerability. During the Suharto regime, the concentration of power in the executive coincided with improvement in the Indonesian economy. From 1965-1988, per capita GDP rose by an average of 4.3 percent per year and grew by

almost 7 percent from 1988. These figures however marked an uneven economic prosperity of Indonesia. Economic development was concentrated in the central island such as Java and in the hands of the Indonesian Chinese community. Resentment over Indonesia's uneven economic development was seen in Medan in April 1994, when factory workers protested over pay and the right to organize a union outside the SPSI flared into riot and attacks against ethnic Chinese. The economic disparity between central Java and the outer islands and peripheral communities also explains the disturbance in Aceh and Irian Jaya (West Papua).

A challenge to Indonesia's territorial integrity is an ongoing issue which was widely covered by the media has gained international attention. The separation of East Timor in 1999 provided an impetus to other secessionist movements in the far more economically and politically important provinces of Aceh and Irian Jaya (Papua). At the same time, ethnic and religious violence has escalated in the eastern and central islands, generating stresses that the Indonesian political system may not be able to withstand. In November 1999, half million people took part in a pro independence rally in Banda Aceh, the provincial capital. When Jakarta rejected the calls for succession and demand for referendum, the region became wrecked by violence. There was a ceasefire agreement in 2000 between Indonesian National Forces and GAM but the killings continued. West Papua on the other hand has suffered from Jakarta's internal colonial economic development program and the military's use of violence to suppress opposition. The anti central government sentiment mounted due to the government exploitation West Papua's natural resources (the world's third largest open-cut copper mine and largest proven gold deposit) and encouraged the migration of Javanese to the province. The other reason for resentment towards Jakarta concerns the military use of violence and abuse of human rights. In July 1998, at least eleven people were killed on the island of Biak when they hoisted the West Papuan flag of independence and thirty one died in Wamena in October 2000 for the same reason.

Military reformation adapted by Abdurrahman Wahid succeeding from the post Suharto regime has also reflected the country's inconsistency in its policy of strong nation building. Indonesia's military were undergoing a significant transformation, which includes a retreat from its institutional political role and the transfer of internal security functions to a newly independent national police force. During Abdurrahman Wahid's presidency, there was an improvement in the military professionalism. The TNI was restructuring with a more outward looking orientation. There was an increased emphasis on the navy and air force. However financial pressures had prevented substantial changes.

Indonesia is unlikely to resume its leadership role in Southeast Asia until it overcomes its current domestic difficulties. A stable, independent East Timor will be key to the rebuilding of Indonesia's role in regional security. Ensuring a constructive relationship between Indonesia and East Timor will require the negotiation of an arrangement that takes into account the interests of all sides, as well as an international effort to train and equip an East Timorese security force capable of securing the border and protecting the population from continues militia factions.

Indonesia, while needing to resolve a number of domestic problems including political instability economic pressure, and territorial threats is now who faced with many other ongoing regional agenda particularly ensuring the safety and securing the straits of Malacca. In this regard, Indonesia's commitment to joint cooperation to patrol the security in the Straits of Malacca while welcomed brings forth questions about the resource that it will commit to the exercise. Malaysia however has the Coast Guard will be operational by March 2005. Singapore on the other hand is far ahead in its naval build up with the corvettes and the Lafayette Class FFG frigates to be added in 2005. These two regional partners seems to be real and clear on their agenda in the Straits of Malacca despite the friction of opinion and interest involving US presence in the region that is obvious between these two countries.

The first presidential election in Indonesia currently may result in a government based on a coalition of rival parties. In the absence of a strong leader capable of imposing cohesion on such a government, its performance will be hamstrung by many of the problems mentioned above. Security in the Straits of Malacca is one of the main concerns to our government currently. Indonesia is the littoral state involved directly in the straits. Malaysia in this respect need a stronger cooperation and commitment from Indonesia. But what is expected is more than what the country can deliver.



“GUGUSAN SEMARANG PENINJAU - BENTENG PERTAHANAN PERTAMA NEGARA”

OLEH: LT CHE HANIFA SURIANI BT CHE JAAFAR TLDM

“Mempertahankan Gugusan Semarang Peninjau Sehingga ke Titisan Darah Terakhir” adalah moto bagi setiap warga yang berkhidmat di Gugusan Semarang Peninjau. Gugusan ini terletak jauh di Laut China Selatan iaitu kira-kira 200 batu nautika Barat Laut dari Pulau Labuan.

Gugusan ini mempunyai 5 buah stesen terumbu iaitu Stesen LIMA TLDM, Stesen MIKE TLDM, Stesen UNIFORM TLDM, Stesen SI-ERRA TLDM dan Stesen PAPA TLDM. Kelima-lima stesen ini telah dibina oleh Syarikat PSC-ND DOCK-YARD dari Pulau Pinang.

Terumbu-terumbu ini mempunyai gelaran yang tersendiri bagi masyarakat tempatan Sabah iaitu “BENUD” yang bermaksud



CB90H pengangkutan utama di GSP

sengal ataupun lenguh. Ia disebabkan adanya sesetengah spesis ikan di sini yang jika dimakan akan mengakibatkan lenguh-lenguh sendi dan sakit-sakit badan.

Kelima-lima stesen ini merupakan unit Angkatan Tentera Malaysia yang terletak paling hadapan dalam susun atur pertahanan negara. Ia bertanggungjawab dalam aspek pemantauan aktiviti sekeliling yang berlaku di sekitarnya. Ia juga berperanan sebagai penanda atau batu asas dalam

menentukan kawasan tuntutan negara, termasuklah untuk memastikan tiadanya pencerobohan dilakukan ke atas kawasan ini.

Sebagai unit yang terletak di tengah-tengah Laut China Selatan dan dikehendaki beroperasi sepanjang masa, maka cara dan rutin kerja serta penugasan anggotanya turut berbeza dari unit-unit lain dalam TLDM. Setiap stesen terdiri dari anggota dari pelbagai cawangan dan pangkat yang

diketuai oleh seorang pegawai bagi melaksanakan pengawasan 24/7 (24 jam 7 hari seminggu).

Aktiviti-aktiviti sukan dan riadah serta pelbagai pertandingan sentiasa diadakan dari masa ke masa bagi memupuk semangat tim atau pasukan sesama anggota di setiap stesen. Antaranya adalah sukan sepak raga bulatan, berenang di dalam danau (kawasan selamat di stesen), ping pong dan aktiviti di gym, serta majlis tahlil dan barbeque.

Tempoh penugasan sebulan berada di unit terumbu adalah satu tempoh yang agak mencabar, terutama bagi mereka yang belum



Penghantaran minyak



Membuat rondaan di perairan

pernah mempunyai pengalaman di sana. Boleh dikatakan, kehidupan yang dilalui ibarat berada di dalam sangkar lautan. Walau bagaimanapun, dengan berkat kesabaran serta amanah yang telah dipertanggungjawabkan kepada mereka, tugas dipikul dengan penuh setia, komited dan bersemangat.

Stesen LIMA TLDM di Terumbu Layang-Layang (juga dikenali sebagai Pulau Layang-Layang) telah mula ditubuhkan dengan pembinaan tugu pertamanya yang didirikan pada 21 Jun 80. Pada mulanya, sejumlah kecil Pasukan Khas Laut (PASKAL) telah ditempatkan di terumbu ini pada bulan Mei 1983. Sehubungan itu, bagi membolehkan lebih ramai anggota TLDM ditempatkan di stesen ini, pada Mac 1984, sebuah modul penginapan telah mula dibina dan seterusnya disiapkan pada Februari 1985. Pada tahun 1989 pula, kerajaan telah memutuskan untuk



Bersukan di waktu petang

Terumbu Layang-Layang ini, selain daripada menjadi penempatan TLDM, turut dijadikan sebagai sebuah pusat pelancongan.

'**Layang-Layang Island Resort**' adalah sebuah tempat peranginan yang amat menarik dan sesuai untuk aktiviti skuba terutamanya. Kebanyakan pengunjung yang datang terdiri daripada negara-negara luar yang ingin melihat dan mencari kelainan hidupan marin ciptaan Tuhan. Di sini, terdapat pelbagai jenis ikan dan karang laut yang amat menarik dan unik yang mana ada di antaranya tidak terdapat di tempat lain.

Selain itu, Stesen LIMA ini juga sering dikunjungi oleh pelbagai jenis burung yang datang dari serata pelusuk dunia. Apabila tiba musimnya, burung-burung laut ini akan berhijrah ke stesen pada musim-musim tertentu.



Sering dilanda ribut

BAGAIMANA INTERNET BERFUNGSI ?

Oleh: LK KNA SAIFULNIZAM BIN AHMAD

Kebanyakan pengguna internet dari rumah menggunakan sambungan dial up melalui modem analog untuk mencapai internet. Proses mencapai internet anda bermula apabila anda mendail ke ISP (Internet Service Provider) seperti TMnet, MaxisNet, Time.net atau JARING

Secara ringkasnya sambungan ke internet bermula dari PC anda apabila menggunakan pelayar web (contohnya) dengan menggunakan protokol TCP/IP berhubung ke internet. Internet menggunakan protokol yang dinamakan TCP/IP (Transmission Control Protocol/ Internet Protocol) yang merupakan bahasa standard untuk internet. Di sini saya akan jelaskan proses yang berlaku di sebalik perlayaran anda ke dunia internet.

Bagi pengguna internet yang menggunakan sistem dial up melalui talian telefon anda mungkin menggunakan servis dari Telekom Malaysia, Maxis atau Time Telekom. Jenis talian yang digunakan mungkin dari jenis analog PSTN (Public Switched Telephone Network juga dipanggil POTS -Plain Old Telephone Service, dengan kelajuan 56kbps), digital-ISDN (Integrated Services Digital Network-sehingga 128kbps) atau digital-ADSL (Asymmetric Digital Subscriber Line) seperti Streamyx. Bagi pengguna talian analog PSTN, modem digunakan dan kelajuan maksimum yang boleh dicapai ialah 56kbps. Nama MODEM adalah singkatan dari perkataan MODULATE/ DEMODULATE. Tugasnya ialah untuk menukarkan signal digital dari komputer anda kepada analog untuk melalui telefon (modulate). Juga sebaliknya bagi menukarkan signal analog ke digital jika kita membuat sambungan remote access (demodulate). Semasa anda membuat dialup, modem menukarkan data dari PC anda kepada nada ton mewakili data yang anda hantar dari PC tersebut. Jenis modem yang anda gunakan mungkin dari brand Motorola, 3Com, Aztech, US Robotics dan Rockwell.

Signal analogue dari modem anda akan "berlayar" melalui wayar copper di tiang-tiang telefon di kawasan rumah anda ke ibusawat Telekom yang terdekat. Peringkat ini adalah dinamakan "transmission facilities". ** Switch atau Exchange yang biasanya terletak di pejabat Telekom berdekatan, akan menghalakan talian anda mengikut nombor panggilan yang dibuat. Contohnya jika anda dail kepada no 1511 sambungan akan dihalakan kepada ISP JARING dan jika 1515 akan disambungkan ke TMNET.

Switch atau Exchange secara amnya bertugas menyediakan akses tempatan bagi sesebuah kawasan, menghubungkan panggilan dari satu pengguna ke pengguna lain bagi kawasan tersebut. Selain dari itu ia juga menyediakan khidmat lain seperti "call waiting", "call transfer" dan lain-lain. Beberapa peringkat/ jenis exchange seperti TANDEM, ACCESS TANDEM dan International Gateway yang berbeza fungsinya dari segi saiz, liputan geografi, untuk menghubungkan switch/exchange berkenaan dan tidak akan dijelaskan disini. Bagi pengguna Telekom ada 5 vendor utama di Malaysia bagi exchange tersebut. Mereka adalah NEC (Jepun), Ericsson (Sweden), Alcatel (France) , Fujitsu (Jepun) dan Nokia (Finland).

POP (Points of Presence) boleh dikatakan sebagai pintu masuk kepada ISP anda. Contohnya jika anda pengguna JARING dan biasa mendapat satu login prompt dan password. Ia sebenarnya adalah akses anda untuk memasuki pintu masuk ISP dengan menggunakan terminal server seperti Shiva, Ascend, 3Com, Cisco dan lain-lain yang akan mengesahkan melalui login dan katalaluan tersebut. Proses pengesahan (authentication) dari segi login dan password disahkan dengan cara membandingkan login/katalaluan yang anda masukkan dengan sebuah database pengguna yang telah berdaftar secara sah.

Kemudian anda disambungkan kepada beberapa perkhidmatan untuk pengguna internet, contohnya Domain Name Server (DNS). Tugasnya untuk menukarkan nama domain contohnya www.yahoo.com kepada ip address dari sebuah database besar yang sentiasa di"update"kan.

Email Server - POP (Post Office Protocol) Server contohnya pop10.jaring.my merupakan email host anda.

News Server - Server untuk menghubungkan anda kepada usenet contohnya news.jaring.my. Server-server ini memerlukan sistem yang cekap dan pantas bagi memproses permintaan dari pengguna-pengguna internet.

Selain dari itu anda juga anda disambungkan kepada billing system yang merekodkan penggunaan masa internet anda. Billing system bergantung kepada equipment yang digunakan, biasanya menghasilkan CDR atau SNMP yang akan dipungut oleh billing system atau mediation server. Beberapa komponen network yang lain juga digunakan seperti firewall dan intrusion detection system (IDS) untuk sekuriti , load balancing untuk pembahagian beban , cache engine untuk mempercepatkan akses.

Internet backbone merupakan tulang belakang kepada ISP anda. Biasanya menggunakan high end routers dan mempunyai routing table yang kompleks. Kelajuan dan kapasiti merupakan salah satu isu utama. Jika laluan kecil seperti copper wire di tiang-tiang telefon tersebut diandaikan sebagai jalanraya, internet backbone ini bolehlah disamakan sebagai lebuhraya. Pelbagai teknologi digunakan seperti ATM, T1, T3, STM yang berbeza dari segi kelajuan dan mungkin juga medium yang digunakan seperti fiberoptik. Sambungan dari internet backbone tersebut disambungkan melalui laluan di dasar laut ke negara- negara lain. Akhirnya dari backbone tersebut kita disambungkan kepada servis-servis internet seperti anda sekarang ini disambungkan kepada webserver yang berada jauh beribu batu dari lokasi komputer anda! Webserver anda mungkin menggunakan OS yang berlainan seperti Linux, Windows NT, UNIX, FreeBSD dan lain-lain.

"GEMA LAUTAN"

MENGANTIKAN LASER RAY DAN VEETEE BOY'S

Oleh: LK I KNA Shahrudin bin Mohd Nor

Suatu ketika dahulu, Markas Wilayah Laut 2 (MAWILLA 2) amat berbangga dengan **Laser Ray** dan **Veetee Boy's** yang sangat popular dan terkenal di kalangan warga MAWILLA 2 dan masyarakat WP Labuan. Kumpulan ini sering menerima jemputan persembahan sama ada di dalam majlis rasmi atau tidak rasmi. Walaupun demikian, kebangkitan kumpulan **Laser Ray** yang popular pada penghujung era 80-an dan kumpulan **Veetee Boy's** pada awal 90-an terpaksa dibubarkan kerana kebanyakan dari ahli kumpulan ini telah bertukar keluar dan ada juga yang telah menamatkan perkhidmatan mereka dari TLDM. Kini setelah sekian lama menyepikan diri, MAWILLA 2 telah bangkit semula dalam arena seni hiburan ini. Pada penghujung tahun 2002, Panglima Wilayah Laut 2 iaitu Laksamana Pertama Datuk Abdul Aziz bin Hj Jaafar telah mencetuskan idea untuk mewujudkan kembali kumpulan kugiran MAWILLA 2. Pada peringkat awal, satu sesi uji bakat telah diadakan dan setelah hampir sebulan berlalu, ternyata terdapat di antara warga MAWILLA 2 yang berkebolehan dan didapati amat berbakat dalam bidang muzik. Setelah itu, dengan izin Panglima Wilayah Laut 2, **Gema Lautan** telah diwujudkan.

Gema Lautan terdiri daripada 8 anggota daripada pelbagai kepakaran termasuk anggota PSSTLDM. Buat masa ini, kumpulan ini dianggotai oleh BK RGR Ramli bin Awang (Ketua Kumpulan & Drummer), BM TNS(L) Oslan bin Osman (Bass), LK PPP Dominik Rajan (Gitar Utama), LK I KNA

Shahrudin bin Mohd Nor (Gitar Iringan) dan LK I RDP Mohd Nizam bin Yousof (Keyboard). Kumpulan ini kemudiannya disemarakkan lagi dengan suara lemak merdu penyanyi-penyanyinya iaitu LK KMT Mohd Yusri bin Shalidan, LK II KMR Zuraimi bin Ujali dan LK II KNG Rozitha Michael.

Kini, MAWILLA 2 telah berjaya melahirkan dan menceriakan semula arena hiburan hasil komitmen dan usaha gigih anggotanya serta Pengurusnya iaitu **Lt Kdr Mohd Shah bin Parjo TLDM** dengan dibantu oleh Lt Selva Kumar a/l Subramaniam TLDM dan Lt Dya Ismail bin Yacoob TLDM. Walaupun **Gema Lautan** baru 2 tahun ditubuhkan, namun kumpulan ini sudah cukup popular di WP Labuan dan kini telah setanding dengan Orkestra Perbadanan Labuan dari segi mutu persembahannya. Ini adalah kerana kebolehan penyanyi-penyanyinya untuk menyampaikan lagu dari pelbagai bahasa iaitu Melayu, Inggeris, Mandarin, Jepun, Korea, Hindustan termasuk bahasa tempatan seperti Iban dan Kadazan.

Selain itu, kumpulan ini juga berkebolehan untuk menyampaikan persembahan dalam pelbagai rentak dan irama seperti Rock & Roll, Pop, Latin, Irama Malaysia, Dangdut, Cha-Cha, Irama 60-an dan sebagainya. Kepelbagaian rentak dan irama ini sentiasa disesuaikan dengan konsep persembahan dan majlis yang diadakan. Di WP Labuan sendiri, **Gema Lautan** telah mendapat tempat di hati peminat muzik tempatan di mana kumpulan ini sering kali mendapat jemputan dan undangan dari Tentera Darat dan Tentera

Udara di WP Labuan serta agensi-agensi awam seperti Majlis Perbadanan Labuan. Dengan usia yang masih muda, kumpulan ini dengan berani telah meyakinkan diri untuk membuat persembahan di



khalayak awam. Ini terbukti dengan kejayaan mereka layak ke peringkat akhir dalam pertandingan "Battle Of Band WP Labuan" dan akhirnya mendapat tempat ke-4 di antara 29 kumpulan yang bertanding. Syabas kepada **Gema Lautan**.

Dengan kehalusan alunan muzik yang disampaikan serta persembahan yang amat bertenaga, sememangnya kumpulan ini telah diakui dan diyakini oleh masyarakat tempatan. Suara-suara pujian dan galakan sering didengari dan keadaan ini telah membangkitkan perasaan terharu dan bangga kepada setiap ahli kumpulan ini. Hasil dari usaha dan komitmen yang telah ditunjukkan, kini **Gema Lautan** sangat bertuah kerana telah diberi tempat yang sangat selesa untuk latihan hariannya iaitu sebuah bangunan yang mana sebelum ini menjadi tempat simpanan peralatan sukan telah diubahsuai untuk dijadikan studio. Sinonim dengan cetusan idea Panglima Wilayah Laut 2, studio ini telah diberi nama **Studio 1220**.

"Walaupun bagaimanapun, masih banyak lagi yang perlu dipelajari oleh setiap ahli kumpulan bagi memantapkan lagi persembahan kita", begitulah kata-kata yang sering diucapkan oleh BK RGR Ramli bin Awang selaku ketua kumpulan sebagai ingatan kepada anggotanya agar tidak leka dengan pujian yang diterima.

Adalah diharapkan dengan adanya kumpulan **Gema Lautan** ini, ia dapat mewarnai dan mengembangkan arena hiburan di dalam TLDM khasnya dan ATM amnya.



Persembahan istimewa dari "Gema Lautan"

Jangan Seseekali Membenci Makanan!

Adakah anda makan tepat pada waktunya? Atau pernahkan anda menjauhi snek ringan yang dianggap strategi paling baik dalam usaha untuk mendapatkan tubuh badan yang sihat dan cergas?

DAGING

Ia adalah sumber protein dan nutrisi yang terbaik. Lebih-lebih lagi bagi wanita yang kurang mendapat zat besi dan vitamin B12. Namun begitu, perkara penting yang harus dielakkan adalah dengan mengambilnya secara berlebihan terutama dari bahagian 'prime rib' atau 't-bone' kerana ia mengandungi kandungan lemak dan kalori yang berganda tinggi.



Gambar ehsan Majalah Wanita

KEJU

Keju mengandungi sumber kalsium yang tinggi serta asid yang baik. Ia mampu mengelakkan kanser, penyakit jantung dan kencing manis. Ia juga berupaya menurunkan berat badan di samping mencegah timbunan lemak dalam tubuh. Adalah tidak mengaapa jika ia diambil dalam jumlah yang sedikit ketika bersarapan pagi contohnya untuk dimakan bersama roti atau biskut bagi menyedapkannya lagi.

COKLAT

Ia diktakan dapat mencegah kanser dan serangan sakit jantung kerana kandungan anti oksidanya. Ia juga boleh didapati dalam buah-buahan dan sayuran segar. Bahkan ia berupaya membangkitkan mood tenang dan selesa ketika anda mula menikmatinya. Namun, pastikan anda memilih coklat yang rendah kandungan gulanya supaya ia tidak merosakan gigi anda. Jika boleh, ambil yang plain tanpa campuran kekacang dan lain-lain lemak tambahan.

SUSU

Pilih susu yang bebas lemak atau rendah kandungan lemaknya. Ini kerana tubuh anda memerlukan kalsium agar seimbang dengan tenaga yang dikeluarkan.

KOPI

Selain untuk dijadikan sebagai ubat mata mengantuk yang mujarab, kandungan kafeinnya dapat mengurangkan faktor alahan terhadap sesetengah makanan. Dalam masa sama, ia mampu menaikkan daya tumpuan anda terhadap aktiviti-aktiviti yang dilakukan. Namun begitu, memadailah untuk 2 hingga 3 cawan sehari tanpa perlu menambah terlalu banyak krim.

MIGRAIN: Wanita lebih cenderung daripada lelaki

Migrain ialah satu keadaan di mana sakit kepala terjadi disebabkan oleh aliran darah dan perubahan kimia di otak. Perubahan ini akan menyebabkan arteri yang membekalkan darah ke otak tersekat dan menimbulkan sakit kepala yang diikuti dengan rasa tidak selesa pada perut, loya dan pening. Ia juga kadangkala menimbulkan kesan pada pandangan yang menimbulkan satu fenomena pada pemandangan yang dipanggil "aura". Ia adalah satu keadaan neurologi yang biasa dialami oleh penduduk negara maju dan yang sedang membangun. Ia biasa menyerang seseorang pada peringkat usia selepas baligh.

Migrain ialah sejenis penyakit keturunan yang mempunyai kecenderungan untuk berulang. Wanita mempunyai kecenderungan mengidap migrain yang lebih tinggi berbanding lelaki (75%). Kebiasaannya, ia akan berlaku sebelum datangnya haid dan selepas menopause. Adakah anda pengidap migrain? Jika anda mengalami 2 dari simptom-simptom berikut, bermakna anda juga tergolong dalam golongan dominan yang mengidap migrain.

- Biasakah anda mengalami gejala gangguan saraf seperti titik buta dan melihat motif seperti zig-zag sebelum mengalami sakit kepala? Atau anda seperti melihat sinar cahaya yang amat terang hingga terasa seperti hampir buta dan seseekali melihat objek di hadapan anda mempunyai "aura" di sekelilingnya? Selalunya gejala seumpama ini akan berlaku selama 15 hingga 20 minit dan diikuti oleh sakit kepala yang teruk.
- Adakah anda biasa mengalami sakit kepala yang teruk dan berdenyut-denyut di sebelah atau satu bahagian kepala sahaja? Atau anda biasa mengalaminya yang diikuti dengan muntah atau cirit-birit?
- Biasakah anda berasa amat sensitif dan takut pada cahaya yang terang (fotofobia), berasa amat sensitif pada bunyi (fonofobia) dan berasa amat sensitif pada bau (osomofobia)?

Jika anda mengalami 2 daripada simpton-simpton yang dinyatakan, ini bermakna anda berkemungkinan mengalami migrain. Bagaimanapun, anda perlu mendapatkan nasihat doktor terlebih dahulu sebelum membuat sebarang keputusan atau kesimpulan.

• Dipetik dari Majalah Wanita oleh LT RABAYAH BT RAHMAT TLDM

BOROI DI KALANGAN ANGGOTA TLDM: DI MANA SILAPNYA?

Oleh: PW I TMS OTHMAN BIN KASSIM



Warga TLDM patut rasa bersyukur kerana tinggal di pertiwi bertuah ini yang aman, makmur dan mewah dalam segala hal jika dibandingkan dengan negara lain di dunia yang sering menghadapi peperangan sehingga membawa kepada penderitaan dan kebuluran kepada rakyatnya.

Di sini, kita pula mudah lupa bahawa di samping kemewahan yang sedang dinikmati sekarang, ia juga boleh memudaratkan. Samada selama ini kita sedar atau tidak akan kerana kurangnya pengetahuan, kesedaran dan keinsafan, maka ia akan datang secara perlahan, senyap dan memakan masa tetapi sekurang-kurangnya ia memberi petanda awal kepada kita supaya bersedia dan berusaha untuk mencegahnya.

BOROI dalam istilah kamus Dewan bermaksud "Perut Buncit". Perut buncit hanya boleh dan dinilai oleh orang lain. Jarang sekali ada individu yang akan mengaku bahawa dia sebenarnya telah pun boroi. Bagi mereka, apabila telah menyarung 'uniform' dan berpakaian kemas, mereka tentu akan selalu memuji tentang ke'macho'an sendiri kerana keboroiannya mereka telah dilindungi oleh pakaian sedangkan orang lain melihat sebaliknya. Boroi boleh terjadi kepada sesiapa saja yang malas mencerminkan diri sendiri dan tidak berdisiplin tentang pengambilan makanan seharian. Oleh itu, rajin-rajinlah mencerminkan badan sendiri untuk mengelakkannya. Sebagai seorang anggota tentera, adalah amat memalukan jika kita kelihatan boroi.

Penulis kini berumur 43 tahun, sejak tahun 1997 telah berjuang bersungguh-sungguh untuk mendapatkan kembali Body Mass Index (BMI) seperti yang ditetapkan oleh TLDM. Sewaktu berkhidmat di KD LEKIR, berat penulis adalah 75 kg dengan ketinggian 1.68m tetapi semenjak berada di Kolej Tentera Laut Diraja (KTLD) TLDM, berat penulis telah menurun kepada 65 kg.

Mengapa boroi? Semakin umur seseorang meningkat, bermula dari umur 17 tahun selera makan akan bertambah. Bagi mereka yang berumur 25 tahun ke atas pula, pengawalan dalam pengambilan makanan adalah amat penting terutamanya di waktu pagi. Kebanyakan daripada kita amat meminati dan merindui roti canai, nasi lemak dan teh tarik bersusu. Makanan tengah hari orang Melayu seperti yang kita tahu banyak menggunakan santan sebagai bahan utama contohnya seperti kari (kari kepala ikan/daging) atau masak lemak cili api. Minum petang, meja di dapur akan dipenuhi pula dengan kuih-kuih yang manis-manis belaka di samping pisang goreng yang selalunya digoreng dengan minyak masak murahan pasar malam. Beberapa jam kemudian, makan malam pula disajikan dengan lauk-pauk yang bermacam jenis hingga rambang mata dibuatnya. Tidak terkecuali tentulah ada yang lauk bersantan. Selepas makan, perut akan kenyang dan menonton televisyen akan menjadi pilihan. Pergerakan selepas makan agak terhad. Sepatutnya kita berjalan sekurang-kurangnya 40 langkah selepas makan (amalan mengikut sunnah Rasulullah s.a.w).

Penulis kini berumur 43 tahun, sejak tahun 1997 telah berjuang bersungguh-sungguh untuk mendapatkan kembali Body Mass Index (BMI) seperti yang ditetapkan oleh TLDM. Sewaktu berkhidmat di KD LEKIR, berat penulis adalah 75 kg dengan ketinggian 1.68m tetapi semenjak berada di Kolej Tentera Laut Diraja (KTLD) TLDM, berat penulis telah menurun kepada 65 kg. Penulis bertekad apabila berada di KTLD dan bergelar jurulatih, penulis perlu menjaga imej diri agar kelihatan sihat dan mempunyai BMI yang sepatutnya. Alhamdulillah, ia berjaya dilakukan. Adakah pembaca ingin berkongsi cara diet yang diamalkan oleh penulis? **Demi kebaikan, apa salahnya.**

Waktu pagi jam 10 penulis hanya bersarapan 3 keping roti dan minum air mineral. Makan tengah hari pula adalah nasi berlaukkan sayur tumis air dan ikan yang digoreng dengan minyak masak bunga matahari atau dari jenis minyak 'canola'. Elakkan daripada mengambil susu pekat manis dan malangnya hanya memakan roti (jika boleh roti jagung) sebagai pengalas perut. Minum Milo 'O' tanpa gula. Ini bermakna penulis haruslah menjadi seorang 'vegetarian' dan berkorban untuk makan malam yang berat. Motto 'Sedia Berkorban' telah menjadi kata azimat buat penulis. Banyakkan minum air suam dan kurangkan gula serta garam. Ingat! Berhenti makan sebelum kenyang dan jangan tidur selepas waktu asar adalah petua yang penulis amat titikberatkan. Pada waktu petang, lakukan senaman 3 kali seminggu selama 30 minit seperti berjoging, berjalan atau berenang. Sekiranya tidak larat berjoging, cukup sekadar berjalan kerana ia juga

boleh membakar sejumlah besar kalori bagi sebuah perjalanan. Dari itu, **mulakan dari sekarang.** Buatlah satu azam bersama tekad dan kemahuan.

Melalui pemerhatian penulis, warga TLDM yang berumur 35 tahun ke atas mempunyai masalah untuk menghindari masalah boroi yang agak besar. Walau pun BMI seseorang itu berasa pada paras selamat, perlu diingat bahawa mereka masih boleh mengalami boroi. Selain itu, orang kurus dan sederhana besar juga boleh memiliki perut buncit. Sekiranya ini berlaku, sudah tentu mereka akan kelihatan lebih hodoh jika dibandingkan dengan mereka yang telah pun boroi. Justeru, siapa yang perlu dipersalahkan jika ramai anggota TLDM yang boroi? Kesimpulannya, hanya 2 perkara penting yang perlu ditekankan iaitu pengawalan makanan dan senaman yang berterusan. Oleh itu, adalah wajar bagi setiap anggota untuk menjaga BMI masing-masing agar sentiasa kelihatan segar dan kemas. Ia juga mencerminkan betapa individu tersebut mempunyai disiplin diri yang tinggi.

Bagi warga TLDM yang menetap di Lumut, aktiviti mendaki Bukit Engku Busu boleh dijadikan antara riadah yang sihat pada hujung minggu, terutamanya dalam menjaga jantung yang sihat. Sedihnya, masyarakat awam adalah pihak yang paling banyak mendaki bukit ini, malah seawal jam 6:30 pagi. Walaupun pendakian Bukit Ungku Busu ini agak memenatkan tetapi unsur-unsur kedamaian, keindahan dan kehijauan terutamanya apabila berada di puncak bukit, sekurang-kurangnya dapat melepaskan 'stress' tugas-tugas seharian samada di kapal mahupun di darat. Ini secara tidak langsung dapat mengubati jiwa kita yang 'sakit'.

Dalam cara lain, Pangkalan TLDM Lumut sendiri ada mempunyai sebuah kompleks sukan yang besar dan indah, tetapi penglibatan anggota TLDM bersama keluarga masih boleh dikira dengan jari. Pada hujung minggu misalnya, didapati masyarakat awam lebih banyak menghabiskan masa dengan membawa anak-anak mereka. Ada juga yang terkandas di luar pintu masuk kolam. Perbandingan lain yang tidak kurang ketarannya adalah seperti di Bandar Sitiawan (pada jam 6 pagi dan 5 petang), terdapat ramai warga Cina sedang melakukan senaman 'Tai Chi' di padang Astaka. Ini termasuklah aktiviti joging dan berjalan kaki di sepanjang Lapangan Terbang Sitiawan.

Perlu diingat di alaf baru ini, kesihatan adalah segala-galanya dalam hidup. Wang tidak lagi memainkan peranan utama. Tanpa kesihatan yang baik, kita tidak mampu beribadat, makan, bersantai mahu pun berjuang untuk mempertahankan negara tercinta. Fikirkanlah wahai pembaca yang budiman, seperti sabda Rasulullah s.a.w. bahawa perut besar itu adalah sarang penyakit. Makan kemudian tidur pula mengundang pelbagai penyakit. **S**



PW II TNS(S) Noor Azhar

Pengadil Lumba Basikal TLDM

Oleh: Lt Kamarulzaman TLDM

"Tanggal 27 Jul 1963, seorang bayi lelaki telah dilahirkan di Kampung Tanjung Gemuk Endau, Rompin Pahang. 813795 PW II TNS (S) Noor Azhar bin Abu Bakar yang dimaksudkan ini adalah anak ketiga dari 5 orang adik beradik, telah mendapat pendidikan awal di Sek Keb Tg Gemuk dan seterusnya melanjutkan persekolahannya di Sek Men Ahmad, Pekan, Pahang. Setelah menamatkan peperiksaan SPM pada tahun 1981, beliau bekerja dengan sebuah syarikat juru ukur di Rompin, Pahang sehingga tahun 1984."

Pada 10 Feb 1985, beliau telah melapor diri ke Pusat Latihan Rekrut di Woodlands, Singapura dan bermulalah kehidupan baru beliau sebagai seorang anggota tentera laut. Kini, PW II TNS (S) Noor Azhar bertugas di Depot Logistik Wilayah Laut 1, Kuantan Pahang sebagai Bintang Tadbir Stor Am. Beliau bergiat aktif dalam acara bola sepak sehingga mewakili Division Panglima sejak tahun 1988 selama 6 tahun berturut-turut. Pencapaian terbaik beliau ialah mewakili KD MALAYA Piala Zain dan seterusnya ke peringkat MINI OLIMPIK pada tahun 1984.

Pada tahun 1995, PW II TNS (S) Noor Azhar telah mula menjinakkan diri dalam arena **Sukan Berbasikal ATM**. Pada ketika itu, Pengerusi Persatuan Lumba Basikal ATM ialah Kept Ismail Bin Hamzah TLDM. PW II TNS (S) Noor Azhar telah dilantik sebagai pembantu kepada Setiausaha Sukan Basikal ATM iaitu Lt Kdr Abd Halim bin Hj Saari TLDM. Sepanjang menjadi pembantu kepada Lt Kdr Abd Halim, beliau banyak dilibatkan dalam tatacara pengurusan lumba basikal. Ini termasuklah dalam menguruskan pasukan ATM di peringkat negeri (beliau juga pernah terlibat hingga ke peringkat Asean yang diadakan di Thailand). Bagi beliau sendiri, pendedahan awal ini banyak membantu dalam menyemai minat mendalam dalam bidang lumba basikal.

Pada tahun 1997, buat pertama kalinya PW II TNS (S) Noor Azhar telah didedahkan kepada peranan pengadil, setelah dilantik sebagai pembantu pengadil mewakili ATM dalam acara Kejohanan Lumba Basikal Perlis. Pengiktirafan yang



Kenangan bersama barisan pengadil di Le Tour The Langkawi

tidak ternilai ini membuatkan beliau ingin maju dengan lebih jauh lagi.

Pada tahun 1998, cita-citanya telah membuahkan hasil apabila buat kali pertamanya beliau telah dipilih untuk menghadiri **Kursus Kepengadilan "Komisar"**. Antara perkara utama yang dipelajari adalah undang-undang berbasikal dan bagaimana untuk menjadi seorang pengadil yang baik untuk acara *velodrom* atau jalan raya. Setiap satunya adalah amat mencabar dan mempunyai peranan yang berbeza. Setiap pengadil juga hendaklah mempunyai lesen yang diperbaharui oleh Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia pada setiap tahun. Secara kasarnya, jumlah pengadil berlesen yang aktif di seluruh negeri adalah tidak melebihi 30 orang dan TLDM memiliki salah seorang daripadanya iaitu personality kita pada kali ini.

Pendedahan kursus lanjutan pada awal tahun ini akhirnya berbaloi apabila PW II TNS (S) Noor Azhar telah terpilih sebagai Pengadil dalam **Kejohanan Commonwealth 1998**. Sebagai pra-pemanasan,

beliau telah dilibatkan sebagai pengadil dalam Pra-Olimpik yang berlangsung sejurus sebelum temasya sukan kedua terunggul dunia itu bermula. Dalam kejohanan tersebut, beliau terpilih sebagai pengadil bergerak untuk acara jalan raya. PW II TNS (S) Noor Azhar merasa sangat teruji apabila terpaksa berhadapan dengan pelbagai karehah atlit dan pengurus pasukan yang datang dari pelbagai negara. Antara perkara utama yang terpaksa dihadapi adalah masalah komunikasi. Sebagai contoh, wakil dari negara Arab, Itali dan Perancis adalah yang paling sukar untuk memberikan kerjasama berikutan masalah bahasa. Ini termasuklah terdapat pelumba basikal terutamanya dari negara Eropah yang sengaja memperkecil-kecilkan keupayaannya selaku pengadil tempatan dengan memprotes beberapa keputusan yang diberikan. Namun, itu semua dapat dihadapi dengan baik berbekalkan pengalaman dan tunjuk ajar yang telah dipelajari. Walaupun demikian, bagi PW II TNS (S) Noor Azhar, pengalaman dalam sukan ini yang terbaik dan termanis.

Pada tahun 1999 dan 2000, kalender beliau didapati penuh dengan pelbagai kejohanan peringkat kebangsaan. Setiap kejohanan berlangsung selama 5 hari dan sekurang-kurangnya 2 hari diperlukan untuk tujuan pemanasan. Ketika ini, beliau bertugas di KD MALAYA. Pegawai Bahagian beliau pada ketika itu amat menggalakkan aktiviti sukan yang diceburinya ini. Pelepasan kerja, komitmen dan kerjasama yang diperolehi dari semua pihak ini tidak disia-siakan sehinggalah beliau dikenali sebagai salah seorang daripada pengadil lumba basikal ATM yang amat disegani ramai. Pada penghujung tahun 2000, aktiviti beliau dilengkapi pula dengan **Kejohanan Jelajah Mesra Polis** yang mana telah menyaksikan kejadian malang salah seorang peserta lumba basikal ATM iaitu Koperat Jefri yang retak ibu jari kaki akibat terlibat dalam kemalangan sewaktu perlumbaan.



Antara sijil penghargaan yang dimiliki ...

Pada tahun 2001, khidmat beliau sekali lagi diperlukan dalam kejohanan **Sea Games XXI** sebagai *komisar velodrom* dan jalan raya. Semenjak itu, beliau terus menjadi pengadil undangan dari First Cartel untuk acara **Le Tour The Langkawi** yang dianjurkan pada setiap tahun bermula dari tahun 2001 hingga 2004. Kejohanan berprestij dunia yang mendapat penajaan bersama Telekom Malaysia ini telah dilaksanakan selama 15 hari (10 hari pertandingan dan 5 hari bagi urusan pengurusan dan pentadbiran). Pada tahun ini juga, jika ada rezeki mendatang, beliau ingin terus menjadi pengadil buat kali yang seterusnya (kali kelima) dalam **Le Tour The Langkawi**.

Sepanjang pengalaman beliau, pelbagai peraturan digunapakai semasa perlumbaan di peringkat antarabangsa. Di antaranya ialah mengenakan denda dalam bentuk wang untuk setiap kesalahan. Sebagai contoh, denda akan dikenakan kepada pelumba yang menyebabkan kemalangan terhadap pelumba lain dan kepada pelumba yang mengekori kereta untuk masuk semula dalam kumpulan setelah tertinggal di belakang. Berbeza pula dengan acara velodrom, acara di jalanraya hanya memerlukan ketahanan mental dan fizikal yang tinggi termasuk stamina tubuh badan untuk melaksanakan kerja-kerja lasak yang pastinya berterusan. Namun begitu, semangat juang dan ingin menang telah memainkan peranan penting dan menjadi senjata tambahan kepada setiap peserta lumba basikal.

Sepanjang menceburkan diri dalam bidang ini, terdapat juga pengalaman yang tidak dapat dilupakan. Antaranya ialah ketika mengiringi satu kumpulan kecil pelumba semasa **Le Tour The Langkawi 2001** apabila tiba-tiba salah seorang daripada pelumba negara Mapei telah dilanggar oleh motorsikal Polis Trafik. Pelumba tersebut mendapat cedera parah sehingga terpaksa dikeluarkan daripada pertandingan. Kejadian tersebut betul-betul berlaku di hadapan beliau.

Di samping itu, beliau juga tidak lepas dari mengalami peristiwa yang melucukan sewaktu **Le Tour The Langkawi 2002**. Semasa pendakian di puncak Genting Highland, motorsikal berkuasa tinggi yang beliau naiki telah rosak. Akhirnya beliau terpaksa menumpang kereta dari pasukan lain untuk mengiringi pelumba hingga ke garisan penamat.

Secara peribadinya, PW II TNS (S) Noor Azhar berpendapat bahawa masa depan sukan berbasikal negara akan lebih cerah dan cemerlang jika pelumba-pelumba diberi peluang untuk didedahkan hingga ke peringkat antarabangsa termasuk latihan-latihan di luar negara. Ini adalah bagi memantapkan kemahiran dan seterusnya untuk lebih menguasai bidang ini. Pelumba Negara iaitu Rusman bin Alwi dan Josiah Ng adalah idola kepada beliau sepanjang penglibatannya dalam sukan ini. Kepada mereka yang ingin dan sedang terlibat dalam sukan berbasikal ini, beliau menasihatkan agar memiliki prinsip hidup dan disiplin diri yang baik termasuk sentiasa menanamkan azam untuk berjaya. **SEDIA BERKORBAN!**

Sambutan Hari kemerdekaan Di Kuantan, Pahang



Marilah sama-sama kibarkan Jalur Gemilang



Segak mengatur langkah....

Lawatan Dan Anugerah Pingat PGAT Kepada PTL Thailand



Tahniah saya ucapkan...



Segak, kemas, trampil...

Pameran Ekspo Kerjaya ATM Di Pulau Pinang



"Bang... besar nanti, nak masuk Navy boleh tak?"



"Bestnya naik rakit penyelamat"

Sumbangan Cek Kepada Isteri Anggota Mangsa Kemalangan



Semoga cepat sembuh...



Terimalah sumbangan ikhlas dari TLDM ini...

Lawatan DYMM Sultan Selangor Ke Sabah



Ketibaan Tuanku di KD LEKIU



Selamat Datang, Tuanku...

Majlis Santapan Beradat Sempena Hari ATM Ke-71



Sabar menunggu ketibaan VIP...



Keberangkatan tiba SPB Yang Di Pertuan Agong

Majlis Penyerahan Sumbangan Kuih Raya



Ucapan aluan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor



Terimalah sumbangan yang tak seberapa dari kami....

Anugerah Jurufoto Dan Wartawan Terbaik ATM



Tahniah atas kejayaan anda...



Anugerah Jurufoto terbaik ATM... LK PWP Fauzi Bin Ramli

Sekitar Hari TLDM Ke-70



Bila agaknya majalah ini dapat diagihkan?



Tuan ku asyik meneliti majalah kebanggaan TLDM

Majlis Berbuka Puasa Di MTL



Selamat Berbuka Puasa...



Anggota menikmati juadah setelah seharian berpuasa

Lawatan Muhibah TLDM Ke Luar Negara



Lawatan muhibah- erat hubungan kenegaraan



Lemah gemalai... persembahan kebudayaan TLDM di Korea

MALSINDO - Rondaan Terkoordinasi 3 Negara



Kerjasama rondaan bersama.....termeterai



Bergabung tenaga menangani masalah perairan 3 negara



**‘Manusia dapat mengubah hidup mereka hanya dengan berubah minda mereka’
- William James**

KEBEBASAN MINDA

Lt Kdr Martin Anandarajah Sebastian TLOM
CSU-MBA (Aust) MCIT (UK) DELF (Fr)

Dalam keluaran dahulu, 5 unsur utama yang memerangkap dan menyekat kebebasan minda kita iaitu Kekaburan (Blindspots), Andaian (Assumption), Sambil Lewa (Complacency), Tabiat (Habit) dan Sikap (Attitude) telah dikenalpasti. Dalam keluaran ini, kita akan meninjau cara-cara membebaskan minda kita. Dengan kebebasan ini, kita akan dapat menyumbang dengan lebih berkesan kepada diri kita dan juga organisasi secara keseluruhan. Secara makro, usaha yang diperlukan untuk membebaskan minda adalah seperti di bawah:

Hapuskan Kekaburan
Cabar Andaian
Kurangkan Sikap Sambil Lewa
Buangkan Tabiat Negatif
Tanamkan Sikap Positif

Hapuskan Kekaburan

Seperti yang dijelaskan dalam keluaran lepas, "Kekaburan" bermaksud penglihatan seseorang itu kabur atau tidak jelas disebabkan penglihatan itu disekat oleh sesuatu.

Ibarat seorang pemandu yang ingin memotong kenderaan lain, pada sudut tertentu, cermin-cermin kenderaan gagal memberi keadaan sebenar pada pemandu tersebut. Keadaan ini dapat diatasi dengan mengadakan cermin yang mempunyai pandangan luas (wide-angle mirror). Ianya akan memberi kita pandangan yang lebih jelas. Dalam suatu organisasi, pandangan yang luas dapat memberi penyelesaian yang pasti kepada isu-isu berbangkit dan masalah harian.

Untuk mencapai pandangan luas, pendekatan yang terbuka dan sikap sedia menerima kritikan membangun bukan sahaja memberi imej ketelusan tetapi ianya dapat membantu dalam membuat keputusan yang waras. Warga yang berpandangan luas juga akan dihormati oleh semua pihak.

Cabar Andaian

Kebolehan "Mencabar Andaian" memberi manfaat yang tidak ternilai. Ianya akan dapat membantu dalam persediaan (anticipate) untuk menghadapi sesuatu kemudaratan. Hanya

dengan mencabar andaian, kita dapat menyoal keadaan untuk memastikan sesuatu aktiviti akan berjalan seperti yang diinginkan. Adalah terlambat untuk menuduh orang perseorangan selepas kejadian. Kepincangan dapat dielakkan jika andaian dicabar supaya kita bukan sahaja dapat bersedia dalam segala aspek untuk menghadapi kepincangan malah dapat mengelakkan kepincangan daripada berlaku. Kadangkala, kita tidak akan dapat maklumat yang diperlukan untuk menjalankan tugas harian. Ini adalah keadaan di mana andaian akan memainkan peranannya. Jika kita dapat mencabar andaian dengan mengambil langkah pro-aktif, nescaya kita dapat menjadi warga yang komited dan produktif kepada organisasi.

Kurangkan Sikap Sambil Lewa

"Sikap Sambil Lewa" tercetus daripada perasaan selesa. Akibat dari perasaan ini, kita tidak dapat mencungkil bakat dari diri kita dan juga keupayaan dari organisasi kita. Kita selesa dengan diri dan keadaan yang sedia ada ataupun selesa dengan pencapaian yang silam. Namun, keselesaan ini tidak akan berpanjangan sekiranya kita dicabar dengan keadaan yang sebenar. Kita hanya akan menyedari akibatnya apabila menyedari sudah terlambat. Sambil kita mengecapi keselesaan, kita telah kehilangan kesempatan yang dapat dimiliki sekiranya kita sedari implikasinya lebih awal. Ramai yang telah kehilangan peluang dan kepuasan berkhidmat hanya kerana mereka telah terserong dengan sendirinya untuk menikmati keadaan sambil lewa. Dari itu, kurangkan sikap sambil lewa dan bebaskan minda untuk mengharung lautan ilmu. Usaha dan daya anda akan menyediakan anda untuk menghadapi ombak dan arus perubahan. Yang pasti, anda akan lebih bersedia daripada yang ingin menunggu 'Yang pipih datang melayang, Yang bulat datang bergolek'.



Buangkan Tabiat Negatif

Apabila kita melihat roket angkasa lepas sedang berlepas, kita dapat melihat betapa banyak tenaga diperlukan untuk roket itu keluar daripada paras bumi. Begitulah banyaknya tenaga yang diperlukan untuk buangkan tabiat buruk yang telah lama dipraktikkan. Tenaga roket berkurangan apabila melepasi ke ruang angkasa dan seterusnya ke destinasi. Tabiat yang tidak produktif, jika dibuang dengan bersungguh-sungguh akan dapat menjaga tabiat yang baik dengan nilai-nilai yang lebih produktif. Kita harus bercermin diri dengan mengkritik tabiat yang tidak menghasilkan pendirian yang positif. Memang benar, usaha untuk membuang tabiat harus konsisten dan pasti. Namun, usaha ini adalah satu pelaburan yang akan memberi faedah jangka panjang yang tidak ternilai harganya. Anda akan dapat melihat dengan sendiri kejayaannya bukan sahaja pada diri tetapi pada anak buah yang bakal menjejaki langkah anda untuk menjadi insan yang berjaya.

Tanamkan Sikap Positif

Akhir sekali ialah sikap kita. Penanaman sikap positif memerlukan lebih dari hanya perubahan minda. Ia memerlukan aksi yang positif. Sikap yang negatif dapat dilihat atau didengar. Dalam erti kata yang lain, ianya sentiasa dipamerkan oleh warga yang inginkan suasana organisasi yang mundur. Jika kita ingin melihat sikap yang positif di kalangan warga, kita harus mempamerkan sikap yang sama kepada mereka dengan kata-kata dan aksi dinamik dan memberangsangkan. Sikap negatif yang menyedapkan motivasi diri untuk terus maju. Ianya juga memudaratkan minda dan daya pemikiran untuk mencari jalan penyelesaian. "Ini tak betul, itu tak betul, jadi....apa yang betul?". Kita harus keluar daripada sikap menyuluh kelemahan dan berubah kepada sikap menambah nilai kelebihan. Dari itu, kita dapat sama-sama kecapi keindahan semulajadi yang telah diilmpahkan kepada semua.

Jangan sekali-kali kita menjangkiti anak buah dan organisasi dengan penyakit sikap negatif kita. Ianya tidak memanfaatkan malah hanya merugikan diri sendiri. Sikap yang positif boleh membawa kita kepada kejayaan di luar jangkaan. Selamat mencuba. S

Bekerja Sebagai Satu Ibadah

Oleh: Lt (Ust) Abdul Jabar bin Yusuf

Salah tanggapan terhadap konsep ibadah dalam Islam akan menjadikan kita beranggapan bahawa ibadah dalam Islam hanya bersangkutan tentang ibadah seperti sembahyang, puasa, haji dan sebagainya.

Persepsi sedemikian menjadikan amal ibadah individu begitu sempit lantaran kedangkalan memahami konsep ibadah secara mendalam. Sebenarnya konsep Ibadah begitu luas merangkumi semua aspek kehidupan. Pekerjaan juga merupakan satu Ibadah yang tidak ternilai yang akan dikira sebagai amalan kebajikan. Alangkah ruginya jika pekerjaan yang menjadi sebahagian dari kehidupan kita tidak dikira sebagai amalan kebajikan disebabkan oleh kesilapan kita sendiri dalam menterjemahkan konsep ibadah lalu berakulah gejala negatif yang menjadi barah dalam masyarakat. Namun, terdapat beberapa syarat untuk menjadikan pekerjaan yang dilakukan dikira sebagai ibadah:

A. KETENTUAN NIAT.

Sebelum melakukan sesuatu pekerjaan, niat memainkan peranan penting ke arah mencorakkan hala tuju sesuatu pekerjaan. Hadis Nabi menyebutkan bahawa **"Setiap Pekerjaan Bermula Dengan Niat"**. Lintaskan dalam hati untuk melakukan sesuatu pekerjaan kerana Allah, pasti akan mencorakkan budaya riang, Gemilang dan Terbilang. Justeru, niat akan memisahkan antara adat yang akan menentukan ganjaran pahala atau sia-sia.

B. JENIS PEKERJAAN.

Terdapat pelbagai pekerjaan yang boleh dilakukan di mana-mana.

Pekerjaan yang membawa kepada ibadah ialah pekerjaan yang membawa kepada kebaikan. Ia bergantung kepada sejauh mana dilakukan selagi ianya tidak melanggar prinsip-prinsip yang terkandung dalam suruhan serta larangan Allah dan RasulNya.

C. MEMATUHI NILAI SERTA ETIKA MURNI.

Seorang pekerja yang berkualiti serta mematuhi konsep ibadah ialah mereka yang sentiasa berusaha untuk mematuhi etika kerja yang digariskan dengan cemerlang. **Konsep Taabbud** (Pengabdian) ketika bekerja akan menjadi penghalang untuk tidak melakukan gejala negatif ketika bekerja seperti rasuah, penindasan, curi tular, penipuan dan sebagainya.

D. PENDEKATAN (APPROACH).

Dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan, kaedah yang dilakukan untuk mencapai matlamat perlu berlandaskan kepada pendekatan yang murni. Islam amat menentang cara bekerja yang bertentangan dengan syarak walaupun mempunyai matlamat (objektif) yang baik. Matlamat tidak menghalalkan cara (**The objective can be derived, however the approaches must strictly follow the Islamic teachings, principles and methodology**) merupakan mekanisme terbaik ke arah mendapat piawai yang sebenar ketika melakukan sesuatu pekerjaan. Penyimpangan terhadap kaedah ini akan mengundang balasan buruk dari Allah s.w.t. Ianya akan membawa kepada konsep keberkatan yang akan memberi kesan terhadap pertumbuhan darah daging

yang sekaligus dicernakan melalui tingkahlaku dalam kehidupan.

E. MENDAPAT KEREDHAAN ALLAH.

Islam membuka seluas-luasnya ruang untuk bekerja asalkan tidak menyalahi kehendak syarak. Nabi Muhammad s.a.w telah bersabda yang bermaksud **"Dunia Merupakan Tempat Cucuk Tanam Untuk Akhirat"**. Keredhaan Allah merupakan matlamat utama pencarian kehidupan di dunia. Ukuran pekerjaan yang mendapat keredhaan Allah ialah setiap pekerjaan yang membawa kebaikan. Di samping bekerja untuk keperluan dunia, urusan akhirat pula janganlah diabaikan. Pekerja yang cemerlang ialah pekerja yang berjaya menyeimbangkan keperluan dunia dan akhiratnya. Tiada guna bekerja hingga meleleh keringat membasahi diri jika diri sendiri gagal untuk sembahyang walaupun seketika.

KESIMPULAN

Justeru, untuk menjadikan pekerjaan yang dilaksanakan tidak menjadi sia-sia, tunaikanlah keperluan yang dinyatakan supaya kita menjadi manusia seperti yang digariskan oleh pujangga Islam yang berbunyi, "Bekerjalah untuk duniamu seolah-olah kamu akan hidup selamanya dan beramallah untuk akhiratmu seolah-olah kamu akan mati esok hari".

Bayu PERWIRA

Kau dan aku di waktu itu
Cuba meniti titian, lalu tersungkur.
Aku, tak bisa merubah yang telah terjadi
Tapi aku, akan menjanjikan yang terbaik
Meski beza dermaga untuk kita berlabuh.

Perwiraku...
Gapailah setiap citamu
Biarkanlah resah...kenangkanlah semalam.
Setiap detik kau tempuhinya
Dengan nafas kesungguhan
Aku bersamamu!!

Berjanjilah setia tak akan berpisah
Ikrar kita harungi badai sakti
Jangan pula ada sangsi
Percaya cinta tiada ganti
Kaulah satunya hingga akhir nanti.

Oleh: LT RABAYAH TLDM

Tanah Ini

Di tanah ini.....
Aku duduk.....
Aku berdiri.....
Aku berjalan.....
Aku berlari.....

Di tanah ini menggamit seribu erti
Erti keperitan.....
Erti kesusahan....
Erti kesedihan.....
Erti kegembiraan....
Tanah ini.....

Takkan kubiar ia dijajah semula
Akan ku pertahankan tanah ini
Tidak berganjak walaupun seinci
Bangunlah.....
Bangunlah wahai bangsaku.....
Wahai bangsa ku....
Jangan kita musnahkan tanah ini.....
Dengan taktik yang kita atur sendiri

Oleh: LK I TMK ZULKIFLI BIN MOHD NOOR

Kepada Yang Tak Mengerti

Insan
Kenapa kau masih tak mengerti?
Bukankah telah ku nyatakan?
Bukan sekali, dua, tiga.....
Malah berkali-kali
Dengan harapan kau mengerti
Dengan harapan kau memahami
Namun apa yang aku dapat?
Ketidakpastianmu.....
Malah aku pula kau anggap
Pembawa luka
Pembawa racun
Fikiranmu.....

Insan
Ini yang terakhir.....
Fahamilah
Mengertilah
Aku juga seperti insan lain
Punya perasaan
Punya cita-cita
Punya harapan
Punya tanggungjawab
(Yang pasti tak kuabaikan)
Punya cinta

Insan
Aku perlu berusaha
Perlu sedaya upaya
Untuk mencapai hasratku

Yang mungkin akan merobek
Jiwa insan lain
Bukan kehendakku

Insan
Yang pasti
Demi kejayaan ini
Yang pasti menjadi julanganku
(Atas kehendaknya)
Akan ku harungi
Biar tanpa
Pengertianmu
Pengertian mereka
Sesiapa juga

Insan
Yang pasti
Dari hati kecilku
Apa yang ku lakukan
Bukan untuk aku.....
Bukan memenuhi nafsuku.....
Bukan tuntutan batinku.....
Tapi demi mereka
Yang bergelar insan
Demi mereka
Yang bergelar
ANAK MERDEKA!
Dirimu?
Tentu sekali.....

Insan
Hayatilah
Kata-kataku
Luahan hatiku
Kerana
Terlalu pedih.....
Cukup pedih.....
Hati ini
Mendengar cemuhan
Dari mereka
Yang bergelar insan
Dirimu?
Tentu sekali.....

Jangan kau bentang tanganmu
Menghalang langkah perjuangan ini
Biar ku berkubur
Di lautan tanpa nisan
Biar darah merah
Membasahi bumi bertuah
Untuk mereka
Untuk tanah ini
Untuk keturunanku....
Itulahjuanganku!

Hakikatnya
Gentar di medan perjuangan
Tidak sekali.....

Aku
3164 AZZA a.e.

Surpassing threats now and in the future



Bofors 40 and 57 Mk3 naval guns together with the technologically unparalleled 3P ammunition ensure tactical freedom on all levels of conflict.

www.boforsdefence.com



Partnership in Action



BAE SYSTEMS

www.baesystems.com